

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 30

Khamis

25 Jun 2009

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENTERI KEWANGAN DI BAWAH P.M. 66A DAN 67B:	
■ Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan	(Halaman 30)
USUL:	
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 118)
UCAPAN PENANGGUHAN:	
■ Penggunaan Teknologi Carbon In Leach Bagi Pemprosesan Emas	
- <i>Tuan Er Teck Hwa (Bakri)</i>	(Halaman 118)
■ Penggantungan Myanmar dari ASEAN Serta-merta	
- <i>Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)</i>	(Halaman 122)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 25 Jun 2009

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, apakah kerajaan ada atau bercadang menjalankan kajian mengenai kesan terhadap mutu dan jumlah penerbitan filem atau rancangan terbitan tempatan kesan dari kemasukan filem atau rancangan luar ke negara ini.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan II [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan melalui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) bercadang untuk membuat kajian impak ke atas kemasukan filem dan rancangan luar negara ke atas mutu dan jumlah bilangan penerbitan filem dan rancangan tempatan pada awal tahun 2010. Walau bagaimanapun, kementerian ini melalui FINAS telah menjalankan satu kajian bertajuk "*Penontonan Filem Cereka di Malaysia, Tingkah Laku, Cita Rasa, Persepsi dan Harapan*". Kajian ini bertujuan untuk mengetahui profil sosiodemografi dan psikografi khalayak filem cereka, pola buat keputusan tentang penontonan dan faktor yang mempengaruhi pemilihan filem, isu-isu, identiti dan hala tuju filem cereka di Malaysia serta mengatasi khalayak dengan tingkah laku, pola buat keputusan, cita rasa dan persepsi mereka terhadap filem cereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, mutu sesebuah filem ramai yang berpendapat diukur dari segi penerimaan penonton..., jumlah penonton yang berjaya ditarik dan ramai berpendapat bahawa bergantung pada sama ada filem itu berjaya menarik atau menggamit perasaan penonton, sama ada perasaan kasih, sayang, sedih...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalannya, Yang Berhormat. Jangan panjang sangat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ini hendak masuk. Ini termasuklah perasaan ganas; benci kepada keganasan, benci kepada Chin Peng. Mungkin kementerian boleh pertimbangkan filem benci kepada Chin Peng.

Persoalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah adakah kementerian akan mewujudkan satu jawatankuasa atau badan yang menilai mutu sesebuah filem dan kesan ganas, jahat dan sebagainya supaya filem kita akhirnya bukan sahaja bermutu tinggi tetapi ada kesan yang baik kepada negara Malaysia. Anak-anak muda ini supaya rakyat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, jangan berceramahlah, Yang Berhormat. Saya minta. Yang Berhormat, saya akan tutup.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Akhirnya menjurus kepada Satu Malaysia yang kita idam-idamkan. Sekian, terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ledang atas cadangan untuk menubuhkan satu jawatankuasa supaya nilai dan mutu filem yang dikeluarkan di negara ini akan bertambah baik. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini ada bercadang untuk membikin filem kenegaraan atau patriotik. Ia diharapkan akan dapat tontonan yang tinggi dari rakyat Malaysia. Memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa mutu sesuatu filem adalah jangan dinilai semata-mata dari tontonan dan dari pendapatan..., kutipan kasar atau bersih oleh sesuatu filem tetapi ia juga mesti diukur dari segi nilai yang ditayangkan kepada rakyat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Serdang.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, menurut statistik yang sedia ada pada saya, pada tahun 2006, sepuluh buah wayang yang paling ramai orang tonton, satu hingga sembilan buah adalah wayang daripada Hollywood dan sebuah filem tempatan ialah "*Cicakman*". Pada tahun 2007 pun sama, satu hingga sembilan adalah wayang daripada Hollywood ataupun Hong Kong hanya sebuah filem tempatan iaitu "*Jangan Pandang Belakang*". Tahun 2008 lagi teruk, satu hingga kesepuluh semuanya daripada Hollywood ataupun Hong Kong, tidak ada langsung filem tempatan.

Jadi, soalan saya adalah bagaimana kementerian bercadang untuk mempromosikan industri wayang tempatan kita supaya industri wayang kita tidak akan terjejas atas *influence* ataupun pengaruh dari Hollywood ataupun Hong Kong. Terima kasih.

■1010

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Serdang atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Serdang bahawa masih jauh ketinggalan dari segi tontonan ataupun populariti *rating*

filem yang diterbitkan di negara kita dan oleh yang demikian kementerian ini sedang merangka dan sedang menggalakkan banyak lagi pembikin filem dari luar negara supaya dia sempat juga datang ke negara kita. Kita mengharapkan dengan adanya pembikin wayang atau filem dari luar negara, maka pembikin filem di negara kita akan juga merasa impak saingan. Oleh yang demikian akan menambah baik mutu filem yang dikeluarkan oleh mereka.

Berkenaan dengan filem dari Hollywood dan Hong Kong iaitu kerana kalau kita tengok dari segi statistik, oleh kerana filem di Malaysia belum begitu banyak, pada tahun lepas, tahun 2008 kita hanya mengeluarkan 25 filem kalau dibandingkan beratus-ratus filem yang dikeluarkan, malah mungkin beribu-ribu filem yang dikeluarkan di luar negara, maka masih ada kekurangan dari segi pengeluaran di negara kita. Oleh yang demikian kita mengharapkan lebih banyak pencipta filem ataupun pembikin filem akan mengeluarkan filem di Malaysia. Terima kasih.

2. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah kerajaan mempunyai rancangan untuk mengurangkan dan pada akhirnya mengharamkan penggunaan plastik beg seperti apa yang dilakukan oleh sesetengah negara. Apakah KPI yang ditetapkan kementerian dari segi perlindungan alam sekitar di Malaysia.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, pada ketika ini kerajaan tidak bercadang untuk mengharamkan penggunaan beg plastik seperti yang dilakukan oleh sesetengah negara. Bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil dua pendekatan iaitu menjalankan kempen mengurangkan penggunaannya dan mengitar semula beg plastik supaya ianya tidak berakhir di tapak pelupusan sisa pepejal.

Dalam hal ini, peraturan bagi mengasingkan sisa pepejal yang boleh dikitar semula seperti plastik daripada sisa pepejal yang lain akan diwujudkan supaya plastik sedemikian dapat dikutip untuk dikitar semula. Sungguhpun kerajaan boleh mengambil tindakan-tindakan bagi menangani masalah ini, namun usaha tersebut tidak akan membuahkan hasil yang baik sekiranya orang ramai yang tidak menjalankan tanggungjawab mereka untuk tidak membuang beg plastik di merata-rata tempat dan mengurangkan penggunaan beg plastik yang disediakan oleh kedai-kedai dan pasar-pasar raya.

Bagi melindungi alam sekitar di Malaysia, KPI yang ditetapkan dalam pengurusan sisa pepejal yang berkesan dalam hal ini, KPKT telah menetapkan supaya tempat-tempat pelupusan sisa pepejal yang tidak *sanitary* dan terletak di kawasan-kawasan sensitif seperti kawasan tadahan dan tempat pengambilan air ditutup dengan selamat. Semua tapak pelupusan sisa pepejal yang sedang beroperasi tetapi tidak *sanitary* akan dinaikkan taraf dan hanya tapak pelupusan sisa pepejal yang bertaraf *sanitary* sahaja akan dibina. Tapak-tapak pelupusan sisa

pepejal *sanitary* yang mempunyai loji rawatan bagi memastikan atau air larut resap yang dihasilkan tidak mencemarkan alam sekitar. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kata kerajaan ada mengadakan rancangan untuk mengurangkan penggunaan beg plastik di kalangan orang ramai, tetapi kita tidak nampak pun kempen seperti ini dijalankan sama ada melalui media massa ataupun di tempat membeli belah. Contohnya, bila kita masuk ke *supermarket*, kita selalu lihat *counter girl* itu masukkan barang kita ke dalam beg plastik dan banyak beg plastik digunakan. Kadang-kadang saya kata dengan mereka, saya tidak mahu gunakan beg plastik. Saya hanya ambil barang itu keluar. Dia kata tidak boleh keluar daripada *supermarket* tanpa menggunakan beg plastik syarikatnya.

Jadi soalan saya ialah, apakah kementerian telah menjalankan apa-apa bentuk kempen di kalangan orang ramai, di kalangan pengurus *supermarket* supaya orang ramai sedar bahawa kita harus mengurangkan penggunaan plastik, malah tidak menggunakan beg plastik. Contohnya, bila saya pergi ke negeri China, *supermarket* Parkson di sana mereka tidak beri beg plastik kepada saya tetapi mereka mahu saya bayar 2 Renminbi untuk ambil beg plastik itu.

Soalan saya juga, adakah kementerian ingin mencontohi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengadakan *one day free of plastic bag* di kalangan *supermarket* kita untuk menunjukkan bahawa kementerian ini memang serius untuk mengurangkan penggunaan beg plastik.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Sebenarnya kita sudah ada kempen. Mungkin Yang Berhormat tidak membaca surat khabar ataupun tidak mengambil bahagian dalam kempen ini. Untuk pasar raya sahaja, kita ada enam pasar raya yang telah mengambil bahagian dalam kempen seperti *Giant*, *Mydin*, *Tesco*, *Jusco* dan juga *The Store*. Jadi sebenarnya sudah ada kempen. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, ia mempunyai akta sendiri. PBT ini adalah diselia oleh negeri masing-masing dan ia mempunyai peraturan dan undang-undang atau akta PBT masing-masing.

Terpulanglah kepada negeri-negeri tersebut sama ada ia membuat hari Isnin hari tanpa plastik ataupun apa-apa hari pun, kita tidak masalah, kerajaan tidak ada masalah. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, dalam kerajaan kita sudah mempunyai Akta 672 iaitu Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 tetapi pada masa kini kita belum menguatkuasakan. Pertama, pertimbangan kita ialah bagaimana dengan masa depan pengusaha-pengusaha industri plastik di negara kita. Bagaimana? Kita akan buat tetapi tidaklah secara mengejut.

Kalau Yang Berhormat terlibat dalam *business* ini? Jadi kita pun ada pertimbangan seperti itu. Jadi kita akan menguatkuasakan peraturan ini, kita ada undang-undang, tetapi oleh kerana keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional kepada pengusaha-pengusaha seperti ini. [Tepuk] Jadi kita kena bertimbang rasa. Apakah nanti kalau sekiranya ditakdirkan oleh Tuhan,

yang di sebelah itu jadi kerajaan, adakah kerajaan terus mengambil langkah untuk menutup terus apa juga perusahaan plastik di negara kita. Terima kasih.

Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi perhatikan jawapan Timbalan Menteri tentang KPI tapak-tapak pelupusan sampah di negara kita yang seharusnya mesti *sanitary*. Soalan saya adalah apakah bentuk, kaedah dan teknologi yang terkini diguna pakai oleh kementerian Yang Berhormat untuk merawat air kumbahan? Adakah kolam kelodak masih digunakan atau adakah SSB juga digunakan kerana pada pendapat saya, ini memang tidak mencukupi untuk merawat air kumbahan dengan sempurna. Terima kasih. Mohon jawapan.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Yang Berhormat Mambong. Soalan Yang Berhormat pertamanya soalan spesifik. Jadi saya mungkin akan rujuk dengan pihak pegawai-pegawai saya. Saya akan jawab secara bertulis. Akan tetapi walau bagaimanapun, memang ada negeri-negeri ataupun PBT yang akan sampai kepada *sanitary* untuk tapak pembuangan sampah. Jadi teknologi yang kita gunakan seperti yang diminta oleh Yang Berhormat Mambong tadi saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih.

■ 1020

3. **Dato' Haji Mohd. Jidin bin Shafee [Setiu]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, mengenai jumlah tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) mengikut kesalahan, sama ada pemimpin politik atau kesalahan lain sejak 2004 dan sejauh manakah hasil kajian kerajaan terhadap akta ini.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama soalan Yang Berhormat Rantau Panjang bertarikh 29 Jun, kerana kedua-dua soalan adalah berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2004 seramai 100 orang telah dikenakan perintah tahanan di bawah seksyen 8, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Pecahan jumlah orang tahanan mengikut kesalahan bagi tempoh tersebut adalah seperti berikut:

Jenis Kesalahan	Jumlah
Pemalsuan dokumen	29
Pemalsuan wang	17
Penyeludupan pendatang tanpa izin	1
Kumpulan Haram HINDRAF	5
Pembekal Komponen Nuklear	1
Gerakan Pemisah Selatan Thailand	3
Agen Perisikan Asing	7

Kumpulan Militan Malaysia (KMMM)	1
Penulisan Menghina Kesucian Islam	1
Kumpulan Darul Islam	17
Kumpulan Jemaah Islamiah	18

Sehingga kini, hanya 12 orang tahanan yang masih menjalani perintah tahanan di bawah AKDN 1960. Mereka ini terdiri daripada lapan orang tahanan yang terlibat dengan kegiatan militan, serta empat orang tahanan yang didapati terlibat dengan pemalsuan dokumen. Daripada jumlah 12 orang tahanan tersebut, enam orang daripada mereka adalah warganegara asing dan hanya enam orang lagi adalah warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa ucapan sulung sempena pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia telah pun menyatakan bahawa, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 akan dikaji semula dan Kementerian Dalam Negeri tetap komited terhadap hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Pada masa yang sama, kementerian yang bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan kepentingan negara serta ketenteraman awam sedang dan akan terus melaksanakan proses kajian semula akta ini. Mengikut kesesuaian dan keperluan keselamatan semasa yang semakin mencabar. Negara dan dunia kini berhadapan dengan ancaman keselamatan berbentuk global termasuklah dari kumpulan militan antarabangsa dan jenayah merentasi sempadan. Sebarang cadangan pindaan atau pemansuhan AKDN 1960 ini tidak akan sesekali menggadaikan keselamatan dan kepentingan negara serta kesejahteraan dan keharmonian rakyat selari dengan gagasan "*Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*".

Tuan Yang di-Pertua, selain proses kajian terhadap pelaksanaan AKDN 1960, kementerian juga akan melaksanakan proses kajian serupa terhadap undang-undang pencegahan lain yang diletakkan di bawah tanggungjawab kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya. Kementerian berpandangan bahawa telah tiba masanya untuk kita mengkaji semula kesesuaian dan keberkesanan undang-undang ini, bagi memastikan kemampuannya untuk berhadapan dengan ancaman-ancaman baru supaya keselamatan, kestabilan negara dan rakyat kita terjamin. Terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Setiu.

Dato' Haji Mohd. Jidin bin Shafee [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah mengenai seorang yang bernama Mas Selamat Kastari. Saya difahamkan Mas Selamat Kastari ini telah ditahan dan mengapakah pihak kementerian memutuskan untuk mengenakan perintah tahanan kepada Mas Selamat Kastari ini di bawah ISA? Mengapa kerajaan

mengambil keputusan untuk tidak menyerahkan Mas Selamat Kastari ini kepada Kerajaan Singapura dan adakah Mas Selamat Kastari ini sangat bahaya kepada negara?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, Mas Selamat Kastari merupakan ahli kanan kumpulan militan Jemaah Islamiah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Soalan bocorkah ini? Soalan bocor...
[Ketawa] Dewan riuh]

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Berhubung kait dengan ISA, tidak perlu bocor. Yang Berhormat pun ada ruang untuk hendak tanya soalan-soalan yang tak mungkin boleh bocor pun... *[Ketawa]* Yang mempunyai rangkaian hubungan di Malaysia serta negara-negara di rantau ASEAN. Saya tahu secara terperinci latar belakang pengesanan Mas Selamat Kastari, rancangan, rangkaian dan hubungannya dengan kumpulan-kumpulan militan ini.

Beliau telah dikenakan perintah tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana kerajaan mendapati bahawa kegiatan beliau bukan sahaja mengancam keselamatan negara kita. Akan tetapi kedudukan dan rangkaian beliau juga mengancam keselamatan negara jiran seperti Singapura dan juga Indonesia.

Penyusunan masuk Mas Selamat Kastari ke negara ini telah membangkitkan semula ideologi ekstremisme dan percayalah maklumat yang kita perolehi, ia merupakan satu perancangan dan kedudukan yang cukup serius. Mungkin ada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini kalau faham, tahu, melihat apa yang dirancang boleh mengambil soalan tambahan ini, sebagai soalan yang remeh.

Keputusan kerajaan untuk tidak mengekstradisi Mas Selamat Kastari ke Singapura adalah berdasarkan pembabitian aktif beliau yang mengancam keselamatan negara dan hubungan beliau dengan rangkaian-rangkaian yang wujud di seluruh dunia termasuk dan khususnya di rantau ini. Ancaman serangan daripada pengganas antarabangsa yang bertindak untuk membalas dendam terhadap tindakan yang diambil oleh kerajaan boleh membawa kesan kepada negara, rakyat dan Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri. Oleh sebab itulah Yang Berhormat Setiu, saya ucapkan terima kasih. Mas Selamat Kastari masih berada di bawah tahanan kita buat ketika ini.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya sebenarnya hendak bagi kepada Yang Berhormat Shah Alam, tetapi Yang Berhormat Shah Alam sudah soal tadi. Saya tak jadi... *[Ketawa][Dewan riuh]* Yang Berhormat Titiwangsa.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya tak soal Tuan Yang di-Pertua, saya komen sahaja. Soalan bocor... *[Ketawa]*

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Segala maklumat yang dikatakan ada di dalam pengetahuan Yang Berhormat Menteri. Kalau benarlah begitu maklumat, kenapa mereka ini tidak dibawa ke mahkamah dan dibicarakan? Itu sebenarnya isu utama! Bagaimana satu pihak boleh menuduh satu orang atau satu pihak yang lain, pengganas, militan, mengancam keselamatan negara sedangkan dia tidak boleh mempertahankan diri dia. Banyak bukti di sini, rakan-rakan kita yang ditahan...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: ...Ada melancarkan roket dan sebagainya sedangkan mereka sebenarnya tidak langsung mengancam keselamatan negara. Ini adalah satu dosa besar Barisan Negara yang tidak akan dimaafkan oleh rakyat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Yang ini kena ISA.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya ingin bertanya, seorang tahanan ISA yang masih berada dalam tahanan di Kamunting selama lapan tahun, Mat Shah. Kenapa dia masih ditahan walaupun rakan-rakannya telah pun dibebaskan? Adakah kerana isterinya aktif dalam GMI iaitu Gerakan Mansuh ISA? Kalau benar-benar dia masih mengancam, bicarakan dia. Terima kasih... [Tepuk]

Beberapa Ahli: Ya!

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Berapa tahun kajian ini, berapa tahun?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya sudah sebut, mereka yang berada di bawah tahanan, jumlahnya hanya 12 orang. Jadi jangan kita membenarkan pihak pembangkang memutarbelitkan keadaan...[*Dewan riuh*] Dengan menyatakan bahawa apa yang telah pun kita siasat. Saksi-saksi mereka yang telah memberi keterangan di mana kalau kita dedahkan akan menjejaskan keselamatan mereka sendiri... [Dewan riuh]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Siasatan terhadap kejadian penjenayah yang ada rangkaian di peringkat antarabangsa, tidak boleh diselesaikan di dalam satu, dua hari...

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

■1030

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Buktikan. Sudah bertahun, lapan tahun.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kita cakap berhubung kait dengan 12 orang tahanan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat jangan buat Parlimen macam ini.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kalau sekiranya Yang Berhormat mempunyai perkara-perkara tertentu dalam kes-kes yang spesifik, saya tidak ada apa-apa hendak disembunyikan. Yang Berhormat bawa ke Dewan ini kita buka fail mereka yang berkenaan dan kita dedahkan tetapi jangan sekali-kali...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Mahkamah...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Seputeh ada di Dewan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Jangan sekali-kali membuat tuduhan terhadap Kerajaan Barisan Nasional secara menyeluruh kerana apa yang kita lakukan ini ialah untuk menyelamatkan kedudukan Yang Berhormat sendiri.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kedudukan BN, bukan kedudukan kita. Kalau sudah ada mahkamah di bawah telunjuk...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat ...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak pernah ...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Mana boleh macam ini Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tolonglah Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Titiwangsa, Yang Berhormat Padang Serai. Ahli-ahli Yang Berhormat tolong duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh cakap apa juga tetapi apabila orang sebelah sini cakap Yang Berhormat cakap macam itu. Kena dengar juga Yang Berhormat, berani bercakap, berani mendengar Yang Berhormat.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah kita tidak umumkan jumlah yang masih ditahan. Jumlah yang ditahan sekarang hanya enam orang warganegara Malaysia. Keduanya, tidak pernah kita sebut perkara-perkara dan sebab-sebab mereka ditahan. Hari ini kita dedahkan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ketiganya saya sudah menyatakan angka secara menyeluruh tetapi saya sebutkan kedudukan mereka yang ditahan pada hari ini.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini bukan bantahan kita. Bantahan kita bukan kerana maklumat...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan ini saya hendak jawab kepada kesemua pihak pembangkang atau seorang sahaja?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payah jawab lagi Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Mereka mempertikaikan ISA. Saya sudah nyatakan bahawa kerajaan akan mengkaji tetapi selagi akta...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Timbalan Menteri, berapa tahun? lima tahun? 25 tahun?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya akan buktikan kepada Yang Berhormat bahawa ianya sedang dilakukan sekarang dan ia akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini dalam masa yang terdekat dan kita catatkan dalam Hansard bahawa Yang Berhormat ini salah.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kajian PPSMI dahulu pun tidak terpakai.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat Shah Alam...*[Ketawa]*

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: PPSMI dahulu pun...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang dibangkitkan ini semuanya berunsurkan politik hendak mempengaruhi orang ramai di luar sana.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Memanglah. Kajian PPSMI.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kita lihat kajian ini berhubung kait dengan keselamatan dan ketenteraman negara.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kita mewakili orang ramai di luar.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Undang-undang yang sedia ada...

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: PAS pun sokong ISA dahulu, Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Undang-undang yang sedia ada sekiranya ianya belum dipinda masih berkuasa dan saya sudah nyatakan bahawa kerajaan tetap akan membuat pindaan, kajian sedang dilakukan dan...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bila?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Pembentangan akan dibuat dalam masa terdekat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh libatkan kami dalam kajian ini?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat Shah Alam duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Shah Alam. Sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Di sini dari segi kajian kalau Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kajian PPSMI sampai tukar Menteri.
[Ketawa]

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sebenarnya pihak pembangkang ini bimbang. Dalam kita menjawab...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ...Menteri pun tidak selesai lagi, spesifik...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Tentang kedudukan ISA sebenarnya diputar-belitkan dengan isu-isu lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya bagi amaran. Saya minta Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Pokok Sena jangan tarik *mike* itu ke bawah.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kalau sekiranya hujah-hujah mereka kukuh berhubung-kait untuk membuktikan bahawa kajian ini sedang dilaksanakan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Apa jawapan Menteri?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kalau berani buktikan mengikut kesalahan apa dakwa mereka di mahkamah?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat Padang Serai, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Bagus juga apa yang berlaku sekarang ini. Tengok kerenah dan gelagat parti pembangkang. [*Dewan riuh*] [*Tepuk*]

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kita cakap pasal keselamatan negara, kita dengar apa yang disebutkan untuk pindaan, apabila kita hendak jawab berhubung-kait dengan usaha-usaha kerajaan untuk pinda akta, inilah tindakan mereka.

Jadi hendak buktikan bahawa kita dalam kajian beberapa perkara yang sedang difikirkan. Tempoh tahanan 60 hari, pelantikan Pegawai Siasatan Bebas, perkara-perkara yang dikenal pasti sebagai mendatangkan ancaman kepada negara dan ketenteraman awam. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Titiwangsa sendiri kalau sekiranya dituduh bahawa ISA ini digunakan untuk politik. Dalam kajian ini kita sedang memikirkan perkara-perkara yang boleh disesuaikan dengan keadaan sekarang. Kalau *terrorisme* menjadi pertimbangan kita hari ini, itu yang kita hendak lakukan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Semua ditahan di bawah akta ini.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Duduk. Mengehadkan jumlah perlanjutan perintah. Kalau dikatakan tadi bahawa tempoh mereka ditahan ini terlalu lama, maka ini yang kita hendak bincangkan dan fikirkan. Jadi apabila kita lakukan ini, mereka bimbang kerana tidak ada modal untuk dibawa kepada orang ramai untuk kepentingan politik mereka. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tambahan. Ini mustahak. Satu soalan tambahan. Yang disebut oleh ucapan sulung Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, boleh saya kemukakan soalan tambahan.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak boleh, mana boleh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tengok tindakan dan kelakuan, kurang sopan macam ini. *Irresponsible ministry*.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dahulu Menteri Pelajaran pun...

4. Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:-

- (a) sama ada usaha kerajaan untuk menambah pengeluaran daging tempatan berjalan mengikut jadual dan berapa peratusan penurunan import daging dicapai sepanjang tahun 2006 – 2008; dan
- (b) jika tidak, apakah langkah lain yang sedang diambil.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, keperluan daging negara disumbangkan oleh sektor pedaging utama iaitu industri ayam, lembu dan kambing. Namun demikian di antara ketiga-tiga sektor berkenaan, negara masih meletakkan pergantungan kepada pengimportan daging bagi lembu dan kambing. Ini adalah di sebabkan keupayaan semasa industri lembu dan kambing pedaging negara yang belum mampu untuk mengeluarkan kuantiti daging mengikut keperluan negara.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan pengeluaran daging negara ke tahap sara diri sebanyak 28% bagi daging lembu dan 10% bagi daging kambing menjelang tahun 2010. Prestasi tahun 2008 telah menunjukkan bahawa industri kambing pedaging telah mencapai sasaran tahap sara diri lebih awal daripada yang disasarkan iaitu sebanyak 10.04%. Sementara itu industri lembu pedaging hanya mencapai 25.38% iaitu kurang 2.62% daripada yang disasarkan.

Ini menunjukkan secara umumnya pencapaian pengeluaran daging tempatan negara adalah seperti yang telah dirancang. Statistik dari tahun 2006 hingga tahun 2008 mendapati jumlah pengimportan daging lembu atau kerbau menurun sebanyak 11.1%. Walau bagaimanapun, jumlah pengimportan daging kambing atau biri-biri didapati meningkat sedikit iaitu sebanyak 12.2%.

Kenaikan ini mungkin disebabkan oleh gelombang penternakan kambing *boer* yang telah dicetuskan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke-5 Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi yang pada ketika itu turut merangsang minat rakyat Malaysia untuk menjadikan daging kambing sebagai sebahagian daripada menu makanan harian.

Pada ketika ini, usaha kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran daging tempatan terutamanya daging lembu dan kambing adalah berdasarkan kepada lima pendekatan strategik yang berikut;

- (i) meningkatkan populasi asas ternakan lembu dan kambing negara sesuai dengan pengeluaran yang mampan dan ekonomik;
- (ii) meningkatkan keupayaan daya saing industri ternakan lembu dan kambing;
- (iii) menambah baik persekitaran perniagaan dan prasarana serta skim insentif;

- (iv) memperkukuh langkah *sanitary* dan *phytosanitary*; dan
- (v) menambah baik kualiti produk dan pengeluaran produk tambah nilai.

■1040

Sebagai usaha untuk memacu pengeluaran daging tempatan, kerajaan bakal merubah kaedah perolehan ternakan tradisional untuk tujuan pembiakan iaitu daripada perolehan bekalan ternakan dari luar negeri kepada perolehan bekalan ternakan daripada pengusaha-pengusaha tempatan. Usaha ini diharap dapat mencetuskan minat di kalangan pengusaha pengeluar lembu dan kambing baka tempatan untuk menghasilkan ternakan bagi memenuhi keperluan industri pedaging negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Pencapaian ataupun sasaran *self-sufficiency* untuk RMK-9 ini nampaknya dicapai kerana saya nampak 10% untuk kambing dan 28% untuk daging lembu. Jadi kalau sasarannya diletak rendah begini saya rasa memanglah boleh dicapai.

Jadi soalnya bagaimana kita hendak akhirnya mencapai 100% *self-sufficiency* dengan izin, kalau kadar yang kita buat ini terlalu perlahan dan rancangan Malaysia ke berapa agaknya boleh dicapai dan apakah kalau kita katakanlah kita elakkan pembaziran seperti apa yang digunakan di PKFZ, digunakan untuk industri lembu dan kambing yang berbilion-bilion ini, agaknya boleh capai dengan lebih cepat tidak hasil keperluan daging ini? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi memang Yang Berhormat kalau mengikut sasaran pada mulanya lembu ini 40% tetapi kita telah melalui dengan keadaan ekonomi tidak menentu, dengan krisis makanan baru-baru ini jadi kita telah memberi satu *review*, kita menurunkan sehingga 28%. Itu bagi daging lembu.

Akan tetapi syukur alhamdulillah juga Yang Berhormat saya tadi menyatakan kita sedikit sahaja tidak mencapai, sekarang ini sudah ke 26% bagi lembu tetapi bagi kambing pula telah melebihi sasaran kita. Insya-Allah Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat terima kasih atas dorongan itu juga Yang Berhormat. Kita realistik di dalam sasaran dan insya-Allah kita akan mempertingkatkan lagi 2010 sebab kita menggunakan program di bawah dasar Jaminan Bekalan Makanan yang sebenarnya habis pada tahun 2010. Di situ kita akan meletakkan lagi sasaran lebih tinggi dan Yang Berhormat saya rasa insya-Allah kita boleh dapat mencapai sasaran kita dengan beberapa program seperti kita mengadakan Program Feedlot Nasional (PFN). Selepas itu kita ada juga ternakan kambing boer yang kita adakan di Perak dan sebagainya. Ini akan menjurus kepada kita menggunakan kaedah-kaedah yang terkini dan khasnya kita hendak mewujudkan supaya kita ada baka Malaysia sendiri supaya akan menjadi *multiplier* untuk kita serahkan kepada ladang-ladang satelit yang akan diusahakan oleh pengusaha-pengusaha tempatan kita insya-Allah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Sri Gading.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya bermula dengan pertanyaan. *[Ketawa]*

Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tidak bahawa ada perbezaan antara daging mentah segar dengan daging beku import? Kita memang kekurangan bahan makanan dari segi daging, terutama daging lembu ataupun kambing. Orang kita, orang Islam hendak kenduri-kendara dan harga yang murah, dia membeli daging beku import.

Kata orang-orang yang bijak pandai dari segi hukum, kalau daging beku import ini tidak betul-betul dilakukan waktu pemasakannya itu ia boleh menjadi daging haram, minta maaf, kerana daging beku import ini telah terkumpul di dalam daging ini berbulan-bulan daging dan darah. Dari segi Islam, darah nanah ini haram. Jadi apabila kita memasak, beli hari ini, hari ini kita masak maknanya daging itu bercampur antara daging dan darah. Hukum daging yang mulanya halal, baik dah jadi haram. Maka itu saya memang mengalu-alukan sangat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalannya Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Inilah soalnya. Sampai Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau sudah habis soalnya itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Supaya pengimportan daging ini ditukar kepada import lembu yang hidup. Banyakkan AP untuk membawa masuk lembu atau kambing hidup supaya terselamatlah orang Islam khususnya daripada memakan benda-benda yang asalnya halal menjadi haram. Boleh tidak kementerian agaknya bertindak mengambil pula dari segi pendekatan untuk kepentingan orang Islam dalam negara ini dengan membanyakkan AP dan memudahkan AP import daging daripada lembu atau kambing betul kerana di Australia murah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat, baik Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Baiklah, itulah. *[Ketawa]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Jadi untuk makluman Yang Berhormat sebab itu saya katakan tadi, kita hendak menjuruskan supaya kita dapat baka-baka yang pada mulanya diimport daripada luar negara seperti Australia dan sebagainya dan kita akan mengadakan supaya menjanakan baka-baka asli Malaysia.

Ini adalah satu program kita untuk menjurus supaya kita sampai kepada tahap SSL 100% dan untuk saya maklumkan Yang Berhormat bahawa sekarang ini kita sudah ada 71 buah ladang satelit yang kita bangunkan melalui NFC di mana dia yang mengimport baka-baka yang baik ini daripada Australia. Oleh kerana kurang sedikit sasaran kita memandangkan pada tahun 2006, ada penyakit kuku dan mulut yang berleluasa di mana kita hanya bergantung kepada import baka daripada Australia.

Akan tetapi sekarang ini memandangkan kita telah dapat mengatasi masalah penyakit itu, jadi kita sekarang telah mengimport lembu baka daripada Thailand supaya kita dapat membawa masuk dalam 80,000 ekor lembu ini yang akan menjadi *multiplier*. Begitu juga dengan kambing, kita ada industri kambing yang kita telah bangunkan di Pondok Tanjung Selama, Perak di mana kita membawa baka jamnapari dan juga boer supaya tujuan kita, kita mula bawa baka dan ianya akan menjadi pengganda supaya kita dapat mencapai SSL kita ke 100% seperti Yang Berhormat katakan. Terima kasihlah mengenai daging sejuk beku dan sebagainya. Insya-Allah saya rasa Menteri yang menjaga agama ada juga bersama di sini yang insya-Allah satu masa akan mungkin dia akan juga mengambil kira apa yang disebut.

Saya memang berterima kasih pada Yang Berhormat sebab ini adalah sesuatu maklumat yang kita semua harus mengetahui dan kita mengambil berat apa yang telah dicadangkan tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya pun baru dengar Yang Berhormat.

[Soalan No. 5 – Y.B. Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar (Jerantut) tidak hadir]

6. Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan alasan pembatalan rancangan pembinaan Stadium Mini di Balik Pulau dan sejauh mana Balik Pulau merupakan lokasi strategik sebagai Pusat Pembangunan Sukan khususnya untuk ahli sukan dari luar bandar.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Belia dan Sukan tidak pernah mempunyai perancangan untuk membina stadium mini dalam mana-mana inisiatif kemudahan sukan kementerian selama ini. Namun begitu kerajaan ada menyediakan kemudahan-kemudahan sukan yang dikendalikan di bawah Perbadanan Stadium Merdeka, Majlis Sukan Negara dan Kementerian Belia dan Sukan sendiri yang diselia oleh Jabatan Belia dan Sukan negeri-negeri.

Dalam pada itu kerajaan juga telah membina 16 buah kompleks rakan muda daerah dan 18 buah kompleks sukan komuniti bagi tujuan yang sama.

■1050

Justeru, tidak timbul soalan pembatalan pembinaan stadium mini di Balik Pulau, Pulau Pinang seperti yang dinyatakan. Bagi menggalakkan penyertaan akar umbi dalam pembangunan sukan, sejak November 2008 tahun lalu, KBS sedang giat menjayakan inisiatif penyediaan 1,178 buah gelanggang pelbagai serba guna di seluruh negara tertakluk kepada kesesuaian dan kelulusan lokasi yang dicadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Balik Pulau.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusof [Balik Pulau]: Ya. *Balik Pulau Teluk Kumba Bayan Lepas, Sana terpulau di sini terlepas. [Ketawa]*

Saya sebenarnya ingin merujuk kepada Hansard yang lampau. Satu ketika, Menteri Belia dan Sukan terdahulu telah menjanjikan bahawa setiap Parlimen akan dibina mini stadium dan pada tahun 2008, Yang Berhormat Batu Pahat ada membangkitkan isu ini dan Kimanis juga ada membangkitkan isu ini sehingga dibangkitkan bahawa permasalahannya bukan permasalahan dasar, tetapi permasalahan *delivery system*.

Itu bagi saya tidak penting, yang lebih penting ialah di bahagian akhir soalan saya, iaitu mengenai pembangunan sukan di luar bandar. Saya ingin memohon penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sejauh mana setakat ini perancangan kerajaan ketika krisis ekonomi ini melihat pembangunan sukan di luar bandar juga sepatutnya menjadi keutamaan di dalam agenda pakej rangsangan, kerana saya kasihan kepada anak-anak muda di kawasan luar bandar seperti di Balik Pulau, terpaksa pergi tempat jauh sehingga ke luar kawasan, sudahlah kawasan berbukit bukau untuk bermain futsal, yang mana saya tahu futsal itu bukan sahaja satu bidang sukan, tetapi satu bidang perniagaan yang juga lumayan sehingga dimaklumkan bahawa untuk mendapat tempat pun *queue* yang amat panjang.

Saya juga dimaklumkan oleh Menteri Belia dan Sukan bahawa cadangan setiap DUN mempunyai gelanggang futsal juga diluluskan tetapi sehingga hari ini tidak ada satu pun wujud di dalam Parlimen Balik Pulau.

Jadi saya memohon jawapan dan yang lebih penting lagi ialah masa depan ahli sukan anak di luar bandar yang memang terbukti masyarakat anak di luar bandar daripada segi daya tahan, mempunyai daya tahan yang amat kuat dan berpotensi untuk dibangunkan. Mohon penjelasan.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Kementerian Belia dan Sukan juga kasihan dengan atlet ataupun belia-belia di luar bandar. Mungkin yang dinyatakan tadi adalah mengenai kompleks sukan komuniti dan bukannya mini stadium kerana stadium-stadium adalah di bawah penyeliaan kerajaan negeri ataupun kerajaan tempatan. Namun begitu, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan mencadangkan untuk mengadakan 50 kompleks sukan komuniti di seluruh negara. Disebabkan 50 kompleks sukan komuniti tidak dapat kita agihkan di seluruh tempat

sama rata, maka 1,178 buah gelanggang pelbagai guna adalah bertujuan untuk menyelesaikan persoalan yang ditimbulkan.

Kompleks sukan ataupun gelanggang sukan serba guna ini akan merangkumi gelanggang futsal, bola jaring, bola keranjang, bola tampar dan sepak takraw yang mana selepas tersiapnya akan diserahkan kepada persatuan sukan yang aktif di kawasan tersebut untuk mengendalikan kemudahan yang dibina.

Mengenai kawasan Yang Berhormat, sebenarnya memang kita merasa agak dukacita kerana sejak kita berusaha untuk membina dua gelanggang satu DUN, di Pulau Pinang kita hanya berjaya untuk mengadakan daripada jumlah yang dicadangkan sebanyak 80, malang sekali kelulusan tanah lokasi yang dicadangkan masih menjadi kekangan daripada kerajaan negeri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Batang Sadong.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. *Now*, apakah kriteria untuk mewujudkan sesebuah stadium sukan di sesuatu tempat? Adakah mempunyai kriteria tertentu? Terima kasih.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Untuk pembinaan satu-satu stadium, sebenarnya yang lebih penting ialah penggunaan dan *maintenance*. Kita percaya kerajaan banyak menerima aduan daripada kerajaan-kerajaan negeri tentang pengendalian *maintenance*, dengan izin stadium-stadium tersebut. Justeru, pihak kerajaan telah pun menyediakan sebegitu banyak kemudahan yang dikendalikan terus oleh Kementerian Belia dan Sukan seperti yang ada di bawah Perbadanan Stadium Merdeka seperti Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, Kompleks Sukan Negara Shah Alam, Kompleks Sukan Bukit Kiara, Kompleks Sukan Jalan Duta.

Manakala Majlis Sukan Negara mengendalikan Kompleks Sukan Jengka, Kompleks Saujana Asahan, Kompleks Sukan Taman Keramat, Stadium Raja Muda, Pusat Perahu Layar Langkawi, Kompleks Sukan Pagoh, Pusat Rakan Sukan Dungun, Kompleks Sukan Muadzam Shah, Pusat Angkat Berat Rompin. Ini bagi tujuan untuk kita melahirkan atau melatih atlet-atlet berprestasi tinggi. Namun begitu, kriteria yang mungkin kita tetapkan adalah bagaimana sambutan bagi kawasan-kawasan selepas berbincang dengan kerajaan negeri dan kementerian menggalakkan pembinaan ini melalui penganjuran sukan SUKMA ataupun sukan universiti.

Ia bertujuan untuk menggalakkan selepas menjadi tuan rumah dalam satu temasya sukan, maka penggunaan stadium tersebut akan dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.

7. **Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan prestasi Program Pembasmian Kemiskinan Bandar :-

- (a) berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan sehingga Mei 2009; dan
- (b) nyatakan pecahan penerima bantuan dan jenis bantuan kepada penerima mengikut negeri dan kawasan Parlimen Tenggara.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Tenggara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2009 sebanyak RM61,600,000 telah dibelanjakan bagi membiayai pelbagai bantuan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar. Penerima bantuan dan jenis bantuan mengikut negeri sehingga 31 Mei 2009 adalah seperti berikut.

Saya hanya maklumkan bagi negeri Johor sahaja. Bagi negeri Johor, AIR yang menerima bantuan:

Tahun	Jumlah Penerima Bantuan
2006	260 orang
2007	787 orang
2008	804 orang
2009	1,268 orang

Secara keseluruhan, bagi seluruh negara dari Perlis hingga ke Sabah dan Sarawak:

Tahun	Jumlah Penerima Bantuan
2006	1,777 orang
2007	9,476 orang
2008	8,854 orang
2009	10,786 orang

Bagi bantuan ataupun bilangan bantuan bagi negeri Johor:

Tahun	Jumlah Keseluruhan Bantuan
2008	2,850 orang
2009 (Sehingga 31 Mei)	1,789 orang

Bagi bantuan ataupun bilangan bantuan bagi negeri Perlis hingga Sabah dan Sarawak:

Tahun	Jumlah Keseluruhan Bantuan
2009 (Sehingga 31 Mei)	20,998 orang

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Tenggara.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ini bukan sahaja tentang negeri, ini termasuk kawasan Parlimen Tenggara sekali, tetapi tak apalah Yang Berhormat Menteri boleh menjawab dengan saya secara bertulis agaknya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya bagi satu-satu kawasan dalam kawasan pihak berkuasa tempatan, rakyat yang ada itu ramai. Ada yang 500 ribu, ada 600 ribu, ada satu juta. Dengan jumlah yang disebutkan tadi, bagi negeri Johor secara keseluruhan cuma setakat seribu lebih sahaja.

Saya hendak bertanya dengan pihak kementerian, bagaimanakah KPKT menilai keberkesanan pelaksanaan program PPKB yang telah pun dilaksanakan sejak daripada tahun 2006 ini, dan adakah rakyat benar-benar berpuas hati dan rasa terbela dengan program ini, kerana rakyat masih lagi mengeluh. Proses permohonan hingga kelulusan mengambil masa yang lama, ada permohonan yang tak mendapat jawapan langsung. Adakah ini menunjukkan paras KPI program PPKB itu berada pada paras yang rendah? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Yang Berhormat Tenggara. Pertamanya saya ingin menjawab tentang bagaimana PBT melaksanakan untuk memproses bantuan ini. Bantuan ini sebenarnya ialah dikendalikan oleh PBT dan satu jawatankuasa di PBT telah ditubuhkan bagi memproses semua permohonan yang dikemukakan oleh, pertama kali daripada pemimpin-pemimpin masyarakat seperti dalam bandar ini kita ada JKDB (Jawatankuasa Dalam Bandar) dan juga pemimpin-pemimpin yang mengetahui bahawa mereka ini miskin dalam bandar dan kriteria-kriterianya adalah pertama, tentang pendapatan.

■ 1100

Hanya mereka yang berpendapatan bagi Semenanjung Malaysia iaitu RM740 dikategorikan boleh menerima bantuan ini. Bagi Sabah dan Labuan, ialah sebanyak RM970 dan bagi Sarawak ialah sebanyak RM860. Kalau ada kelewatan, ini bukanlah kesalahan kerajaan ataupun kesalahan kementerian saya tetapi adalah di pihak pemprosesan di peringkat bawah iaitu PBT.

Jadi saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, bagi kawasan Tenggara, oleh kerana kawasan Tenggara ini ada dua PBT yang terlibat iaitu Majlis Daerah Kota Tinggi dan Majlis Perbandaran Johor Tenggara. Jadi, pertamanya tahun 2008, bagi sewaan rumah sahaja pun, bagi Parlimen Tenggara telah menerima iaitu untuk dua PBT sebanyak RM9,000,672 yang diterima. Itu untuk sewaan rumah sahaja. Bagi tanggungan keluarga pula, dari tahun 2006, 2007 dan 2008 sehinggalah 31 Mei 2009 ialah RM26,756,000 telah dibelanjakan. Itu sejak daripada 2006 sehingga 2008 dan seterusnya 31 Mei 2009.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat saya akan berikan secara bertulis.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambut baik rancangan ini untuk *urban poverty eradication program* dan saya rasa ini merupakan satu usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk membantu orang miskin. Namun begitu saya hendak bertanya apakah rasionalnya di bawah kementerian ini juga mempunyai satu program seperti ini. Adakah ia bertindih dengan *Social Welfare Department*. Selain daripada memberi bantuan seperti wang tunai, adakah kementerian akan mengadakan bantuan-bantuan yang lain seperti mewujudkan peluang pekerjaan untuk keluarga yang miskin ini. Saya rasa ini adalah lebih baik daripada hanya memberi bantuan tunai atau bantuan sewa dan lain-lain lagi. Tujuan ini adalah untuk membolehkan mereka berdikari dalam satu tempoh masa. Apakah kementerian ada rancangan seperti ini? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Saya ingin maklumkan bahawa kementerian tidak mempunyai hasrat untuk menyediakan peluang-peluang untuk mendapatkan pekerjaan dan sebagainya kerana kita ada beberapa kementerian yang terlibat seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan juga kementerian-kementerian yang lain. Jadi, bagi kita ialah pertamanya kita membantu supaya mereka ini boleh dapat hidup sebelum mereka mendapat peluang-peluang pekerjaan, itu satu. Yang keduanya boleh mereka hidup selesa sama dengan orang yang berupaya ataupun orang yang bukan miskin iaitu seperti bantuan-bantuan untuk menghantar anak mereka ke sekolah, bantuan pengangkutan untuk pergi ke sekolah, bantuan tanggungan keluarga dan bantuan sewa rumah.

Apabila mereka ini telah keluar dari garis kemiskinan seperti yang disebut tadi di Semenanjung Malaysia ialah sebanyak RM740, mereka ini tidak akan dapat bantuan lagi kerana mereka telah keluar dari garis kemiskinan. Sebab itulah ada kementerian-kementerian yang lain yang akan terlibat untuk membantu mereka. Kita akan memberikan nasihat kepada mereka. Apabila kita menyampaikan bantuan ini, bantuan ini hanyalah bantuan sementara waktu. Mereka tidak boleh bergantung terus kepada bantuan ini sebab kita mahu mereka berjaya. Apabila mereka berjaya, antaranya apabila anak-anak mereka ini terpelajar esok selepas mereka dapat

bantuan, kemungkinan besar anak-anak ini akan boleh mengeluarkan keluarga ini dari garis kemiskinan.

Jadi bagi saya kementerian kita tidak ada hasrat untuk menyediakan peluang-peluang seperti ini tetapi ada kementerian, agensi atau jabatan yang bertanggungjawab untuk mengenal pasti peluang-peluang yang boleh diberikan kepada mereka terutama sekali ibu tunggal dan sebagainya. Terima kasih.

8. Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Adakah kerajaan bercadang membenarkan umat Islam mengamalkan sistem perundangan jenayah Islam seperti hudud, qisas dan ta'zir dengan mengadakan peruntukan undang-undang untuk menguatkuasakannya; dan
- (b) Adakah kerajaan menyedari peruntukan kesalahan jenayah di bawah Kanun Keseksaan seperti seksyen 302 dan lain-lain adalah bertentangan dengan Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Jamil Khir bin Baharom]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu di atas soalan yang baik dan prihatin terhadap perundangan syariah dan perkembangannya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan selain daripada bertanggungjawab kepada Dewan yang mulia ini, persoalan perundangan syariah juga mempunyai nilai pertanggungjawaban kepada Allah SWT kerana perundangan syariah adalah merupakan perundangan melalui wahyu Allah yang menuntut kepatuhan umat Islam ke atas tuntutan mematuhi perintah Allah.

Tuan Yang di-Pertua, justeru di atas kesedaran inilah, kerajaan melalui mahkamah syariah telah berusaha dengan mengambil pendekatan melaksanakan sistem perundangan jenayah Islam terutamanya jenayah ta'zir. Sebagai contoh kesalahan ialah kesalahan di bawah akta dadah, rasuah, jenayah perdagangan, jenayah alam sekitar dan sebagainya yang mana secara umumnya undang-undang ini terpakai kepada semua warga negara tanpa mengira agama dan bangsa. Dalam aspek jenayah qisas, kerajaan melalui mahkamah syariah sentiasa berusaha untuk meletakkan qisas kepada kedudukannya di samping mengambil kira ruang dan peluang berdasarkan peruntukan yang diberikan oleh Perlembagaan Negara.

Di samping yang sama, kita juga memberikan perhatian terhadap sistem perundangan jenayah negara yang pada beberapa aspek hukuman adalah mendekati persamaan dengan syariah dan boleh diharmonikan. Sebagai contoh bagi kesalahan jenayah membunuh, kanun keseksaan memperuntukkan hukuman bunuh jika dibuktikan kesalahannya. Begitu juga bagi kesalahan rompakan dan rompakan bersenjata. Begitu juga bagi jenayah yang mendatangkan kecederaan juga dijadikan sebagai satu kesalahan jenayah di samping mangsa boleh juga

menuntut ganti rugi di bawah undang-undang *tort* dengan izin. Peruntukan ini terpakai kepada semua masyarakat sama ada Islam ataupun bukan Islam yang secara umumnya roh dan semangat jenayah perundangan syariah ini wujud, hanya ia tidak dinamakan di atas undang-undang syariah atau ta'zir atau qisas dan ia memerlukan ruang dan masa ke arah penambahbaikan perundangan syariah ini.

Begitu juga dengan hudud, kerajaan meyakini di mana perlu ada penambahbaikan dari semasa ke semasa termasuk di dalam bab zina. Namun sebagai langkah awal atas dasar prinsip [*Bercakap dalam bahasa Arab*] menutup pintu yang boleh membawa kesalahan jenayah yang lebih berat, maka diperkenalkan langkah pencegahan dengan menjadikan kesalahan khalwat dan mukadimah zina sebagai kesalahan ta'zir. Begitu pun, kerajaan melalui mahkamah syariah sentiasa berusaha agar perundangan syariah ini sentiasa dipatuhi dan sentiasa membuka ruang-ruang untuk penambahbaikan. Sebagai contoh dalam kes ragut yang sekarang ini begitu serius pada masa kini, kita boleh mengemukakan cadangan-cadangan hukuman yang sewajarnya dan bahkan kita sudah mendengar pelbagai cadangan hukuman termasuk hukuman potong tangan yang juga termasuk dalam jenayah hudud.

Berkaitan soalan (b), kanun keseksaan seperti seksyen 302 bertentangan dengan Islam sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini. Diperakui di sana perlu ada ruang penambahbaikan, namun secara umum sudah ada unsur-unsur penghukuman dan preventif ataupun pencegahan dengan izin. Walau bagaimanapun, menjadi tanggungjawab bersama untuk kita memberikan tumpuan penekanan ke arah mempertingkatkan kepatuhan terhadap pelaksanaan perundangan syariah. Sekian.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, sesudah kita merdeka lebih daripada 52 tahun, adakah kita hanya merdeka dari segi politik tetapi terpenjara dari segi akidah. Sheikh Mohammad Abduh menyebut dalam kitabnya '*adalah malang bagi umat Islam setelah kembalinya penjajah kulit merah, yang tinggal penjajah kulit sawo matang. Meneruskan lagi sistem perundangan penjajah yang jauh lari daripada akidah umat Islam.*'

■ 1110

Sedarkah kerajaan di bawah Artikel 11, Perlembagaan Persekutuan bahawa setiap rakyat berhak menganut dan mengamalkan agama masing-masing? Adalah menjadi hak umat Islam untuk kembali kepada sistem kehidupan dan perundangan mereka. Ini bukan soal roh atau semangat undang-undang. Ini soal akidah, Allah sebut, saya hendak baca kepada Yang Berhormat Menteri, di dalam surah An-Nisa', ayat 60-61, "*Apakah kamu tidak hairan wahai Muhammad, melihat mereka yang mengaku diri mereka beriman kepada al-Quran dan kitab yang diturunkan sebelum kamu. Apabila diperintahkan mereka supaya berhukum kepada al-Quran, mereka berhukum kepada Taghut, padahal mereka telah diperintah mengingkari Taghut dan syaitan bermaksud menyesatkan mereka dengan penyesatan yang sejauhnyanya. Apabila dikatakan*

kepada mereka, marilah tunduk kepada hukum Allah yang telah diturunkan dan kepada hukum Rasul, nescaya kamu lihat golongan munafik ini menghalangi kamu daripada didekati oleh manusia”...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalnya Yang Berhormat?

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Soalnya, sudah berapa lama umat Islam terbelenggu dengan masalah perundangan yang sepatutnya mereka amalkan hari ini? Kita tidak mengganggu ataupun mengambil hak orang lain, kita menuntut hak kita. Kita minta supaya hak kita dikembalikan sebagai umat Islam dan mematuhi hukum Allah. Ini adalah soal keimanan, soal akidah dan saya hendak tanya satu soalan kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, panjang sangat, Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Satu lagi yang saya hairan, bagaimana boleh dikatakan peruntukkan di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan adalah hukum takzim sedangkan contohnya, seksyen 19 berkaitan dengan arak, seksyen 20, sumbang mahram, seksyen 21, soal pelacuran, seksyen 23, soal perzinaan, seksyen 25, soal liwat, seksyen 41, soal *qazaf*, ini semua adalah hudud. Bagaimana boleh dijadikan *takzir*? Adakah kerajaan telah menukar hukum ini menjadi *takzir*? Jadi ini soalan yang saya hendak tanya supaya kita tidak menjadi golongan yang disebut oleh Allah dalam ayat yang saya baca tadi. Terima kasih.

Dato' Jamil Khir bin Baharom [Senator]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Sebagaimana yang telah saya nyatakan pada awal mukadimah tadi, saya sebutkan bahawa jawapan yang diberikan adalah bukan hanya bertanggungjawab kepada Dewan yang mulia ini bahkan jawapan ini menjadi pertanggungjawaban yang akan dijawab di depan Allah *Subhanallah Taala*. Oleh sebab itu saya nyatakan bahawa kerajaan daripada masa ke semasa berusaha untuk mempertingkatkan kemampuan pelaksanaan kepada Mahkamah Syariah dan mengambil kira hukuman-hukuman yang terdapat di sana yang boleh diharmonikan, yang sebagaimana saya sebutkan sudah terdapat ruang-ruang yang mampu diizinkan untuk pelaksanaan terhadap Mahkamah Syariah.

Walau bagaimanapun, dalam pendekatan yang digunakan oleh mahkamah syariah di dalam hukum-hukum *takzir* lebih digunakan walaupun di sana kita sebutkan bahawa terdapat ruang-ruang *qisas* dan juga ruang-ruang untuk hudud yang masih boleh untuk dipertingkatkan lagi maka adalah menjadi hasrat dan cita-cita kerajaan daripada masa ke semasa menambah baikkan untuk dibuat. Bagi melihat pelaksanaan perundangan ini bersesuaian juga dengan yang diizinkan berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan maka perubahan daripada masa ke semasa dilaksanakan oleh kerajaan untuk menambah baikkan.

Di samping yang sama Yang Berhormat, bukan hanya sekadar perundangan syariah yang kita bincangkan yang menyentuh soal akidah yang kita faham bahawa akidah di dalam umat Islam mengandungi tiga perkara besar, akidah syariah dan juga akhlak, bahkan dalam perbincangan ini saya suka sebutkan bukan sekadar hukuman di dalam Mahkamah Syariah termasuk perbincangan kita membicarakan soal untuk pelaksanaan hukum tersebut juga adalah perlu serius dan penting untuk kita berikan penekanan dan *insya-Allah*, daripada masa ke semasa, kita meletakkan keyakinan bahawa kita akan meletakkan perubahan-perubahan bagi menepati kehendak-kehendak yang diizinkan oleh Islam di dalam mahkamah dan perundangan syariah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Tangga Batu.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar banyak juga penghargaan daripada rakan-rakan kita daripada negara lain apabila mendengar yang negara kita mengamalkan sistem perundangan dua ini, sivil dan syariah.

Yang Berhormat Menteri, bagaimana boleh Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan jika banyak hujah-hujah yang kita dengar yang mengatakan barang siapa yang tidak menghukum dengan hukum Allah ini, meletakkan kita di dalam kekufuran, kezaliman dan kefasihan. Ini disebut secara jelas dalam Quran... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Jadi bagaimana Yang Berhormat Menteri hendak berikan penjelasan yang kita tidak berada dalam golongan-golongan ini dan kita sentiasa berada dalam kaedah penambahbaikan yang berterusan di dalam pelaksanaan hukum-hukum Allah ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tangga Batu, terima kasih atas soalan yang begitu baik. Kita melihat bahawa di dalam melaksanakan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Tangga Batu tadi berdasarkan kepada ayat... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Mereka yang tidak melaksanakan tuntutan yang telah ditentukan oleh Allah S.A.W. sebagaimana yang saya katakan tadi, bahawa dalam membicarakan soal perundangan syariah, kita juga tidak terlepas daripada kerangka besar Islam yang terdiri daripada akidah, syariah dan juga akhlak.

Bagaimanapun, saya sebutkan tadi bahawa di dalam lengkungan yang seperti ini, Islam tidak harus hanya dilihat dalam bentuk skop yang begitu terhad. Islam yang dipanggil sebagai *din* yang *syumul* dan lengkap itu harus dilihat dalam seluruh aspek kehidupan termasuk perundangan, termasuk ekonomi, termasuk pendidikan, termasuk sosial dan seluruh yang mencakupi kehidupan manusia daripada dilahirkan sehinggalah sampai kepada kematian, maka inilah disebut Islam yang *syumul*. Maka sebab itu, penekanan kepada hukum juga mengambil tempat yang begitu penting dan sebagaimana yang saya tegaskan pada awal bahawa kita,

kerajaan daripada masa ke semasa menyusun penambah baikkan bagi menepati dalam ruang lingkup yang diizinkan oleh Perlembagaan Malaysia. Terima kasih.

9. Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan kenapa Makmal Kimia Sibul masih belum berfungsi memandangkan bangunan ini telah siap dibina lebih daripada satu tahun.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ingin menjelaskan bahawa makmal kimia cawangan Sibul telah berfungsi sejak Januari 2009 dan dijangkakan menjelang akhir tahun 2009, makmal ini akan beroperasi sepenuhnya dengan menyediakan perkhidmatan dalam bidang sains forensik, air dan alam sekitar. Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan kedua daripada Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ingin menjelaskan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kelewatan bagi Makmal Jabatan Kimia Malaysia Cawangan Sibul untuk berfungsi iaitu seperti berikut:

- (i) bangunan ini hanya diserahkan pada 17 Oktober 2008 setelah *defect liability period* di mana pengubahsuaian, pembaikan kepada kerosakan telah dijalankan sepenuhnya. Maka, bangunan hanya diserahkan pada 17 Oktober 2008;
- (ii) apabila bangunan telah diserahkan, maka proses kedua ialah untuk memperoleh sebahagian besar peralatan makmal yang perlu untuk menjalankan beberapa analisis, iaitu analisis air, efluen dan pemeriksaan forensik. Ini menyebabkan sedikit kelewatan untuk bangunan tersebut beroperasi dan ia telah mula beroperasi pada Januari 2009 dan akhir 2009 ini, *insya-Allah* ia akan beroperasi sepenuhnya. Terima kasih.

■1120

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada lagi soalan Yang Berhormat?

Datuk Tiong Thai King [Lanang]: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Datuk Tiong Thai King [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi pertanyaan saya. Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah skop

perkhidmatan lain yang akan memberi manfaat kepada Jabatan Kerajaan dan orang awam semasa makmal ini akan dibuka nanti? Sekian terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat, untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, skop Jabatan Kimia Malaysia ialah:

- (i) membantu agensi-agensi penguat kuasa undang-undang terutama PDRM dan menyelesaikan kes-kes jenayah;
- (ii) membantu Kementerian Kesihatan dalam penguatkuasaan Akta Racun 1952;
- (iii) membantu Kementerian Kesihatan dan Kerajaan Tempatan dalam pengawalan kualiti barangan makanan mengikut Akta Makanan 1983 dan keperluan negara pengimport;
- (iv) membantu Kementerian Kesihatan Malaysia dan Lembaga Air dalam membekalkan air minuman yang selamat;
- (v) menilai dan mengawal kualiti barangan untuk kontrak atau pun tender kerajaan mengikut kehendak penentuan;
- (vi) membantu dalam pengawasan dan penilaian kualiti alam sekitar;
- (vii) membantu Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dalam pungutan hasil negara dengan memastikan bahawa barangan-barangan dagangan yang diimport dan dieksport diperjeniskan dengan betul di bawah Perintah Duti Kastam 1988; dan
- (viii) memberi khidmat nasihat kepada Jabatan Peguam Negara dari aspek teknikal mengenai apa-apa pindaan dalam akta atau peraturan undang-undang.

Cuma untuk di Sibu setakat ini, kemampuan kita ialah untuk membekalkan perkhidmatan yang saya katakan tadi iaitu bidang:

- (i) forensik; dan
- (ii) penilaian air dan alam sekitar.

lanya akan memberikan khidmat bukan sahaja di kawasan Sibu tetapi juga melangkaui bahagian Sarikei, Kapit dan Mukah. Terima kasih.

10. Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) apakah status pemasangan CCTV di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur dan adakah ia berfungsi sepenuhnya serta sistem pemantauan yang berkesan; dan
- (b) apakah hasil dan kesan pemasangan CCTV tersebut dalam usaha untuk mengatasi masalah jenayah di ibu kota.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, pemasangan CCTV (Close Circuit Television) dengan izin atau kamera litar tertutup telah dimulakan pada tahun 1979 oleh Bandaraya Kuala Lumpur.

Tujuan pemasangannya adalah untuk memantau keadaan lalu lintas di Kuala Lumpur dan pada masa ini jumlah telah pun di tambah selaras dengan fungsinya yang turut digunakan sebagai alat untuk memantau perlakuan jenayah. Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan pemantauan trafik sebanyak 55 unit CCTV telah dipasang sehingga Mei 2009. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur merancang untuk menambah lapan unit CCTV lagi bagi meluaskan kawasan liputan pemantauan trafik. Manakala bagi tujuan untuk mendapatkan maklumat lalu lintas pula sebanyak 255 unit CCTV telah dipasang di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Kesemua CCTV yang sedia ada berfungsi dengan baik dan berkesan dalam membantu usaha memantau trafik dan penyaluran maklumat lalu lintas di sekitar Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, walaupun CCTV ini dipasang khusus untuk pemantauan trafik dan informasi trafik sahaja tetapi sekiranya di dalam visual rakaman CCTV terdapat perkara-perkara yang mencurigakan ataupun sebarang perlakuan yang disyaki sebagai perlakuan jenayah, maklumat ini akan terus disalurkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia untuk tindakan susulan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan pemantauan perlakuan jenayah secara khusus sebanyak 82 unit CCTV telah dipasang di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pecahannya adalah seperti berikut:

- (i) 13 unit di Ibu Pejabat Kontinjen Kuala Lumpur (IPK);
- (ii) 10 unit di Ibu Pejabat Daerah (IPD Brickfields);
- (iii) 10 unit di Ibu Pejabat Daerah (IPD Cheras);
- (iv) 19 unit untuk Ibu Pejabat Daerah (IPD Sentul); dan
- (v) 30 unit untuk Ibu Pejabat Daerah (IPD Dang Wangi)

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur turut merancang untuk menambah 86 unit CCTV lagi untuk tujuan ini adalah pecahannya seperti berikut:

- (i) 32 untuk Ibu Pejabat Daerah (IPD Cheras);
- (ii) 20 untuk Ibu Pejabat Daerah (IPD Brickfields); dan
- (iii) 34 unit untuk Ibu Pejabat Daerah (IPD Sentul).

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, kesemua unit CCTV yang berjumlah 82 unit khususnya untuk pemantauan jenayah telah diserahkan sepenuhnya kepada pihak pejabat Polis Diraja Malaysia untuk dikawal selia.

Mengenai hasil dan keberkesanan pemasangan CCTV ini, di Kuala Lumpur pula maklumat ini terletak 100% dengan Polis Diraja Malaysia. Ini kerana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hanya membekalkan peralatan dan kemudahan CCTV manakala pemantauan serta kawal seliaan mengenai jenayah dilakukan semuanya oleh Polis Diraja Malaysia. Walau bagaimanapun penggunaan CCTV untuk memantau kejadian jenayah adalah berjaya berdasarkan permintaan daripada pihak Polis Diraja Malaysia untuk menambah bilangan CCTV bagi tujuan tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya difahamkan pemasangan CCTV di ibu kota ini ada link pada *Integrated Transport Information System* di mana fungsi untuk memantau keadaan trafik di sekitar ibu kota. Soalan tambahan saya, sejauh manakah keberkesanan CCTV ini untuk yang di link kan kepada ITIS ini untuk mengatasi sesakan lalu lintas di ibu kota ini sebab saya nampak masalah kesesakan lalu lintas ini masih berlaku dan juga berterusan. Saya tidak nampak ada usaha dengan pemasangan CCTV itu untuk menambah baik. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, fungsi ITIS ialah untuk menyalurkan maklumat trafik kepada pengguna sahaja bukan untuk mengatasi masalah lalu lintas tetapi CCTV yang di pasang di Kuala Lumpur ini akan membantu untuk mengatasi masalah lalu lintas, maka fungsi CCTV yang sedia ada dan peranan ITIS adalah jauh berbeza. ITIS adalah cuma untuk menyalurkan maklumat kepada pengguna mengenai keadaan trafik.

Yang kedua mengenai masalah lalu lintas di Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kementerian Wilayah Persekutuan memang mengambil langkah-langkah yang positif untuk mengatasi masalah ini walaupun kita sedar bahawa masalah kesesakan lalu lintas adalah masalah yang cukup rumit di Wilayah Persekutuan. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang mengambil langkah-langkah yang positif untuk mengatasinya.

Salah satu sebab yang kita kenal pasti adalah perangai pengguna ataupun cara pengguna meletakkan kereta di seluruh Wilayah Persekutuan. Akan tetapi memandangkan saman ataupun kupon yang dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak *online* dengan JPJ. Maka untuk menyenaraihitamkan pesalah-pesalah ataupun mereka yang menyalahgunakan jalan raya di Kuala Lumpur adalah tidak begitu berkesan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Wilayah Persekutuan sedang berbincang dengan Jabatan Pengangkutan Jalan untuk meng *online* kan kupon-kupon di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Tangga Batu.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalan Kuala Lumpur Yang Berhormat ya.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, saya juga adalah pengguna jalan raya di Kuala Lumpur dan sesi Parlimen ini, tiap-tiap hari saya berada di Kuala Lumpur Tuan Yang di-Pertua.

Sebelum itu saya mengalu-alukan kehadiran kumpulan wanita daripada Parlimen Bukit Katil. Selamat datang ke Parlimen Malaysia. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kita percaya kepada gagasan sistem..., pembentukan sistem ke arah pembentukan budaya. *System that can pattern the culture*. Hendak pastikan sistem CCTV ini membentuk budaya berhemah di kalangan pengguna-pengguna jalan raya. Saya lihat tadi kelemahan kita ialah semua sudah ada tetapi hendak *score goal* itu. Sudah buat semua tetapi link dengan JPJ tidak ada. Akhirnya sistem yang kita bina, berbelanja berjuta-juta ringgit tidak dapat membentuk budaya yang berhemah di kalangan pengguna jalan raya dan juga orang ramai. Jadi Yang Berhormat, semalam hujan petang, trafik jam satu Kuala Lumpur oleh kerana satu kereta rosak di Jalan Bangsar. Jadi sistem yang ada tidak dapat menyelesaikan masalah, berjuta-juta ringgit kementerian belanja di peringkat pembinaan CCTV dan sebagainya, saya kira perlu ada satu lagi kaedah bagaimana untuk memantau keberkesanan pegawai penguat kuasa serta mereka yang terlibat secara langsung di dalam menyelesaikan masalah-masalah ini. Mungkin belanjanya kurang dari juta-juta ringgit.

■1130

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa kita sudah tiada lagi Yang Berhormat.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Oh ya. Boleh Yang Berhormat jawab tentang benda ini. Apakah kaedah yang digunakan oleh Kementerian jika terdapat kegagalan sistem ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tolong ringkaskan jawapan Yang Berhormat.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih keprihatinan Ahli Parlimen daripada Tangga Batu. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju apa yang diutarakan oleh Ahli Parlimen Tangga Batu bahawa kesesakan lalu lintas adalah menjadi satu masalah yang rumit di Wilayah Persekutuan. Seperti mana yang saya katakan tadi, walaupun kita sudah ada semua, cuma dari

segi dasar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tiada kuasa untuk menyenarai hitamkan komponen-komponen yang dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Buat masa ini, kementerian sedang berusaha untuk mengatasi masalah ini dan saya beri jaminan kepada Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, dalam masa yang terdekat Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL MENTERI KEWANGAN DI BAWAH P.M. 66A DAN 67B

PENGUNTUKAN SEMULA PERUNTUKAN PERBELANJAAN

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Minta Yang Berhormat Menteri Kewangan menjawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, aturkan.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Dr. Awang Adek Hussin]: [Bangun]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya hendak minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua, sama ada selepas ini adakah kita akan ada peluang untuk membahaskan Menteri *by* Menteri, kementerian *by* kementerian?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tiada Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sekiranya tiada, saya rasa kita perlu diberi masa yang lebih untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Saya ingin memberitahu Tuan Yang di-Pertua bahawa semalam saya rasa ada sepuluh orang Ahli Parlimen yang diberi peluang untuk berucap, tetapi tidak ada seorang pun Ahli Parlimen wanita. Saya rasa ini adalah *extremely unusual* ataupun satu diskriminasi yang sangat serius. Ahli wanita telah begitu kurang di dalam Dewan ini dan kami tidak diberi langsung suaranya di dalam Dewan ini. Jadi, saya memohon supaya lebih ramai Ahli diberi peluang khususnya Ahli-ahli wanita kerana kami pun mewakili separuh penduduk di dalam Malaysia ini. Mana boleh! Barisan Nasional ataupun Dewan yang mulia ini tidak memberi perhatian langsung kepada kaum wanita. Kaum wanita bukan hanya kaum wanita, kami adalah ibu kepada kanak-kanak,...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tuan Yang di-Pertua, wajib kah buat macam ini?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Adalah isteri kepada kaum lelaki. Jadi, kami mewakili satu Malaysia.

Timbalan Yang di-Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik. Baik Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Akan tetapi tidak diberi suara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi, saya mohon...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Kami diberi lebih masa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya... *[Ketawa]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Kerana ini adalah merupakan satu *unusual*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya, saya ada dengar. Saya dengar Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya menerima hujah yang dibuat oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam, hujah ini pada sayalah, memang berat, memang berpatutan dan memang sepatutnya dipandang berat oleh semua orang. Kita melihat, saya ingat 52% daripada rakyat Malaysia adalah wanita. Semalam, Yang Berhormat Bukit Mertajam sudah rasa tergalak juga selepas mesyuarat semalam... *[Ketawa]* Jadi, walaupun bagaimana Yang Berhormat, saya tidak boleh membuat *overrule* keputusan yang telah dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua semalam jadi, saya minta kepada Menteri yang menjawab memberi peluang dan ruang yang banyak kepada wakil-wakil wanita yang akan bertanya semasa menjawab nanti.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, dengan segala hormatnya *with all due...*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Saya akan beri ruang. Saya akan bagi ruang.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Nanti, nanti. Bukan, bukan. Masalah ini bukan diselesaikan dengan memberi peluang *or* ruang kerana tajuk-tajuk yang akan dikemukakan, belum dikemukakan dan saya tidak pasti sama ada Yang Berhormat yang akan menjawab itu adakah dia boleh, mampu? Bukan saya memandang rendah kerana ada isu-isu yang mungkin beliau tidak berapa fasih dan dia perlu pertolongan daripada kakitangannya khususnya, isu-isu seperti *gender*, isu-isu wanita dan keluarga. Jadi, saya rasa adalah penting, ini adalah Dewan yang kita boleh membuat keputusan bahawa kita memberikan.. membuat keputusan semula supaya kami diberi peluang untuk berucap mungkin hanya 20 minit sahaja... *[Tepuk]* Bolehkah? Bolehkah Dewan ini, bolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat...

Beberapa Ahli: Boleh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Bersetuju dengan saya supaya memberi suara kepada wanita?

Beberapa Ahli: Setuju. [*Riuh*]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya mohon. Saya mohon. Kami, saya rasa...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Kita perlu berani untuk membuat...

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Lain kalilah bercakap.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Kita pun sudah dengar suara wanita ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Saya rasa Tuan Yang di-Pertua faham keadaan dan masalah ini...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Dan kita boleh *make a difference, we can make a difference*. Mohon.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya bersimpati Yang Berhormat. Yang Berhormat memahami saya.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya memahami Yang Berhormat. Saya tahu semangat Yang Berhormat. Saya duduk dalam Dewan ini bersama dengan Yang Berhormat hampir 20 tahun sudah. Lihat. Jadi, saya menyedari semua ini, saya mengetahui. Saya pernah hadir mesyuarat wanita, apa dikatakan, "*Budget Gender Perspective*" Yang Berhormat, untuk antarabangsa. Saya menghadiri mesyuarat wanita berhubung dengan *trafficking in woman*, antarabangsa Yang Berhormat. Jadi, saya banyak dan di keliling saya di rumah Yang Berhormat, tiada orang lelaki selain daripada saya Yang Berhormat dan anak kucing saya, lain itu semua wanita Yang Berhormat. Saya bersimpati, tetapi malangnya Yang Berhormat apabila sudah putus semalam, apa yang saya boleh minta kepada Menteri bagi peluang dengan Yang Berhormat bercakap selepas ini nanti, apa sahaja agenda Yang Berhormat hendak cakap itu. Ya, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon... [*Dewan riuh*] Untuk bertanya sama ada dalam peraturan kita ini, adakah mana-mana yang boleh dipakai supaya kita boleh membuat keputusan semula, sama ada atau tidak? Kerana, setakat simpati ini tidak akan membawa perubahan. Kita perlu bertindak untuk membawa perubahan. Jadi, saya mohon perubahan Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kita cari sama ada kita ada peraturan di dalam peraturan kita yang membolehkan kita mengubah sesuatu keadaan seperti ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam, yang asas sekali ialah kalau kita lihat *folder* ini. Kementerian

Wanita sebenarnya tidak termasuk dalam soalan ini. Jadi, Yang Berhormat tadi saya tidak gunakan soalan teknikal dan fakta, saya gunakan simpati dan sentimen. Jadi, saya bersetuju dengan sentimen dan simpati ini, itu sebab saya tidak guna benda ini. Jadi, oleh kerana terdesak saya terpaksa, apabila orang sudah *push the corner* Yang Berhormat, ia akan digunakan soalan-soalan teknikal. Jadi, Yang Berhormat Menteri sila jawab dan beri peluang dengan Bukit Mertajam jika ada persoalan. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Insya-Allah saya akan memberi keutamaan dari segi celahan nanti oleh Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Pertamanya, saya ingin merakamkan penghargaan Kementerian Kewangan kepada semua yang terlibat dalam membahaskan usul kewangan pada kali ini yang mana terdiri dari Yang Berhormat Ipoh Timur...

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, saya ingin memberi penjelasan dengan yang dibuat oleh Bukit Mertajam, saya *Chair* semalam, biarlah semua orang faham keadaan ini. Saya melihat bahawa untuk memberi *the next slot* berucap adalah di kalangan Ahli DAP dan semalam Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun dan Klang bangun. Saya tidak ada niat sama sekali untuk tidak menghormati hak wanita dalam Dewan. Secara kebetulan saya melihat, setiap rang undang-undang yang dibahas, kita memberi keutamaan Ahli-ahli parti yang *senior* di depan. Akan tetapi, saya melihat bahawa Yang Berhormat Klang juga perlu diberi slot untuk berucap, *the last slot* untuk DAP semalam. Saya memanggil DAP tanpa ada sebarang niat untuk menghindari hak wanita. Saya rasa, saya tidak ada niat, niat saya baik untuk memberi peluang kepada ahli parti DAP yang di belakang sana, yang juga ahli DAP untuk berucap isu itu.

Kebetulan semalam, diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua bahawa perbahasan akan tamat pada jam tujuh malam. Saya tidak boleh panggil lagi Yang Berhormat Bukit Mertajam kerana untuk memberi keadilan yang sebaik-baiknya untuk Pakatan Rakyat. Saya terpaksa memanggil seorang ahli daripada PAS untuk berucap iaitu Kubang Kerian.

■ 1140

Saya membuat yang terbaik untuk semua pihak, tanpa ada sebarang niat di sebaliknya. [Tepuk] Saya minta agar penjelasan ini *clear*, saya tidak ada niat kalau tidak sengaja terpanggil Bukit Mertajam semalam. Akan tetapi niat saya baik untuk memberi peluang kepada Ahli DAP yang duduk di belakang untuk turut berucap.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya akan minta Setiausaha nanti untuk menunjukkan rekod-rekod wanita yang saya panggil dalam Dewan ini, sepanjang rang undang-undang ini. Tidak ada diskriminasi, tidak ada niat. Kalau itu berlaku, bermakna ianya berlaku dengan niat yang baik Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bukan personal ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Yang juga satu universiti dengan saya dahulu. Saya tidak menuduh bahawa Tuan Yang di-Pertua ada berniat atau sengaja melakukan, yang saya kata adalah kebetulan tak ada seorang yang berucap itu adalah wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya ingin menggunakan peluang ini untuk menyuruh supaya lain kali lebih sensitif, lebih *the gender sensitive*, supaya setiap kali ada wanita yang diberi peluang dalam mana-mana topik perbincangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini kerana apa yang saya ingin katakan semalam, yang telah saya sediakan itu adalah sangat spesifik untuk *gender*. Saya nak merayu supaya kesaksamaan gender ini diterapkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu bukan isunya Yang Berhormat, bukan itu isunya. Ada *inclination* bahawa saya tidak berpihak kepada wanita. *That the issue*, bukan soal isu ucapan Yang Berhormat. Okey, perkara ini kita berhenti di sini. Saya dah minta untuk penggal ini, untuk sesi ini sahaja dua minggu yang lalu, saya akan buktikan bahawa ramai Ahli Parlimen wanita yang saya panggil untuk berucap.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya dahului dengan ucapan terima kasih, tapi kita akan lihat pada waktu yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baiklah, janganlah nanti ada perasaan bahawa saya tidak adil terhadap wanita, tidak baik Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ia berlaku dalam keadaan sedemikian, hanya dua orang daripada DAP bangun dan saya rasa tentulah Ahli Yang Berhormat dari Klang juga menghargai usaha saya untuk memberi peluang kepada ahli-ahli yang junior di belakang sana untuk berucap.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya pun boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu sahajalah Yang Berhormat. Tidak apalah kita bincang, itu sahaja Yang Berhormat ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itu bukan..., siapa yang berucap itu bukan soalnya, soalnya ialah tak ada seorang pun ahli wanita yang diberi peluang..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Secara kebetulan sahaja semalam, ketika saya panggil Yang Berhormat, tidak ada wanita lain yang bangun, cuma antara yang bangun..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ada, Yang Berhormat Ampang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ampang dia bukan dari DAP, ketika itu adalah slot untuk DAP. Kita di sini berlaku adil Yang Berhormat. Kita kira berapa DAP, berucap, berapa PAS berucap, berapa Keadilan berucap. Baik Yang Berhormat, jangan panjangkan ini, Yang Berhormat berniat baik dan saya juga berniat baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan sahaja dari DAP atau mana-mana [*Dewan riuh*] tapi saya rasa *overall*, dia mesti ada *gender*...

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Sudahlah Yang Berhormat Bukit Mertajam, buang masa sahaja.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya mohon.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat saya katakan tadi Yang Berhormat berniat baik, dan saya juga telah berlaku baik secara adil dan berniat baik, terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya terima kasih dan harap kita ada hasil yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

11.45 pg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Dr. Awang Adek Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tak sempat habis untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan usul kewangan yang telah dibentangkan. Terutamanya Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Tuaran dan Yang Berhormat Kubang Kerian dan ramai juga yang telah mencelah meminta penjelasan sepanjang perbahasan tersebut.

Dalam semua perbahasan yang telah dibuat sejak semalam dan petang kelmarin, saya lihat bahawa semua menyokong peruntukan yang telah diagihkan semula kepada kementerian-kementerian yang tersenarai. Tidak ada satu ucapan yang membantah mana-mana peruntukan, kalau ada pun hanya suara-suara yang meminta supaya ianya dinaikkan.

Terutama sekali oleh Yang Berhormat Rembau berhubung dengan peruntukan untuk Tekun dan juga kepada Jabatan Perpaduan. Akan tetapi tidak ada bangkangan yang ditimbulkan oleh mana-mana Ahli Yang Berhormat. Ini bererti bahawa semuanya menyokong dari segi pengagihan semula ini, kerana keperluan yang timbul akibat daripada pemansuhan dua buah kementerian yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dari segi namanya.

Satunya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, satu lagi ialah Kementerian Perpaduan yang digabungkan dengan Kementerian Penerangan. Sewajarnya juga,

saya kira peruntukan-peruntukan ini tidak disoalkan kerana ianya telah dibahaskan dengan begitu teliti Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Belanjawan 2009, kerana ini sudah pun dibahas dan diluluskan dalam Belanjawan 2009.

Kedua-duanya di peringkat dasar dan juga di peringkat Jawatankuasa. Jadi saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih. Saya akan menjawab soalan-soalan yang telah ditimbulkan sebaik mungkin kerana semua ini saya telah catat dan telah mendapat bantuan daripada pegawai-pegawai supaya kita tidak terlepas pandang soalan-soalan dan jawapan yang perlu dibuat.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Jasin bangun di belakang.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Saya belum buat apa-apa lagi dah ada... *[Ketawa]*

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya semalam tak dapat peluang langsung untuk nak bercakap kerana menghormati masa. Saya nak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya memang dari kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat ini memang memberikan satu sokongan dalam semua peruntukan yang diagihkan dan kita mohon kalau boleh dinaikkan.

Hanya mungkin saya terlupa satu benda saya nak tanya, mungkin kerajaan ada mempunyai sebab dan tujuan mengapakah kedua-dua kementerian ini dimansuhkan. Apa pun Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan yang satu ketika dahulu menjadi satu kementerian yang cukup dibanggakan oleh usahawan-usahawan bumiputera.

Dalam usaha kita untuk membimbing, mendidik mereka untuk menjadi masyarakat MPPB, Perdagangan dan Perindustrian. Seperti saya sebut tadi, kita yakin mungkin kerajaan ada sebab untuk menambah baik. Akan tetapi sebenarnya kita tertanya-tanya selepas itu usahawan-usahawan kita terpinga-pinga. Tambahan lagi ada kalangan mereka yang sedang membuat program dengan kementerian, tengah-tengah buat program *half way* ini, kementerian dibubarkan.

Jadi dia tidak tahu dekat mana nak tuju, sekarang ini walaupun kita agihkan kepada tujuh kementerian, saya tahu untuk usahawan bumiputera sahaja kita ada 14 kementerian dan 60 agensi. Akan tetapi kita sudah cukup sehati, semua agensi ini di bawah satu bumbung tapi sekarang dah bertaburan. Kita yakin kerajaan memang akan sentiasa memberikan perhatian dalam memastikan supaya kita dapat mengangkat ekuiti Melayu, daripada keadaan yang cukup parah pada ketika ini.

Apa yang terjadi Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya sendiri cukup terasa. Dulu Kementerian Pembangunan Usahawan ada menganjurkan yang dipanggil "*Satu Dun, Satu Industri*" di mana semua produk-produk usahawan bumiputera yang mempunyai potensi untuk

kita pasarkan, bukan sahaja di peringkat negara, bahkan antarabangsa. Dikumpulkan pada satu pertunjukan, *showcase* selama satu minggu dan Melaka di MITC dijadikan sebagai *venue* tetap.

Apabila kementerian ini dimansuhkan SDSI tak ada, sebenarnya SDSI ini cukup penting Tuan Yang di-Pertua. Kita sebenarnya Malaysia, menganggotai satu persatuan yang dipanggil OVOP yang dipengerusikan oleh negara Jepun, di mana semua produk-produk daripada masyarakat kampung ini akan dipertemukan. Dipasarkan di peringkat antarabangsa dan mendapat pasaran yang cukup baik. Jadi Malaysia, kita panggil SDSI, kalau di Thailand dipanggil One Tambun One Product (OTOP) dan kalau di Jepun di panggil "*One Village One Product*" (OVOP).

■1150

Akan tetapi, tahun ini, langsung tidak ada. Jadi, maknanya kita telah kehilangan satu peluang untuk produk-produk bumiputera ini dipasarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah tu.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Seterusnya, saya hendak sebut fasal MARA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah macam berucap Yang Berhormat, ya..

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya tidak dapat peluang bercakap semalam. Saya setuju sangat dengan Yang Berhormat Pasir Mas tadi...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat, bila Menteri masuk MARA, masuk balik yang MARA tadi.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Sebenarnya, isu-isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Jasin tadi, akan saya sentuh dalam jawapan saya kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini. Jadi, saya minta sesiapa yang belum mendapat peluang untuk berhujah, tunggulah masa yang sesuai, supaya kita tidak terlalu membuka kepada perbahasan. Jadi Yang Berhormat, memang isu mengenai mengapa kementerian dimansuhkan, insya-Allah, saya akan sentuh sedikit kalau diizinkan nanti.

Saya ingin kepada..., untuk memberi keutamaanlah Yang Berhormat Ipoh Timur, kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, sebagai Ketua Pembangkang, walaupun Yang Berhormat Ipoh Timur berucap dulu, tetapi saya ingin menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, walaupun beliau tidak ada di sini. Diharapkan beliau dapat sedikit sebanyak manfaat daripada apa yang akan saya sampaikan.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, kerana pada awal-awalnya, dalam ucapan beliau, beliau telah menyatakan secara jelas bahawa, secara prinsipnya, beliau menyokong penuh pemindahan peruntukan-peruntukan ini. Beliau menyatakan juga dalam mukadimahnyanya bahawa, beliau merasa bimbang tentang

penguncupan ekonomi yang masih berlaku. Saya kira, bukan sahaja di Malaysia kita pada hari ini, pada tahun 2009, tetapi di seluruh dunia, yang masih tidak kelihatan bilakah agaknya penguncupan ini akan berhenti dan kembali pulih kepada pertumbuhan ekonomi yang positif. Memang inilah persoalan yang ditujukan atau diajukan rata-rata di dunia ini, pada hari ini. Bukan sahaja di Malaysia.

Apakah kejatuhan ekonomi dunia dan pemulihannya yang dijangka tidak akan berbentuk 'V' seperti mana yang kita alami dalam krisis kewangan Asia yang dahulu, mungkin kah ia berbentuk 'U', ataupun mungkin kah ia berbentuk 'L', yang mungkin membimbangkan? Saya ingin menyatakan di sini bahawa, saya berkongsi pandangan dan pendapat dengan Yang Berhormat Permatang Pauh bahawa, keadaan ini masih lagi tidak jelas kalau dilihat dari segi senario ekonomi dunia pada hari ini.

Menjurus kepada soal-soal khusus yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Pertama, ialah dari segi peruntukan yang kelihatan agak tegas, yang dibuat oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, bagaimanakah katanya peruntukan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat ini, seolah-olah menganaktirikan negeri-negeri yang berada di bawah pemerintahan parti-parti pembangkang. Di sebutnya dari segi, peruntukan per kapita. Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Selangor, Perak yang disebut. Saya sendiri pun tidak begitu jelas, dari mana peruntukan yang diambil, bagaimana diambil dan bagaimanakah disebut bahawa, Pulau Pinang mendapat RM119, Selangor mendapat RM221 per kapita dan seterusnya.

Akan tetapi, apabila saya kembali dan mengkaji semua peruntukan-peruntukan ini bahawa jelas apa yang disebut oleh Yang Berhormat Permatang Pauh itu cukup mengelirukan. Cukup-cukup mengelirukan. Ini kerana, kalau dilihat peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri, adalah jauh sekali berbeza dengan apa yang dibayangkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Ini cukup penting sekali, kerana kita mahu *set the record straight*, dengan izin, supaya rakyat tahu, Yang Berhormat Machang, sahabat saya pun boleh bagi beritahu kepada Yang Berhormat Permatang Pauh nanti...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Boleh...

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Ini belum. Belum bagi lagi maklumat, Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Penjelasan sikit, sebelum penjelasan itu, sebab saya fikir mukadimah itu ada sikit kekeliruan. Saya cuba bantu.

Tuan Yang di-Pertua, yang disebut oleh Yang Berhormat Permatang Pauh semalam ialah, *uneven allocation of stimulus package funds across state*, dan dia merujuk laman web www.rangsanganekonomi.treasury.gov.my, setakat 19 Jun. Dia bukan soal pendapatan per kapita umum, tetapi merujuk kepada pakej rangsangan sahaja. Itu yang diberi data-data, Penang yang paling terke bawah, diikuti Kedah, dan seterusnya disebut. Jadi, kalau boleh, jawapan Timbalan Menteri biar menjurus kepada soal, ke mana agihan mengikut negeri ini dan telah

dibuktikan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, berdasar pada sumber rasmi kerajaan. Tidak ada yang mengelirukan, melainkan kalau kita memilih untuk terkeliru. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat Machang. Memang itu yang dijelaskan oleh Yang Berhormat, dan itulah juga maklumat yang akhirnya saya dapat, dari manakah Yang Berhormat Permatang Pauh dapat, apabila kita melihat *website*, Yang Berhormat, dan kita dapati apa yang ucapan-ucapan sebahagian daripada itu, ada tertera di situ, dan kita *print* kan, ada.

Akan tetapi dalam penyampai Yang Berhormat semalam, dia tidak jelas menyebut bahawa ini adalah pakej rangsangan peruntukan. Dia terus kepada peruntukan yang kelihatan tidak adil. Ini jelas, kalau Yang Berhormat hendak *check* Hansard, pun boleh. Saya dengar, saya dengar di sini. Jadi, bila balik, kita *check* lah. Jadi, saya hanya mahu ingin menjelaskan semua, bukan sahaja pakej rangsangan Yang Berhormat. Saya mahu bersikap adil. Kita bagi semua peruntukan.

Saya ingin menyebut peruntukan yang dikeluarkan melalui Majlis Kewangan Negara, yang juga ada wakil-wakil daripada negeri-negeri. Negeri Kelantan pun ada wakil, saya pernah menduduki majlis ini. Semua negeri ada wakil. Saya ingat, ingin memberi pemberian mengikut bilangan penduduk. Dia ada satu formula, mengikut penduduk, ya. Saya ingin sebut, pada tahun 2008, Kedah mendapat RM26 juta, ini kategori ini sahaja. Kategori ini sahaja, RM26,577,000. Kelantan dapat RM20,758,000, Melaka dapat RM13,488,000, Negeri Sembilan hanya mendapat RM15,950,000, Pahang, sebuah negeri yang besar, yang sepatutnya kalau ikut sokongan kuat kepada parti pemerintah, kalau kita hendak andaikan bahawa ianya berdasarkan kepada politik, Pahang hanya RM21,241,000. Berbanding dengan Kedah, RM26 juta, Kelantan sendiri pun RM20.7 juta. Perak dapat RM30,560,000, Selangor, RM70,162,000.

Seorang ahli: Itu betulkah?

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Sabah dan Sarawak, yang mana sepatutnya kita bagi keutamaan, memanglah tinggi, RM44 juta tetapi Selangor lebih jauh. Lebih jauh, RM70,162,000. Sarawak, RM33 juta. Saya hendak bagi, supaya kita jelas. Satu lagi...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: ...Peruntukan.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Berkenaan perkara ini.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Mengenai ini, ya?

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Ya. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi, apa angka-angka yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu ialah *per capita* tion, itu ialah perhitungan kepala. Itu merupakan peruntukan yang telah diberikan dalam lunas Perlembagaan, yang ditetapkan dalam Perlembagaan mengikut kepala. Selangor mestilah banyak, sebab penduduk di Selangor itu banyak, ramai. Itu kerana, fakta itu banyak kerana

dalam Perlembagaan memastikan bahawa, kalau penduduk itu ramai, mendapat peruntukan ramai.

Persoalan saya ialah, adakah pihak Kerajaan Persekutuan akan mengkaji semula kadar pemberian mengikut kepala ini, kerana kita telah lama, saya dalam DUN Negeri Sembilan, saya telah lama membangkitkan perkara ini, kerana saya rasa, kadar yang diberikan itu tidak pernah dikaji semula, berpuluh tahun. Ini mungkin selepas masa kita merdeka, kita tentukan kadar ini.

■1200

Akan tetapi saya rasa kadar itu hanya RM8.50 satu kepala. Tidak realistik, RM8.50 satu orang, macam mana dapat membangunkan negeri itu? Jadi saya berharap pihak kementerian ataupun Kerajaan Persekutuan, adakah cadangan untuk menaikkan kadar perhitungan kepala ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Ini soal-soal yang boleh dibincang dalam Majlis Kewangan Negara seperti mana yang saya sebut tadi ada wakil-wakil daripada setiap negeri, tidak ada masalah boleh timbulkan. Yang Berhormat boleh minta wakil Yang Berhormat untuk timbulkan. Cuma kalau tadi mengikutkan penduduk Yang Berhormat, saya baru sahaja sebutkan berdasarkan penduduk. Banyak lagi saya hendak bagi supaya kita jelas.

Ini pemberian penyelenggaraan jalan negeri, bukan penduduk ini, jalan negeri yang mutunya minimum, kita ambil mutu minimumlah. Kedah mendapat RM107,933,000, Kelantan dapat RM43, 545,000.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Minta penjelasan.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Melaka hanya dapat RM39,656,000,

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Minta penjelasan.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Pahang RM74 juta sahaja. Pahang kalau hendak banding dengan Kedah RM107, juta tadi itu. Perak RM137...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Timbalan Menteri Minta penjelasan.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: RM137 juta.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sebentar Yang Berhormat. Saya nampak Yang Berhormat

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tunggu dulu, tunggu saya bagi, bagi saya habis tajuk ini.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Angka-angka ini semua termaktub dalam..

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Yang Berhormat sebentar Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat semalam saya satu hari saya dengar Yang Berhormat berucap.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Saya tidak ucap.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Petang sebelum itu satu petang saya mendengar. Saya hendak keluar bilik air pun berlari-lari takut-takut Yang Berhormat kata mana Timbalan Menteri lari? Jadi janganlah kacau saya. Bagi saya habis dulu peruntukan ini, kemudian tanya ya. Kita kena bersikap adil, rakyat Malaysia melihat ini. Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Yang Berhormat Rasah cukup bertanggungjawab nampaknya. Baik, Perak RM137 juta, Selangor 267 juta, okey. Kemudian tidaklah hendak tunjuk ini yang kita bukannya kerajaan yang tidak adil.

Pemberian pertambahan hasil, Kedah RM23 juta, Johor pun baru dapat RM20 juta, Kedah RM23 juta, Kelantan RM25 juta, Melaka RM6 juta, Negeri Sembilan 11 juta, Pahang RM21 juta, Selangor RM34 juta... *[Dewan Riu]* Masya-Allah. Geran tahunan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan, ini pihak berkuasa tempatan, ini yang negeri-negeri ini soal negeri inilah kan? Geran kepada pihak-pihak berkuasa tempatan, Kedah RM29.9 juta, Kelantan RM21.9 juta, Melaka RM9.2 juta, Negeri Sembilan RM14 juta, Pahang RM18 juta, Selangor RM46 juta... *[Dewan Riu]*

Seorang Ahli: Tidak adil, tidak adil.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Kepong jangan tidur, dengarlah... *[Ketawa]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Dengar Yang Berhormat Kepong, dengar. Bayaran perkhidmatan bagi negeri-negeri. Ini sebab negeri menjalankan khidmat-khidmat kepada projek-projek Kerajaan Pusat. Johor dapat RM4.8 juta, Johor negeri besar. Kedah RM17.8 juta, Selangor RM15.4 juta. Pemberian berdasarkan tahap pembangunan ekonomi, tahap pembangunan ya. Ini maknanya kalau negeri mundur dia patut dapat banyaklah. Kedah RM24.4 juta.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Semua juta-juta.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Juta-juta punya Yang Berhormat Bung. Kelantan RM20, mata saya pun sudah tidak nampak..

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalah juga.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: RM28.5 juta, Kelantan! Melaka kesian RM12 juta.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Negeri Sembilan RM18 juta, Pahang negeri besar RM17 juta.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Kaji balik Menteri... *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Selangor ingat sudah maju dah. Bagi lagi RM15 juta. Jumlah pemberian semuanya.

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: Terengganu mana? Tidak pernah sebut pun?

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terengganu ada.

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: Ya, Terengganu, Terengganu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terengganu ada.

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terengganu hendak tahu. Okey Terengganu ada.

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: Sebab yang saya tahunya Tuan Yang di-Pertua, duit Terengganu Kerajaan Pusat sapu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sebentar Yang Berhormat. Kalau mahu bercakap Yang Berhormat minta izin Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Duit semalam yang kami dengar Yang Berhormat Lim Kit Siang..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Macam mana itu? Tunggu, tungguhlah bagi saya jawab dahulu bahagian ini, selepas itu saya buka ya. Jadi..

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Acah dulu berjuta-juta baru buka.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Jumlah pemberian, jadi jumlah termasuk kalau separuh perbelanjaan ini..

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terengganu, Terengganu.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Berdasarkan per kapita..

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terengganu.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Nantilah

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tungguhlah. Tungguhlah hendak ke mana? Selepas ini jumpa saya, saya bagi senarai pun boleh bagi. Apa susah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tolonglah banyak mana, susah mananya... *[Ketawa]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Mananya? Okeylah Hulu Terengganu... *[Ketawa]* Hendak Terengganu?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okey, okey Terengganu. Terengganu, okey tengok, tengok bukan saya hendak sembunyi Terengganu. Terengganu pemberian pertambahan hasil kalau Selangor dapat RM34 juta, Kelantan dapat RM25 juta, Terengganu dapat RM10 juta sahaja... *[Ketawa]*

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: RM10 juta sahaja. Kamu kebas RM15 bilion.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: Duit Terengganu RM15 bilion, bagi RM10 juta sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Terengganu jangan macam itu Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Janganlah...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Ini baru peruntukan-peruntukan tertentu,

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Jangan tanya nanti Terengganu dapat peruntukan yang berbilion-bilion nanti susah pula.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat, tidak bagi jalan.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Janganlah kita...

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: Maknanya adalah.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Ada, ada. Nanti saya, ini saya sekejap..

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Bagi saya bagi peruntukan, selepas itu Yang Berhormat Machang boleh, Yang Berhormat Kinabatangan pun boleh. Peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan. Rancangan Malaysia Kesembilan mengikut negeri, tengok yang nombor empat Selangor dalam senarai ini nombor empat. Wilayah Persekutuan nombor satulah, Wilayah. Selangor nombor empat RM17 bilion, Rancangan Malaysia Kesembilan. Selangor ya. Perak RM8.6 bilion, Kedah nombor lapan RM9.2 bilion daripada nombor 15 dapat nombor lapan okeylah. Tidak adalah duduk di bawah.

Kelantan nombor 13 -RM5.7 bilion, Melaka pun nombor 14, RM4.1 bilion. Negeri Sembilan masih nombor sembilan rendah daripada Kedah RM8.9 bilion ya. Itu peruntukan dan ini satu hendak bagi lagi. Satu, cukuplah hendak bagi gambaran, satu ini peruntukan, selepas ini baru saya bagi Yang Berhormat Machang. Peruntukan SEDC, ini banyak yang mengatakan SEDC peruntukan mana pergi? Kepada PKMK, Johor, yang ini yang dipinda dalam ini pun, dalam kita punya pengagihan ini. Johor baru RM14.6 juta, Kedah Yang Berhormat Kepong dengar ini RM70.8 juta, Kedah. Kelantan RM11.8 juta, Melaka RM2.9 juta, Selangor RM28.6 juta, Perak RM56.2 juta. Jadi saya harap isu inilah isu kalau hendak kaitkan bahawa kita nampak macam tidak adil ini saya rasa tidak payahlah.

Mungkin adalah satu, satu, kita bukan boleh hendak ratakan semua, daripada segi pelaksanaan pakej rangsangan ini, pakej rangsangan kita hendak supaya ia cepat dapat disegerakan. Ini kriteria-kriterianya, saya tidak hendak bagi kalau dia sangkut kah dia lambat ke soal tanah umpamanya adalah soal besar. Dan soal tanah ini *very sensitive*. Kalau hendak buat projek pun tanah tidak lulus, tanah di bawah negeri, jadi susah sangkut kita. Jadi sebab itu, ada sebab-sebabnya Yang Berhormat. Bukan kita ini, kalau tidak, tidakkanlah semua peruntukan yang saya sebut ini tidakkanlah kita begitu zalim.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat Bukit Mertajam sebab saya janji Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi projek-projek di Pulau Pinang adakah mana-mana kerana ada masalah tanah. Sekiranya ada silalah hubungi dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kita akan berbincang, kita akan bekerja sama.

■1210

Akan tetapi kita rasa ada beberapa projek tanpa berunding dengan kerajaan negeri telah dihentikan, atau di *postponed*, atau dihenti... [*Tepuk*] Sepertinya Projek Empangan Mengkuang, ini adalah merupakan satu projek yang sangat penting. Air merupakan kemudahan yang asas kepada semua rakyat tidak kira mereka penyokong UMNO ataupun Pakatan. Semua orang perlukan air, jadi saya minta penjelasan bagaimana dengan Projek Empangan Mengkuang ini. Terima kasih.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Rasah.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri cuba memberikan satu gambaran bahawa Kerajaan Barisan Nasional adil kepada peruntukan, kepada semua negeri walaupun negeri itu ditadbir oleh negeri Pakatan Rakyat. Saya hendak bangkitkan satu lagi isu berkenaan dengan peruntukan kawasan Parlimen, peruntukan khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada setiap kawasan Parlimen. Kalau prinsip itu, prinsip yang adil diguna pakai oleh Kerajaan Barisan Nasional, maka mengapa kawasan-kawasan Parlimen yang diwakili oleh Ahli Parlimen Pakatan Rakyat tidak boleh mengendalikan peruntukan itu sendiri. [*Tepuk*]

Tahun ini saya bertanya soalan kepada Perdana Menteri mengatakan, bahawa peruntukan kawasan Parlimen ditingkatkan sehingga RM1 juta satu kawasan. Maksudnya 222 kawasan Parlimen, ada RM222 juta peruntukan pembangunan, dan 83 kawasan Parlimen Pakatan Rakyat, RM83 juta...

Seorang Ahli: Ya... *[Tepuk]*

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Akan tetapi RM83 juta itu tidak dikendalikan oleh Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat. Wang itu dimasukkan dalam Pejabat Pembangunan Negeri dan saya dengar Ketua Bahagian UMNO yang mengendalikan peruntukan itu... *[Tepuk]* Saya hendak tahu ...

Seorang Ahli: Malu! Malu!

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: ...Kalau prinsip keadilan diguna pakai oleh Barisan Nasional, maka Kerajaan Pusat sepatutnya memberikan keadilan kepada semua Ahli Parlimen, termasuk Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat untuk mengendalikan peruntukan pembangunan ini. Terima kasih.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Timbalan Menteri, Timbalan Menteri, sekejap Timbalan Menteri. Hendak minta tambah sedikit.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Mana Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Kota Belud, belakang?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Hendak minta penjelasan Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Rakan kita daripada Rasah minta pertimbangan keadilan. Beginilah, saya cadangkan kepada Timbalan Menteri, kita bagi RM1 juta itu kepada mereka, apabila mereka menutup mulut jangan menghentam Kerajaan Persekutuan tanpa memberi fitnah... *[Dewan riuh]* Ini betul. Masalahnya...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Bagi dulu, bagi dulu...

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Masalahnya... *[Dewan riuh]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ini hasil dari wang ramai, orang ramai.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Kalau mereka menunjukkan keadilan...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Ini bukan rasuah kah ini? Ingat rasuah boleh tutup mulut?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Taiping, tidak boleh bangun macam ini. Yang Berhormat Rasah, tidak boleh bangun. Dia dalam pencelahannya.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Belud ini tidak faham demokrasi Tuan Yang di-Pertua, dia tidak faham federalisme.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Fitnah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak mengapalah Yang Berhormat, itu perbincangan dia dan pencelahan dia.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: *[Menyampuk] [Ketawa]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya harap kita dapat berhujah dengan suasana yang baiklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, begitulah sepatutnya.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tidak perlu bertengkar-tengkar.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: *[Duduk]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Ketawa]*

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Hendak memperbetulkan fakta.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tidak payah. Hendak betulkan fakta pun boleh dengan elok.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Bendera bangun, Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Cakap dengan perlahan, orang lagi dengar. Saya tadi bila sudah banyak sangat saya pun tidak dengar. Saya hendak jawab pun susah sebab saya tidak dengar... *[Ketawa]*

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: *[Ketawa]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Macam-macam tadi. Jadi saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Kota Belud itu suara kuat sangat.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Saya hendak... Tunggulah dahulu Yang Berhormat Machang. Bagilah saya jawab Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Duduklah dahulu, duduk dahulu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat Machang, duduk. Boleh?

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Bila saya tengok Yang Berhormat itu, saya pun tidak terpandang Yang Berhormat Bukit Mertajam. Jadi Yang Berhormat Bukit Mertajam memberi kesanggupan untuk membantu mana-mana projek Kerajaan Pusat yang mengalami masalah tanah dan sebagainya. Saya menyahut baik, niat baik Yang Berhormat, saya tidak ada prasangka. Oleh itu, saya ingin meminta bantuan Yang Berhormat secara langsung pada pagi ini untuk membantu dalam Projek *Double Tracking*.

Projek *Double Tracking* Yang Berhormat, kita sudah bermesyuarat baru-baru ini dan kita cukup bimbang *progress* di negeri Pulau Pinang akan mengganggu kejayaan Projek *Double Tracking* ini kerana masalah menyelesaikan tanah-tanah laluan. Jadi saya cukup-cukup minta

kerana memang kalau mengikut taklimat yang diberikan oleh Kementerian Pengangkutan..., jalan raya, dan saya hadir dalam mesyuarat tersebut cukup-cukup membimbangkan. Kadar *progress* di Pulau Pinang berbanding di negeri-negeri lain.

Jadi Yang Berhormat kena balik tengok, *give some good will*, dengan izin. Maknanya kita hendak menyelesaikan masalah ini, baik untuk *Penang*. Kita hendak bawa barang-barang daripada utara pun hendak pergi ke Pelabuhan *Penang*. Tidak akan dia hendak turun hendak sampai ke Johor ataupun *Port Klang* dari utara. Akan tetapi, kalau terganggu, sehingga ada perbincangan sampai hendak kena buat lencongan, jadi dia akan *defeat the purposenya* yang kereta api ini patut laju, *double tracking railway*. Tiba-tiba kerana tidak dapat menyelesaikan tanah, dia kena pusing, jadi bengkok.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: [*Bangun*]

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat, ini memalukan. Memalukan. Saya harap sebab ini satu *national project*. Kebanggaan kita semua.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Jadi saya berharap Yang Berhormat tolong selesaikan ya? Terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita pun mengambil maklum masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang Projek *Double Tracking* di negeri Pulau Pinang. Saya rasa perasaan ini neutral sebab kita ingin melihat pembangunan di negeri-negeri mahupun di Barisan Nasional ataupun di Pakatan Rakyat. Jadi saya rasa kalau ikhlas di dalam isu ini, apa yang dijawab oleh Timbalan Menteri memberi angka-angka yang begitu banyak, tetapi nampaknya tidak menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya ada contoh bagaimana pihak sini merasa terpinggir.

Di negeri Pulau Pinang saya bertanya dalam soal jawab lisan yang dijawab secara bertulis di bawah Pakej Rangsangan Kedua ini, dikatakan RM60 bilion mungkin terlibat juga PFI. Akan tetapi dalam kerajaan, RM10 bilion untuk perbelanjaan pembangunan, RM5 bilion untuk pengurusan, tetapi apa yang diberikan kepada negeri Pulau Pinang sekadar RM64 juta sahaja. Tidak sampai 0.5% daripada RM15 bilion ini, itulah saya rasa apa yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh untuk membayangkan dari segi ini, apakah yang dikatakan Satu Malaysia itu benar-benar dihayati oleh Barisan Nasional sendiri.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Saya terkilan Yang Berhormat, bila Yang Berhormat kata saya tidak jawab... Tunggu saya hendak jawab dahulu.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Sambung, sambung.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tidak, tidak boleh. Sebab saya pun hendak menghormati Yang Berhormat Ipoh Timur. Kalau macam ini bila saya hendak sampai ke PKFZ dia...

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Dia sudah sampai saya tengok kadang-kadang hilang kepala dia ke bawah. Tunggu... Akan tetapi karenah anak buah ini kena layan jugalah Yang Berhormat. Jadi, itu belum Yang Berhormat Kepong lagi bangkit itu. Yang Berhormat Kepong tidak bangkit lagi. Jadi saya terkilan sebab saya sudah bagi maklumat-maklumat, tiba-tiba dia kata saya tidak jawab Yang Berhormat Permatang Pauh. Jadi berikan izin sedikit masa untuk saya menjawab Yang Berhormat Permatang Pauh ini.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Timbalan Menteri, minta penjelasan...

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Kacau lagi, cukuplah.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Bukan, bukan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Saya ada banyak *point*, banyak isu, jadi kalau hendak jawab yang satu-satu, tidak cukuplah. Tidak cukup.

Seorang Ahli: Jawab Yang Berhormat Permatang Pauh.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Jawab Yang Berhormat Permatang Pauh? Kita hendak bagi Yang Berhormat Permatang Pauh ini jawapan yang paling padat.

Beberapa Ahli: Ya.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Yang paling menyeronokkan dia.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat Permatang Pauh...

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat Permatang Pauh, dia soal perkara prinsip. Dia kata apa RM60 bilion ini. Betul kah RM60 bilion ini? Yang Berhormat Kepong dengar tidak semalam? Sebenarnya dia...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Tadi tidak jawab soalan saya mengenai Projek Empangan Mengkuang. Hendak minta tolong, itu saya boleh tolong... *[Dewan riuh]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okeylah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Akan tetapi ini Projek Empangan Mengkuang macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Biarkan Timbalan Menteri jawab dahulu Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Itu Yang Berhormat, tadikan Yang Berhormat, saya kata nanti balik *Penang* tanah kita selesai. Saya pun akan jawablah Yang Berhormat punya itu. Jangan bimbanglah. Ini perkara kecillah Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Peruntukan Parlimen tolong jawab, peruntukan Parlimen tolong jawab dahulu... [*Dewan riuh*]

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Kita hendak jawab yang... Duduklah dahulu Yang Berhormat Rasah. Saya tadi bising sangat, saya tidak dengar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Cukup Yang Berhormat Rasah, cukup.

Ini *floor* saya ini. Bagi saya jelaskan.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Maran, duduk dahulu Yang Berhormat Maran.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Sebab saya hendak sampai ke PKFZ dengan cepat, kalau tidak Yang Berhormat Ipoh Timur pun hendak makan tidak lalu.

Seorang Ahli: Tanah ini Menteri Besar kena jawab... [*Dewan riuh*]

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Ini macam mana ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri, teruskan.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat Ipoh Timur, tolong cakap diam sedikit, Yang Berhormat? Ini mungkin sebab Yang Berhormat kadang-kadang tunjuk contoh yang mereka ini naik semangat. Kena cakap elok-elok, perlahan-perlahan. Jadi Yang Berhormat Permatang Pauh kata RM60 bilion, apa ini RM60 bilion? Padahal RM60 bilion bukannya semua suntikan fiskal, RM15 bilion. Memang betululah.

Pakej rangsangan ini gabungan, kita masuk semua ya. Saya jelas, telus dana jaminan RM25 bilion kita masuk. Cuma Yang Berhormat Permatang Pauh silap sedikit Yang Berhormat Machang. Kalau boleh kirim salam dekat Yang Berhormat Permatang Pauh, dia kata jaminan ini belum ada apa-apa pun. Jaminan ini apabila bankrap baru dapat.

■1220

Salah Yang Berhormat. Dalam ekonomi bila ada jaminan maka swasta bank-bank dia bagi pinjaman. Dia bagi pinjaman kerana dia dapat jaminan. Jadi itu matlamat kita menjana ekonomi. Jangan menganggap jaminan ini tidak memberi kesan. Ia ada kesannya. Saya bagi contoh dalam Dewan yang mulia ini bila saya jawab tentang pinjaman SME sebahagian daripada sebab adanya dana jaminan ini maka kelulusan SME setiap 10 permohonan lapan diluluskan. Ya Yang Berhormat Kubang Kerian? Tunggulah, saya akan sampai kepada Yang Berhormat Kubang Kerian. Jangan duduk tak sabar. Sudah naib presiden kena buat cara naib presiden.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan? [*Dewan riuh*]
Boleh minta penjelasan?

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Ya, Yang Berhormat Kepong. Eh, itu Yang Berhormat Kalabakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kinabatangan!

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat Kinabatangan. Allah.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Kawan pun tak ingat!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mungkin banyak gangguan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tak ingat sudah. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya terpanggil untuk bertanya. Sebentar tadi saya meneliti bahawa Yang Berhormat benar-benar serius memperjelaskan bagaimana penjana ekonomi tetapi sebaliknya wakil-wakil rakyat pembangkang ketawa dan tersenyum. Mungkin mereka ini bukan *economist*. *Lawyer* lah, loyar lah, macam-macam. Ini kerana kita lihat bagaimana negeri Kelantan itu diurus sehingga tidak boleh maju. Jadi apabila kita cerita soal penjana ekonomi dia tidak mahu dengar. Seolah-olah dia sahaja yang pintar.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sabah majukah, Sabah?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Sabah majukah?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sabah maju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang lain diam.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sabah memang maju. Kalau belum dapat cari maju turun Sabah kita boleh kasi tengok semua pembangunan ada. [*Ketawa*] Di Kelantan saya turun tidak ada kemajuan langsung.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Mari sini bising.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Pejam mata itu sampai Kelantan. [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena, jangan macam itu Yang Berhormat Pokok Sena.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bukan tanya sana. Belum habis. Jadi apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri memperjelaskan secara menyeluruh kepada mereka supaya mereka faham bukan hanya tahu memerintah tetapi tahu bagaimana menjana ekonomi negara. Kalau memerintah pun ekonomi tak ada lingkup juga! Minta penjelasan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Macam mana mahu perintah, di Kinabatangan bank pun tidak ada. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Senyap sedikit Yang Berhormat. Jangan macam itu Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Bagi Yang Berhormat Machang.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sabar tunggu kerana saya seronok dengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Itu saya ucap tahniah. Skil jawapan itu luar biasa. Kalau tidak geletek dari segi politik, *perfect*. Yang Berhormat Timbalan Menteri ini memang kita sukalah cara jawapannya. Sampai bila bagi angka-angka yang Kerajaan Pusat bagi pada negeri itu angka-angka itu Yang Berhormat Timbalan Menteri nampak kagum dengan angka-angka itu. RM26 juta, RM30 juta. Kekaguman yang berlebihan saya nampak. 'Akliah mustak marah', ini luar biasa.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pun sedang tunggu fokus jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh dan Ahli-ahli Parlimen lain. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri profesional. Pernah kerja Bank Negara, terpelajar dan sudah tentu boleh mengawal suasana Dewan kerana ini kualiti jawapan yang kita hendak.

Pada masa yang sama Yang Berhormat Timbalan Menteri saya tidak berapa hendak singgung soal Yang Berhormat Kinabatangan yang dikata Sabah maju. Angka kemiskinan terbaru Sabah lebih teruk daripada Kelantan sebenarnya. Itu fakta. *[Ketawa]* lebih baik kita cakap angka ya. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mohon penjelasan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ia negeri besar itu sebab dia banyak kemiskinan. *[Ketawa]*

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Akuilah!

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: ...Dua perkara Yang Berhormat Timbalan Menteri saya mahu jawapan yang betul-betul jujur. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi memberikan segala macam hasil yang negeri dapat yang pusat bagi. Per kapita, jalan itu memang sudah jaminan Perlembagaan. Ada yang *missing*, ada yang hilang dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu mengenai hasil industri petroleum yang ada dalam rekod Kelantan keluarkan.

Saya merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan GDP oleh Jabatan Perdana Menteri, EPU saya kira yang menyebut 2004, 2005, 2006, 2007 pendapatan setahun industri petroleum Kelantan ialah RM2.5 bilion, RM2.6 bilion. RM2.7 bilion. Dalam buku Jabatan Perangkaan 2006 dan 2007 muka surat 187 jadual 5.3 ada empat negeri mengeluarkan hasil petroleum. Anehnya Yang Berhormat Timbalan Menteri, tiga negeri sahaja dapat royalti, Kelantan tidak dapat. Jadi saya perlukan penjelasan yang betul-betul jujur.

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]: Dua negeri sahaja, dua negeri sahaja.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: *[Bangun]*

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Sabah dapat, Sarawak dapat dan Terengganu katanya dapatlah. Tak ada Yang Berhormat Kuala Terengganu kata. Baik. Saya mohon Kelantan itu kenapa boleh tidak dapat? Baik itu. Menteri Besar Kelantan sudah tulis surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya harap yang itu dapat ditengok. Satu.

Perkara kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi soal pembangunan di Pulau Pinang. Ini juga saya mohon jawapan jujur daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya merujuk kepada isu jambatan Pulau Pinang yang kedua. Laluan sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri 24 kilometer, laluan selatan dipanggil. Ada laluan yang lebih munasabah yang dirancang oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri iaitu laluan utara lebih kurang 9.2 kilometer termasuk pembinaan *tunnel* lebih murah. Kosnya sekitar RM7 bilion. Laluan sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri kosnya adalah RM13 bilion bahkan kalau dihentikan sekarang pun pembinaannya, cabut balik cerucuk bayar pampasan kepada syarikat China, CHEC ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, dengan pampasan segala macam itu dan dibangunkan laluan utara jambatan kedua baru ini jauh lebih murah. Soalnya ialah kenapa hendak teruskan juga sedangkan biaya pembinaannya daripada Kumpulan Wang Amanah Pencen sebahagiannya. Sudah guna pun wang Bank Pembangunan waktu Perdana Menteri hendak pergi China supaya jangan ada Perdana Menteri China bising kontraktor dia sudah buat jambatan di Malaysia tidak bayar maka didahulukan. Dikeluarkan arahan ambil daripada duit Bank Pembangunan.

Kemudian bajet prasarana di bawah Kumpulan Wang Amanah Pencen itu sudah siling. Itu juga hendak digunakan sedangkan penjimatan kos itu berkali ganda. Katalah jimat RM5 bilion. Wah, kalau bagi pada Kelantan, pada Perak semua ini lumayan itu sebenarnya. Itu saya fikir lebih fundamental untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri ulas. Dua perkara, royalti minyak dan juga kenapa dipilih laluan yang lebih jauh dalam projek Pulau Pinang jambatan kedua sedangkan laluan utara, *northern route* itu jauh lebih menjimatkan.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Boleh.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Boleh Yang Berhormat. Saya berterima kasih di atas penjelasan yang diminta dan juga dibuat oleh Yang Berhormat. Pada masa yang sama Yang Berhormat jelaskan jugalah sedikit isu terutama sekali di Penang. Saya berterima kasihlah. Saya harap Yang Berhormat jujurilah bila kata inilah cara jawapan yang kita hendak dan saya akan cuba. Saya tak akan menggeletek lagilah Yang Berhormat-Yang Berhormat. Kalau tidak suka digeletek saya tidak akan menggeletek lagi. [*Dewan riuh*] Tak apalah. Inilah, yang itu kata tak boleh yang itu kata boleh.

Seorang Ahli: Menggeletek sedikit-sedikit boleh.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Boleh? Sedikit-sedikit boleh. Saya ini memang saya cuba. Okeylah saya pun nampak tidak ada apa. Semangat hendak bergembira sedikitlah. Tidak serius, tidak serius.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *Check* bagi betul.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okey. Itu sudah tak betul cakap macam itu. Yang Berhormat Machang saya ingat cukup matang dia punya pemikiran dan saya dengar Yang Berhormat Machang pasal royalti minyak ini bukan sekali ini. Saya pernah berada di sini bila Yang Berhormat timbulkan isu-isu ini dan saya mendengar dan saya tertarik dengan hujah-hujah Yang Berhormat. Secara jujur ya. Yang Berhormat hendak yang jujurkan? Jawapan yang jujur. Saya tertarik. Janganlah suka. Saya tidak suka pun. Saya tertarik kerana ini bagus. Kalau ini yang dihujuahkan dan kerajaan perlu mencari jawapan dan...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tunggulah dahulu Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tambahan, tambahan.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tak boleh tambahan. Yang ini pun sudah cukup ini. Dua ini saya hendak jawab pun sudah mungkin...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Pening.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tidaklah pening Yang Berhormat. Yang Berhormat selalu prasangka. Tidak elok Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya tak hendaklah kacau Yang Berhormat tapi tak elok kacau orang macam itu. Dahulu Yang Berhormat kata jawapan saya tidak bertanggungjawab, ini pening. Apa cerita?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Saya ingat Yang Berhormat Machang boleh beritahu kawan-kawan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong terus jawab. Saya pun ada soalan-soalan yang hendak dibangkitkan. Terus...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, tak payahlah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Siapa yang mengganggu?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Macam mana hendak jawab kalau kamu yang pening! Hendak jawab tanya sana sini macam orang pandai!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, teruskan Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Dan ini sekali gus...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Sekali gus menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian pasal royalti dan saya *I did my homework* dengan izin. Saya balik kata ini hujah-hujah dan saya difahamkan surat pun sudah dihantar dan saya yakin sekiranya surat telah dihantar oleh Menteri Besar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menjawab, sudah pasti. Cuma saya tidak tahulah apa jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang akan buat itu tapi setahu saya mengikut kajian yang saya buat saya bincang dengan DOS. Hendak kata EPU ini ada juga DOS melalui EPU. Dia ada penjelasannya begini. Saya bagi tahu penjelasan secara jujur. Soal Yang Berhormat puas hati tidak puas hati itu soal yang kedua.

■ 1230

Pertamanya saya hendak sebut, sebab Yang Berhormat Kubang Kerian kata sebagai anak Kelantan, anak Bachok, Yang Berhormat perlu gembira, saya cukup gembira. Saya cukup gembira kalau Kelantan dapat royalti saya cukup gembira. Mengapa tidak harus saya gembira? Soal politik itu soal lain. Yang mana bagus, kita sokong. Sebab itu kalau Yang Berhormat nak perpaduan pun kita sokong. Tidak apa, tidak ada apa-apa masalah pada kita. Jadi, yang jelasnya penjelasan yang diberikan kepada saya...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tunggulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya minta diam Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Berkenaan dengan royalti ni Yang Berhormat, saya tanya kalau betul Kelantan disenaraikan mengapa Kelantan tidak dapat? Saya tanya betul. BOS, dia kata begini Yang Berhormat dia kata, Terengganu dan Sabah dapat kerana minyak ini berada perairannya, perairan, persisiran, begitulah. Persisiran yang mana bermakna kepunyaannya dan keduanya tidak ada pertindihan tuntutan. Ini bermakna Terengganu tidak ada tuntutan dengan apa-apa pun, dia dapat 80km saya diberitahu. Sudah ada sudah lapangan minyaknya.

Akan tetapi di Kelantan ini Yang Berhormat, dia kata Kelantan kita ada dua, yang merupakan kerjasama antara Malaysia, satunya antara Malaysia dengan Thailand yang berada jauhnya 150km keluar. Satu lagi kerjasama kerana tuntutan bertindih antara Malaysia dengan Vietnam. Vietnam yang berada lebih 200km di antara 200 hingga 230km. Hampir-hampir keluar daripada zon ekonomi. Jadi kalau tuntutan ini bertindih maka dia punya normalnya ialah perkongsian antara dua negara. Dan ia tidak dianggap sebagai hasil negeri tersebut. Sebab ini jauh, ada pertindihan, ada normal antarabangsa dia. Itu penjelasan dialah tetapi saya tahu kalau Yang Berhormat tidak puas hati pun buat hari ini itulah penjelasannya, saya tahu kerajaan akan membuat pengumuman dan pendirian tambah-tambah lagi surat akan dibalas. Jadi kalau jawapan saya ini tidak begitu puas hati, itu jawapan saya yang jujur.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Saya puas hati. Saya minta sedikit ruangan lagi. Yang Berhormat, ada dua perkara yang saya nak timbulkan. Pertama, hujah kerajaan mestilah konsisten dalam soal ini. Ketika BN tidak menjadi kerajaan di Terengganu, selepas bayaran pertama royalti minyak diberikan tahun berikutnya tidak diberi lagi. Waktu itu hujah kerajaan adalah Terengganu tidak layak dapat royalti. Kes itu dibawa ke mahkamah.

Antara hujah kerajaan ialah kerana penemuan minyak itu pun di luar kawasan pantai Terengganu. Hari ini Yang Berhormat maklumkan bahawa Terengganu dapat sebab ia dalam kawasan Terengganu. Sebab itu saya kata mesti konsisten, baik ya. Itu yang pertama. Yang kedua, Kelantan, betul sebelum disedut minyak, ini Yang Berhormat Gua Musang arif. Saya tidak hendak pandang dia, gemuruh kalau tengok sebab fasal minyak hal Yang Berhormat Gua Musang sebenarnya. Dia yang asaskan tubuhkan Petronas. Akan tetapi saya memberanikan diri untuk memberi penghujahan bahawa sebelum minyak disedut gas dulu disedut. Sekarang, betul kawasan pertindihan.

Kalau hendak diusahakan, hasilkan ambil gas, kalau kawasan pertindihan itu logiknya bagi menjimatkan kos dan segala macam, mestilah didaratkan di kawasan yang lebih dekat bukan? Kenapa dibawa ke Songkla? Dari telaga minyak itu ke Songkla 278km. Saya merujuk jawapan Tengku Adnan Tengku Mansor, dalam Parlimen ini dalam *Hansard* tahun 2004. Sepanjang 278km ke Songkla, manakala ke Tumpat cuma lingkungan 100km. Yang Berhormat ahli ekonomi, ini soal kos. Dan bila didaratkan di Songkla Petronas adalah pembeli yang lebih besar berbanding dengan pengguna di Thailand melalui usaha sama itu. Sudahlah gas itu dibawa ke sana, paip itu hendak kena yuran, paip gas hendak diletak di bumi Thailand kena bayar lagi yuran, kena bayar lagi tolnya.

Kemudian sudah diusahakan hasil gas itu, Petronas pembeli terbesar mengikut perjanjian gas ini, mana munasabahnya? Alangkah baiknya dibawa ke Kelantan, itu hujah saya dari sudut ini, jadi terima kasih atas usaha berterusan Yang Berhormat kerana suka sekiranya Kelantan juga dapat hasil. Kita juga tunggu kerana ini saya fikir isu yang melibatkan kalau kita hendak buktikan keikhlasan politik kita, ini lah masanya sebenarnya. Jauh lebih penting daripada kerajaan perpaduan dan segala macam, ini sebenarnya. Kembalikan kepada yang hak. Boleh setuju Yang Berhormat Gua Musang ya? Angguk nampak. Terima kasih... [*Tepuk*]

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Boleh, sekali?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat?

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Beri Yang Berhormat Shah Alam lah sebab saya harap kita boleh berhujah dengan baik... [*Tepuk*]

Seorang Ahli: Memang baik punya.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ala kecil hati pula Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya saya hendak balik kepada jawapan yang asal tadi iaitu bahawa oleh sebab ada

pertindihan maka Kelantan tidak ada hak. Ini saya rasa satu hujah yang bercanggah dengan konsep federalisme yang mana dengan oleh sebab adanya konsep federalisme itu maka kita mengiktiraf bahawa perairan adalah milik negeri dan apa yang keluar hasil daripada perairan yang berhampiran itu adalah milik negeri dan itulah sebabnya kita kena bayar royalti.

Lalu apabila ada pertindihan oleh sebab ia berhampiran dengan sempadan dengan Siam dan sebagainya, ianya tidak boleh digunakan sebagai satu hujah untuk menafikan konsep federalisme yang wujud yang mana negara kita diasaskan kepada konsep itu. Saya rasa inilah di antara sebab juga mengapa dalam laporan-laporan EPU yang telah disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Machang ianya diiktiraf bahawa ianya adalah hasil daripada Kerajaan Negeri Kelantan.

Oleh itu saya rasa hujah pertindihan itu tidak boleh diguna pakai. Ia boleh diguna pakai untuk mengagihkan hasil tetapi akhirnya kalau mungkinlah 100% itu, 50% pergi ke Siam, 50% pergi ke Malaysia. 50% yang pergi ke Malaysia itu adalah hak milik Kerajaan Negeri Kelantan dan royalti mesti dibayar ke negeri Kelantan kerana konsep federalisme yang ada dan kalau kita teruskan dengan hujah yang seperti ini kita seperti mahu menafikan di antara asas-asas utama terbinanya negara Malaysia. Saya rasa, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa saya menghormati itu pandangan Yang Berhormat dan pandangan ini tidaklah terlalu *unreasonable*, dengan izin, tetapi amalan sekarang ialah amalan sekarang yang ini belum boleh diagihkan. Akan tetapi saya yakin dengan surat-surat, yang pertindihan ini amalannya, tambah-tambah lagi definisi perairan negeri itu sebab kita ada *economic zone* dan kalaulah betul di Vietnam itu melampaui *economic zone* 200km sampai sudah 230km, ini bukan hak satu-satu negeri lagi mungkin hak satu negara.

Akan tetapi memanglah, kalau dikaitkan kalau lukis *line* nya itu mungkin ia akan sampai ke satu negeri, betullah seperti Yang Berhormat kata, saya tidak hendak *argue*. Cuma tadi Yang Berhormat Machang walaupun dia sudah tiada, dia sebut ini yang kawasan *joint development* dengan Thailand ini, mengapa buat ke Songkhla tidak di Tumpat kah ataupun Bachok kah? Ini memanglah dari segi logiknya kita boleh persoalkan tetapi kita jangan lupa bahawa ini adalah perjanjian dua negara untuk membolehkan urusan penggalian hasil ini dapat dibuat. Kadangkala mungkin kita kena ada *give and take*. Kita tidak boleh hendak semua oh ini Malaysia, Petronaslah kita, sudah Petronas yang buatnya, mari kita hendak paipkan pula ke Pantai Timur ke Malaysia.

Memang itu kalau boleh kita hendak semualah tetapi dalam pertimbangan antarabangsa. Nama lagi kerjasama mereka pun ada tuntutan mereka, mereka pun ada tuntutan mereka, maka saya tidak hendak *pre-judge* lah *what was the conclusion, what was the basis* sebab saya pun tidak terlibat dalam *negotiation* tetapi prinsipnya kita nya kita kena ambil kira, itu prinsipnya, saya

hendak teruskan. Yang Berhormat cukuplah Yang Berhormat, nanti mungkin *point* lain boleh, sebab saya sudah hormati pandangan Yang Berhormat itu...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi soalan Yang Berhormat Machang tadi, berhubung dengan Pulau Pinang Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Oleh sebab Yang Berhormat Machang tidak ada, nanti dia jumpa saya, saya beri *explain* pada dialah sebab dia sudah tiada di sini.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Ketawa]

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Sebab Yang Berhormat saya hendak sebut satu sahaja.

■1240

Yang Berhormat, sebelum saya beralih kepada topik-topik lain. Kalau boleh saya hendak cuba ringkaskan. Yang Berhormat Permatang Pauh kata, ini apa sampai *tax break* ini pun masuk dalam pakej rangsangan.

Saya bukan hendak memperkecilkanlah pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Akan tetapi, mengikut penyenaaraan antarabangsa, pakej-pakej rangsangan yang dibuat oleh negara-negara seperti United States. United States, pakej pertamanya USD700 bilion. Ini dibuat untuk membantu syarikat-syarikat kewangan yang bermasalah. Itu dikira juga sebagai pakej rangsangan. Kemudian ada *tax cuts* dengan izin potongan cukai, *business* dan *individuals*, termasuk South Korea yang 33 trilion *one* ini termasuk *tax cuts* untuk *individuals* dan syarikat.

Germany, *income tax cuts*. Jadi, ini semua pakej rangsangan. Pakej rangsangan ini pakej ekonomi. Kita tahu pakej ekonomi ini ada yang fiskal *expenditure* dan ada juga yang *monetary*, jadi yang fiskal ini...,fiskal stimulus ada. Tindakan-tindakan *tax* pun boleh dimasukkan dan diterima di peringkat antarabangsa, ia adalah sebahagian daripada pakej rangsangan. Sila Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cukup memahami pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi tentang persabitan sama ada apa pun pendekatan fiskal atau mahu pun *monetary*. Saya rasa tidak ada pertikaian di situ. Ringkasnya, untuk mengangkat agregat *demand* supaya berlaku *consumption*, berlaku rangsangan kepada permintaan domestik. Perkara itu, saya rasa semua orang sudah faham, yang *economies* mahu pun yang tidak *economies*.

Persoalan yang saya hendak bangkitkan, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang semalam dan saya mencelah. Saya tidak berpeluang untuk berhujah adalah persoalan polisi liberalisasi yang nampaknya menjadi tumpuan polisi kerajaan di bawah Yang Berhormat Perdana Menteri yang baru ini.

Saya menyebutkannya ringkas-ringkas begini Tuan Yang di-Pertua, kalau setelah apa yang kita sedari dan insafi bahawa kerana penguncupan global, permintaan global lalu hari ini

kita menyebutkan bahawa *over reliance* kepada *export oriented economy* telah menjadi punca masalah ekonomi negara ini. Saya tidak faham mengapa bersungguhnya kerajaan ini melakukan *deregulation* atau dengan kata lain *liberalization* yang hari ini membuka kepada pelbagai risiko.

Kalau sebenarnya yang hendak kita mahukan adalah merubah sedikit daripada *reliant* ataupun kebergantungan kepada permintaan luar supaya kita pacu permintaan dalaman, maka *measures* nya, langkah-langkahnya tentunya mesti *coherent* dan *consistent* dengan perkara tersebut. Saya menyebutkan persoalan *liberalization* ini yang sebenarnya merupakan punca utama runtuhnya ekonomi-ekonomi barat hari ini kerana *financial deregulations* dan *liberalization* itu, kita memacu ini seolah-olah sebab kononnya kita mahu kan menggamit FDI.

Tuan Yang di-Pertua, sekejap Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebentar Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya faham Yang Berhormat. Tidak sempat berucap sekarang tetapi...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ya, betul dan saya mengangkat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Akan tetapi Yang Berhormat, jangan menggunakan slot ini untuk berucap.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Baik, baik. Saya minta sedikit. Bagi saya tiga minit untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Banyak sangat tiga minit.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Dua minit.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Saya sudah faham Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat ya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya mahu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bagaimana persoalan *liberalization* ini akan mampu membawa kita keluar daripada kemelut dan krisis ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Persamaan dengan itu, saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab bagaimana satunya *low wage regime* satu. Dua, *low skill labors* yang berterusan kita bergantung pada pekerja-pekerja luar. Ketiga, SMEs yang tidak punya *knowledge intensity* dan keempat *national saving* yang tinggi, *over investment rate* yang rendah, kita punya keupayaan untuk *drive domestic demand* tetapi *liberalization* ini membuka persaingan kepada *the big voice from outside*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang akhirnya, *hypermarket* contohnya dan banyaknya yang lain yang meletakkan ancaman kepada ekonomi negara. Saya tidak faham kesemua ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kecelaruan polisi ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Boleh Yang Berhormat. Saya sudah bagi untuk penjelasan dan saya faham, saya akan jawab. Tidak payah panjang-panjang sangat sebab *point* itu memang saya faham. Bahkan, saya hendak pergi tadi ke *point* itu pun sebab Yang Berhormat Permatang Pauh memang membawa isu liberalisasi selepas pada pakej rangsangan. Saya hendak bawa pun.

Yang Berhormat, saya ada nota di sini. Yang Berhormat kata *national saving* kita tinggi tetapi tidak digerakkan untuk pelaburan, ada. Yang Berhormat jangan bimbang. Jadi, Yang Berhormat Permatang Pauh, saya tengok kalau hujah dia itu seolah-olah tidak selari dengan hujah Yang Berhormat Kuala Selangor. Ini kerana, Yang Berhormat Permatang Pauh berkata dia bimbang dengan seolah-olah liberalisasi ini sedikit-sedikit, teragak-agak. Umum yang ini, kemudian umum lagi.

Dia lebih seronok barangkali dengan liberalisasi yang lebih menyeluruh. Kemudian, dia kata *take care of the* dengan izin yang bawah-bawah ini. Itu pendekatan dia. Liberalisasi yang lebih menyeluruh. Kemudian, kita ada macam *safety nets* lah dengan izin. Ini soal pokok, soal besar sama ada kita hendak liberalisasi secara menyeluruh ataupun secara berperingkat-peringkat.

Apa yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah *deregulation* atau liberalisasi secara berperingkat-peringkat. Kita tengok ini okey, kita buat lagi, buka lagi. Akan tetapi, kalau orang tengok, ini tidak bagus macam tidak komprehensif lah. Soal pokok ini, kalau kita lihat pengalaman di dunia Yang Berhormat, pengalaman China dan Rusia. Kalau kita ingat bagaimana mereka membuka negara mereka.

Di Rusia, dia buka negaranya oleh kerana mungkin tuntutan rakyat pada masa itu secara menyeluruh. *Perestroikanya*, *glasnost* nya sehingga dia tidak mampu lagi mengawal sistem politiknya. Yang Berhormat Kepong asyik angguk. Ini saya tidak cuit, tidak buat apa-apa pun asyik angguk. Dia tidak mampu lagi dah mengawal kerana terlalu terbuka. Kebebasan yang diberikan dalam bidang ekonomi tidak dapat disekat dengan sekatan-sekatan dalam bidang politik.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Bangun]

Tuan Charles Santiago [Klang]: [Bangun]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta penjelasan. Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tunggu sekejap, tidak habis lagi. Tunggu-tunggu Yang Berhormat Klang. Tidak habis, tengah sedap hujah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Belakang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak di belakang.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Oh, Yang Berhormat Pasir Salak. Tunggu, Yang Berhormat Pasir Salak lama diam, selepas ini saya bagi Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Yang Berhormat Klang juga.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Ya, selepas ini. Jadi, China pula pengalamannya lain. China dia buka sedikit, sedikit. Dia buka pelaburan sampai kita orang Malaysia pergi melabur pun, "Apalah China ini, susah sangat, hendak dapat tanah pun susah". Kemudian, JV dengan dia, untung pun tidak dapat masa itu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Apa ini? Tadi dia hendak yang wanita punya hak, kita hormat. Dia kena hormat lah hak kita punya hak juga.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat, yang saya katakan...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, Yang Berhormat Pasir Salak lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Bukit Mertajam duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Rusia *and* China *is not a good example* kerana mereka komunis *and social country*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, dia tidak bagi jalan lagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Nanti lah, bagi saya berhujah. Tidak payahlah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kita memang politik *country*, tetapi tidak berapa sesuai.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Bukti Mertajam duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Mertajam...*[Dewan riuh]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Bagilah saya berhujah. Kalau macam ini, tidak elok Yang Berhormat. Ganggu-ganggu, tidak elok. Jadi, China pengalaman dia lain. Pengalaman

dia lain, dia *gradual* sebab itu sistem politiknya suka atau kita tidak suka masih *intact* . Jadi, kita juga di sini mengambil pendekatan yang *gradual* atau liberalisasi.

Ini digariskan dalam *financial master plan*. Liberalisasi yang kita buka, perbankan ini. Liberalisasi ini Yang Berhormat hanya mengundang pemain-pemain dari luar untuk berada di Malaysia. Bukan semestinya kita mahu membuka eksport lagi. Ia tidak ada kena mengena sangat. Pemain-pemain dari luar, dia kata kalau Malaysia hendak pergi ke negara-negara luar melabur mereka juga berhak untuk datang.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Mereka buat tuntutan yang aman ...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta penjelasan tentang liberalisasi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, hendak beri bagi jalan Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit sahaja.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Siapa? Yang Berhormat Selangor sudah banyak. Bagi Yang Berhormat Pasir Salak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Pasir Salak.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit sahaja. Yang Berhormat Timbalan Menteri kena masuk juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Perkara *competition policies* yang telah disebutkan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor, duduklah Yang Berhormat.

■ 1250

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Kuala Selangor ini ingat dia ni bersyarah dengan pelajar universiti ke? Dia ingat dia pensyarah ekonomi universiti, dia buat perangai itu juga dalam Parlimen. Tolonglah, ini Timbalan Menteri, dia lagi pakar daripada Yang Berhormat Kuala Selangor. Selalu merendah-rendahkan orang. Bagi teori itu, teori ini, teori dia, semua teori memeningkan kepala saja.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Apa soalan Yang Berhormat Pasir Salak? Tanya dulu Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Tak payah, tak payah macam tu yang Berhormat, yang itu kerja Speaker Yang Berhormat, ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh, mendapatkan penjelasan berhubung liberalisasi yang disebutkan oleh Timbalan Menteri. Saya faham liberalisasi ini bertujuan untuk membuka ekonomi kita kepada dunia luar, supaya negara kita boleh membangun ekonominya, dengan lebih dinamik lagi, lebih cergas lagi. Ya. Supaya FDI datang sini banyak-banyak, peniaga-peniaga luar negeri datang sini. Tidak ada sekatan dan sebagainya.

Akan tetapi sebagaimana yang kita tahu, kedudukan pemain-pemain atau peniaga-peniaga di dalam negeri kita ini, sudah kah bersedia? Untuk menghadapi persaingan liberalisasi ini. Saya diberikan, mendapat apa nama tu maklum daripada kepimpinan kerajaan. Bahawa tindakan tetap akan dibuat untuk menjaga kepentingan peniaga-peniaga tempatan. Termasuklah peniaga-peniaga bumiputera yang masih lagi merangkak-rangkak dalam dunia perniagaan. Bolehkan Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi gambaran, apakah langkah-langkah yang konkrit, yang tegas, yang boleh menjamin peniaga-peniaga tempatan ini tidak menjadi mangsa kepada liberalisasi yang dimaksudkan itu. Terima kasih.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Soalan sama Menteri.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Sama sikit saja.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Sikit saja.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudahlah.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Saya tak sempat jawab.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Lepas makan tengah hari.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya setuju Yang Berhormat Pasir Salak. Saya minta Timbalan Menteri, tolong komen dengan..

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Menteri tak bagi jalan, tak payah paksalah Yang Berhormat.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Memang betul Timbalan Menteri, saya ada.. profil

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Saya akan bagi Yang Berhormat Klang. Saya ada jawapan untuk Yang Berhormat Klang kemudian. Nanti saya bagi Yang Berhormat Klang mencelah ya. Terima kasih. Ya, ini soal pokok, sejauh manakah kita harus membuka negara kita kepada perdagangan antarabangsa.

Pada masa-masa biasanya kita berbangga dengan prestasi kita. Oleh sebab pergantungan kita kepada eksport begitu besar, *trade* 200% lebih ya. Kita negara pedagang antarabangsa yang ke 17, 18 terbesar, dan banyak hasilnya kita dapat. *International reserve* kita tinggi, kerana *trade balance*.

Pada masa yang sama, bila berlaku masalah ekonomi global ini, maka kita akan terima tempias. Kita tidak boleh *have the kick cake and eat it* dengan izin. Masa... [Ketawa] Yang Berhormat Ipoh Barat buat gigi macam tu kat saya. Ini apa macam ni?... [Ketawa]. Bila saya kata, *have the kick cake and eat it*, Yang Berhormat Ipoh Barat... [Yang Berhormat Ipoh Barat menunjukkan gigi] Nampak gigilah, gigi dia nampak. Okey yang kita kena tahu, saya nak nampak kalau kita *follow argument* Yang Berhormat tu, apakah elok kalau kita jadi macam Myanmar? Kita tutup negara kita...

Tuan Charles Santiago [Klang]: Yang Berhormat nanti dulu.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Dan Myanmar tidak ada kesan dari segi... [Ketawa] kegawatan ekonomi global. Tidak ada kesan, macam itu ya.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Yang Berhormat penjelasan.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tunggulah, nak habis dah. Tunggu. Ada empat minit lagi. Yang Berhormat tanya pun saya tak boleh jawab, tak sempat. Jadi saya jawab yang ni dulu. Itu bererti untuk mengambil kira peniaga-peniaga kecil, peniaga-peniaga tempatan. Kita jangan membuka secara menyeluruh. Kita kena berhati-hati. Kita kena *test the waters first* dengan izin. Kalau nampak okey, kita buka lagi. Dan yang ini, untuk menggalakkan kemasukan bank-bank dunia, bank-bank peringkat dunia.

Bukannya kita nak..., kalau kita dari segi kewangan, kalau dari segi perkhidmatan, perkhidmatan ini pun kita sudah kaji. Kaji sektor perkhidmatan dan kita buka supaya mereka datang. Sektor perkilangan, semua ini di buat secara berhati-hati, secara berhemah. Saya nak kata, kalau liberalisasi 100% pun tak betul, kalau kita tutup macam Myanmar pun tak betul. Kebijaksanaan kita adalah mengurus supaya negara kita adalah terbuka dan menjaga kepentingan syarikat-syarikat tempatan kita. Ini satu kebijaksanaan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sikit saja, Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Satu pengurusan yang perlu kita buat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sikit Timbalan Menteri. Perlu ada di sana apa yang dikatakan sebagai '*ambi competition*' policies yang perlu dibentangkan di sini, bukan informatif. Saya tidak, kurang bersetuju kalau informatif dilihat dari segi etnik saja. Itu bukan maksud saya. Bukan informatif dari sudut etnik tetapi *capitation competition policies* untuk mewujudkan keadilan, supaya *big boys* masuk, jangan sampai mengorbankan *players*, *SME skeeters*, SME kita dan juga jaguh-jaguh kampung kita di sini.

The national champions kita, dalam apa pun industri tetapi kita tidak ada sehingga hari ini satu *competition policy*, yang ini cukup membahayakan kepada negara ini. Saya tidak bermaksud saya *against the regularization*, Timbalan Menteri cukup faham perkara tersebut. Akan tetapi mesti dilakukan secara *prudent*, secara bijak dan secara lebih terancang supaya kita tidak mendedahkan seperti mana berlaku di Iceland dan tak perlulah saya hujahkan lagi.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okey, itu saya setuju. Itu saya setuju. Soal kita mesti ada *competition policy*, saya tahu ada. Cumanya mungkin tidak ada dibentangkan secara menyeluruh, tidak dibuka untuk syarikat, apa ni kementerian-kementerian ada. Sebab itulah bila dia nak buat liberalisasi, *deregulation*, dia pilih yang mana, itu ada.

Akan tetapi kalau Yang Berhormat mencadangkan mungkin satu *competition policy* yang lebih jelas, yang dapat diteliti umum, maka ini satu kebaikan. Saya akui saya tidak ada masalah. Saya nak bagi peluang Yang Berhormat Klang tetapi sikit sangat masa. Saya nak sebut ini Yang Berhormat Klang, lepas tu Yang Berhormat Klang boleh jawablah, Sementara itu.

Yang Berhormat Klang saya tengok berhujah, dia menyangkal, menyangkal pelaksanaan Pakej Rangsangan ini, Yang Berhormat Klang dia pandai lah, saya memang akui Yang Berhormat Klang memang pandai. Dia sebut projek-projek yang siap. Dia sebut projek-projek yang siap. Jadi yang siapnya tak banyak lah.

Yang Berhormat Klang ada sebut beberapa peratus, tiga peratuslah, jadi seolah-olah apa ni. Pakej rangsangan berbilion-bilion, yang siapnya sikit. Akan tetapi Yang Berhormat Klang, saya nak sebut satu saja Yang Berhormat Klang. Bila kita menyatakan mengenai pakej rangsangan, tujuannya ialah menjana kegiatan ekonomi, dia bukan pakej, bukan projek yang siap yang menjana kegiatan ekonomi, tidak. Kalau jalan dah siap, dia tidak menjana banyak lagi dah.

Dia projek dalam pelaksanaan tu dia menjana kegiatan ekonomi. 10 % pun dia ada, pekerja nya ramai mana, banyak mana bahan-bahan dia guna, banyak mana makanan di restoran, pekerja-pekerja. Jadi saya minta maaf Yang Berhormat Klang, kita tidak boleh menilai dari segi keberkesanan untuk pakej rangsangan untuk bagi tujuan menjana kegiatan ekonomi berdasarkan kepada projek yang sedia siap.

Yang Berhormat Shah Alam gelak. Projek dalam pelaksanaan itu penting dan kalau dalam projek pelaksanaan itu banyak. 45 pakej satu, 45,1982 projek dalam pelaksanaan, yang siapnya betullah 13 ribu. Pakej rangsangan kedua, pelaksanaan dalam pelaksanaan, kerja-kerja yang telah dilancarkan, 9,867 projek.

Tuan Yang di-Pertua: Tak payahlah Yang Berhormat, dah tak ada masa Yang Berhormat.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okey, jadi, lepas ini Yang Berhormat, saya satu *point* lagilah ya. Yang ini tentang defisit ini, tentang defisit Yang Berhormat Permatang Pauh sebut. Dia ada dua lagi.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyetujui mesti diberi peluang untuk..

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Lepas ni, *last* saya bagi sebabnya masa tak ada. Saya nak tutuplah ni, lepas *lunch* Yang Berhormat Klang, defisit ni Yang Berhormat Permatang Pauh

kata defisit ini besar, berpanjangan., pada masa yang sama, Yang Berhormat mempersoalkan tentang pakej rangsangan yang tidak cukup besar, *fiscal spending* hanyalah RM15 bilion, itu pun RM10 bilion tahun ini, RM5 bilion tahun depan. Tidak konsisten, memang sebab itulah, sebab defisit inilah yang perlu diuruskan dengan penuh kebijaksanaan. Maka kita tak boleh nak *simply*, buat belanja-belanja, akhirnya defisit yang berlarutan ini, akan menjadi bahaya kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua: Sambung petang Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

2.33 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menyambung jawapan.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Dr. Awang Adek Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya meminta laluan untuk jawab isu tadi.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Saya hendak bagi sudah ini, hendak bagi.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Okey, okey.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Saya sudah menjelaskan banyak yang disoal oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Sekarang, saya mahu pergi mengikut giliran kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sebelum saya menjawab tentang isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur. Jadi, saya minta tadi, saya sudah sentuh jawapan kepada Yang Berhormat Klang. Boleh ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pada ucapan saya semalam, saya mengatakan bahawa hanya 3.9% daripada RM6.7 bilion, pakej rangsangan ekonomi yang dibelanjakan untuk memulihkan ekonomi negara kita. Pakej pertama, hanya 20% yang dibelanjakan dan pakej kedua hanya 2%.

Hal ini pandangan saya..., saya mengatakan bahawa ia tidak memuaskan. Sebab ia dikatakan tidak memuaskan adalah kerana *stimulus package* atau pakej rangsangan *is time sensitive and time bound*, bukan selama-lamanya. Saya dapati bahawa pakej pertama hanya 20% yang telah dibelanjakan. Ada perbezaan di antara projek yang ditawarkan dan projek yang disiapkan. Yang penting untuk memulihkan ekonomi bukan yang ditawarkan, tetapi yang telah disiapkan.

Kita nampak Australia, dalam satu *example* saya bagi semalam, mereka belanja USD10 *million* dalam tiga minggu, supaya dapat memberi satu suntikan sebanyak 1.2% untuk ekonomi mereka. Dalam tiga minggu mereka belanja tetapi untuk Malaysia, pakej pertama kita telah diluluskan pada 8 November 2008, tetapi wang itu datang ke pihak kementerian dalam minggu ketiga Januari 2009. So kita telah hilang tiga bulan.

Apabila kita baca bahawa hanya 20% telah dibelanjakan, sebagaimana yang diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga merangkap Menteri Kewangan. Hati rasa sakit sebab ramai orang mengalami masalah. Akan tetapi, saya nampak bahawa kerajaan masih tidak dapat menguruskan isu pakej rangsangan dengan cepat dan juga impaknya tidak begitu kita nampak. So saya fikir, *this is issue that has to be resolved*. Seterusnya Yang Berhormat Menteri, isu liberalisasi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah itu Yang Berhormat. Dalam penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: [*Bangun*]

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Tuan Yang Berhormat.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Ada kena-mengena dengan rangsangan kah?

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat... Memang apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi sebenarnya, saya ingat saya sudah jelaskan dalam jawapan saya. Iaitu kita harus membezakan di antara projek yang sedang dilaksanakan dengan projek yang sudah siap. Yang Berhormat sebut 3%, itu yang sudah siap.

Saya jelaskan mengapa dalam konteks merangsang kegiatan ekonomi negara, bukan projek yang sudah siap, tetapi projek yang dalam pelaksanaan. Ini kerana, projek-projek inilah yang mengguna pakai tenaga, yang menggunakan tenaga kerja, yang mengguna pakai bahan-bahan yang dibeli daripada pembekal dan yang mengalirkan aliran tunai dalam ekonomi.

Jadi, kalau kita hendak tengok yang sudah siap, sudah siap, sudah habislah. Kalau jalan raya sudah siap, orang lalu atas jalan raya sahaja. Jadi, rangsangan ataupun kegiatan ekonomi itu sudah habis. Cuma mungkin dia ada *multiplier effect*, dengan izin, barangkali *round* kedua atau *round* ketiga. Jadi, saya sudah jawab. Apabila Yang Berhormat tanya soalan yang sama, saya seolah-olah tidak faham sama ada Yang Berhormat faham atau tidak dengan jawapan saya tadi. Saya ingin...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat Jasin?

Tuan Charles Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat?

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Saya ingin menyentuh...

Tuan Charles Santiago [Klang]: Minta penjelasan.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat?

Tuan Charles Santiago [Klang]: Minta penjelasan.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Saya tidak hendak berhujah satu demi satu kerana kalau tidak kerja saya tidak siap, hendak menggulung yang lain-lain lagi Yang Berhormat. Saya ingin...

Tuan Charles Santiago [Klang]: Jawapan itu keliru sedikit.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Ha, lepas ini lah, kita boleh jelaskan di luar. Kalau hendak secara bertulis pun saya akan tulis dan lukislah macam mana yang dimaksudkan dengan projek rangsangan ini. Yang siap itu lain, yang sedang dilaksanakan banyak ribu ini saya sudah tulis.

Yang Berhormat Pasir Mas membangkitkan beberapa isu yang cukup penting Yang Berhormat. Satu, tentang mengapa MECD ini dibubarkan. Sebenarnya, saya ingin menyatakan di sini bahawa MECD dibubarkan bukan kerana ianya tidak berkesan. Kementerian ini sejak beroperasi, berhadapan dengan dua masalah atau pertimbangan. Satu, ialah tentang apa yang dipanggil *duplication* dengan izin, umpamanya SME, pembangunan SME. Kita ada SME di SMIDEC dan di MITI.

Ada juga Yang Berhormat Rembau sebut mengapa dibawa kepada MITI? Itu pun saya akan jawab. Begitu juga dengan Yang Berhormat Jasin ada menyebut tentang membangunkan usahawan-usahawan di luar bandar. Satu desa, dulu "*Satu Kampung, Satu Produk*". Sekarang "*Satu DUN, Satu Industri*". Bolehlah tetapi, ini bukan sahaja dilakukan di MECD, tetapi juga di Kementerian Luar Bandar. Melalui pembangunan usahawan-usahawan desa atau usahawan di luar bandar.

Jadi, sekarang MARA, apabila dibawa ke Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, ia ada keserasiannya. Bukannya tidak nampak macam yang lain. SME pula sudah dibawa kepada MITI. Keduanya, kalau kita persoalkan tentang agenda Bumiputera, MECD ini dilihat sebagai sebuah kementerian yang membantu orang-orang Bumiputera, kumpulan Bumiputera. Saya rasa ini seakan-akan menyatakan dengan secara tidak langsung bahawa kementerian-kementerian lain tidak membantu Bumiputera.

Kementerian Kewangan tidak, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tidak, seolah-olahnyalah. Kalau dikatakan inilah satu-satunya kementerian Bumiputera, golongan Melayu. Jadi, saya rasa apabila di pecah-pecahkan ini, maka timbullah bahawa semua kementerian ini memainkan peranan yang sama. Menepati dasar kerajaan di mana sesuai untuk membantu bumiputera dan orang-orang Melayu dalam konteks mencapai keseimbangan dalam ekonomi negara.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: [*Bangun*]

■1440

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat Rembau? Sila Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan saya ringkas sahaja. Tadi Timbalan Menteri telah memberi penjelasan tentang keserasian beberapa agensi yang telah diletakkan di bawah kementerian-kementerian yang sedia ada. Contohnya Timbalan Menteri telah bangkitkan isu MARA. Di mana MARA pada hari diletakkan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Akan tetapi bukan semua fungsi MARA itu serasi diletak di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Contohnya, ada fungsi MARA yang ditugaskan untuk meningkatkan lagi usahawan-usahawan bumiputera di kawasan-kawasan bandar dengan bantuan premis perniagaan dan sebagainya. Apakah keserasian tugas tersebut diletakkan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. TEKUN diletakkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tetapi kita semua tahu bahawa sebahagian besar daripada pinjaman TEKUN bukanlah untuk kegiatan industri asas tani ataupun pertanian.

Akan tetapi untuk kegiatan runcit dan juga aktiviti-aktiviti yang lain yang tidak berhubung kait dengan pertanian. Jadi saya hendak penjelasan dari segi rasional itu sebab saya tidak berapa setuju tentang keserasian agensi-agensi ini diletakkan di bawah kementerian sedia ada. Terima kasih.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya sambung sikit Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Okey, Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita sekarang sedang berbincang satu usul yang dibangkitkan oleh Kementerian Kewangan dengan satu tujuan bahawa pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyusun semula beberapa kementerian. Kementerian yang terlibat ini di antaranya MECD dan juga di antara Kementerian Air dan Kementerian Penerangan. Jadi kita banyak menghabiskan masa berbincang dengan perkara-perkara yang tidak ada hubung kait.

Akan tetapi seharusnya, bagi saya ringkaskan tadi saya sudah bercakap bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan ini dibubarkan. Kita sebenarnya menyokong usaha kerajaan, kerana kita yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mesti mempunyai sebab-sebab tertentu. Akan tetapi kalau penerangan ini dapat diberikan sejelas-jelasnya sampai ke bawah, sampai ke kampung-kampung kepada usahawan-usahawan kampung. Kalau tidak Yang Berhormat, saya ini jadi wakil rakyat, saya jadi sasaran.

Dulu dia datang kepada kita arahkan jabatan ini, kementerian ini, kementerian itu. Sekarang dia tidak tahu mana walaupun saya tahu MARA sebagai salah satu agensi yang cukup membantu usahawan bumiputera. Akan tetapi sekarang seperti yang kita maklum, MARA menghadapi masalah kekurangan wang. Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua di bawah sana, kontraktor-kontraktor Kelas F apabila mereka mendapat inden kerja, serta merta MARA akan bagi 70%. Sekarang MARA tidak ada duit.

Dia ambil sahaja inden kita, terpaksa kontraktor-kontraktor kita berjaja ke sana ke mari hendak cari duit. Ini masalah yang kita hadapi. Saya yakin menteri yang ditumpangkan kepada KKLW adalah satu Menteri yang baik. Akan tetapi perkataan 'ditumpangkan'. Tuan-tuan kalau kita ada anak, ada ayah, ada ibu sekarang kita 'tumpangkan' anak kita kepada orang lain. Makna 'tumpang' itu tidak bagus. Saya hendak cadang kalau boleh MARA ini sebagai satu daripada agensi yang cukup sinonim dengan perjuangan Melayu.

Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu berjaya sekali, *transform* FELDA sebagai satu entiti yang cukup membanggakan pada ketika ini. Saya hendak cadang kalau boleh, MARA ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jadikan anak angkat supaya kita dapat mengembalikan semula maruah MARA sebagai penjana pembangunan Melayu dan bukan sahaja dalam bidang keusahawanan dan juga dalam bidang pendidikan. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih. Saya kena jawab.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bolehkah, saya mahu perkara ini sebenar belum PKFZ. Saya masih tunggu PKFZ.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mengenai MARA.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Satu sahaja?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Satu sahaja. Sungguhpun saya masih tunggu PKFZ lah. Oleh kerana *complain* yang begitu banyak yang ada ini, kita pun terima mengenai sekolah-sekolah bumiputera yang tidak boleh dapat wang untuk pinjaman-pinjaman di kolej-kolej swasta.

Adakah masalah ini timbul oleh kerana pertukaran kementerian ini dan mengakibatkan ketidakcekapan? Kenapa sebenarnya ini berlaku dan tidakkah kerajaan tahu kenapa perkara ini dibenarkan berlanjutan begitu lama sehingga sekarang belum boleh diselesaikan.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat itu pun...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Dato', *sorry*. Pasal berkaitan dengan ini sikit sahaja. Saya hendak minta penjelasan Dato', adakah apa yang diumumkan oleh Perdana Menteri penghapusan Kementerian Pembangunan Usahawan ini dalam tujuan matlamat untuk memperkecilkan Kabinet.

Saya katakan begini kalau untuk memperkecilkan Kabinet, saya boleh bersetuju tetapi bukan menghapuskan Kementerian Pembangunan Usahawan. Memperkecilkan Kabinet umpamanya boleh disatukan kembali Kementerian Pengajian Tinggi dengan Kementerian Pelajaran umpamanya. Masih banyak kementerian-kementerian lain yang boleh disatukan tetapi bukannya dengan penghapusan Kementerian Pembangunan Usahawan.

Jadi saya lihat bahawa macam ada sesuatu yang tidak betul dari sudut strateginya sehingga kita mengorbankan kepada kepentingan-kepentingan masyarakat yang perlu kepada fokus yang tepat untuk melihat lebih jauh ke hadapan ini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Perkara yang sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri. Saya sebenarnya semalam ada membangkitkan perkara yang hampir samalah maksudnya. Apabila dua kementerian ini dibubarkan dan diserap peranan ini kepada kementerian-kementerian lain.

Sekarang kita hendak minta persetujuan untuk mengalihkan belanjawan yang lama di buat *reallocation*. Saya pernah tanya semalam pandangan Yang Berhormat Rembau kalau tidak silap saya semalam dan Yang Berhormat Jasin juga bercerita benda yang sama. Cuma saya hendak tambah sedikit sahaja. Selalunya apabila kita bubar satu-satu kementerian sudah tentu *public* ataupun orang ramai hendak tahu setakat pembubaran itu apakah yang telah diguna atau di buat atau *allocation* yang telah kita luluskan dalam bajet yang terdahulu.

Selepas pada ini tidak ada lagi peluang ataupun ruang untuk kita *clarify* perkara ini. Sebagai contoh semalam kata daripada 1 Januari 2009, dua-dua kementerian yang dibubarkan ini sehingga ditahan, disekat perbelanjaannya 10 April yang lalu. Berapakah *allocation* dalam bajet dulu telah pun dibelanjakan? Sedangkan dalam praktis yang biasa sesuatu organisasi yang hendak dibubarkan kita pun juga kena *clarify*, orang kata *realization of account* dengan izin.

Sekurang-kurangnya kita dapat ukur keberkesanan selama empat bulan perjalanan menyalurkan belanjawan yang telah kita putuskan itu dan barulah jumlah yang disekat baki itu kita boleh agihkan atau *reallocate* kepada kementerian-kementerian yang lain. Sekurang-kurangnya kita tengok keberkesanan yang dulu berbanding dengan baki *allocation* yang hendak dibuat semula itu keberkesanan peringkat kedua selepas diserapkan untuk kementerian lain. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat, banyak soalan-soalan yang saya kena jawab. Kalau tidak saya akan lupa, banyak sangat ini. Supaya, *to do justice* lah dengan izin kepada penanya-penanya. Yang Berhormat Indera Mahkota ada bertanya soalan yang merupakan soalan yang ditujukan kepada Yang Berhormat Rembau semalam dan Yang Berhormat Rembau telah menjawab.

Yang Berhormat Indera Mahkota meminta perbelanjaan MECD umpamanya sebelum ini, sebelum dibubarkan dan yang kita agih-agihkan ini adalah perbelanjaan yang tidak dibelanjakan

lagi. Ini satu jumlah yang mudahlah. Saya pun ada dalam fail ini tapi banyak sangat *paper* ini. Kalau hendak saya akan bagi tapi saya kena *check*. Memang ada, itu tidak ada masalah.

Cuma Yang Berhormat Rembau ada menyatakan tidak timbul soal prasangkalah sama ada yang dibelanjakan itu betul atau tidak. Akan tetapi dari segi audit, dari segi mahu tahu keberkesanan saya kira dari segi minat untuk membuat kajian memang itu boleh. Itu tidak ada masalahnya. Tentang MECD, Yang Berhormat Rembau mempersoalkan keserasian.

Saya memang mengakui saya tidak hendak mempertahankan di sini bahawa setelah diubah suai kementerian-kementerian ini maka kita sudah ada dengan izin *perfect fit*, makna keserasiannya 100%, tidak. Sebelum ini pun sudah ada *duplication* dengan izin. Kalau kita bercakap pasal SME, usahawan kecil macam-macam kementerian. MITI ada, Kementerian Pembangunan Usahawan ada, Kementerian Luar Bandar ada dan kewangan pun ada. Kadang kala dengan insentif-insentif yang kita beri. Jadi memang itu tidak dapat saya nafikan.

■ 1450

Saya tidak hendak mempertahankan di sini bahawa setelah diubahsuai kementerian-kementerian ini, maka kita sudah ada dengan izin *perfect fit*. Maknanya keserasian 100% tidak. Sebelum ini pun sudah ada *duplication* dengan izin. *Duplication*, kalau kita bercakap tentang SME, usahawan kecil, macam-macam Kementerian; MITI ada, Pembangunan Keusahawanan ada, Kementerian Luar Bandar ada, dan Kewangan pun ada. Kadangkala dengan insentif-insentif yang kita beri. Jadi, itu memang saya tidak dapat menafikan. Dan saya tidak hendak mempertahankan yang MARA ini memang paling baik di Kementerian Luar Bandar kerana ini adalah sesuatu yang telah difikir masak oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Perdana Menteri sebagai kepala kerajaan kita ini sebagai berhak untuk memikirkan apakah yang paling sesuai. Jadi, saya tidak hendak cakap. Cuma bagi saya tidak lah timbul masalah sangat tentang hendak mengurangkan kementerian pun ada itu juga. Ada juga unsur-unsurnya. Jadi kadangkala dikatakan terlalu banyak kementerian di mana kita boleh cantumkan bersama, maka ini adalah lebih baik.

Tentang MARA pun Yang Berhormat Ipoh Timur pun ada sebut, menyatakan memang ada sedikit masalah dari segi kewangan yang dihadapi oleh MARA baru-baru ini. Masalah tidak cukup wang lah. Maka kerajaan melalui Kementerian Kewangan telah pun meluluskan RM550 juta untuk MARA untuk menampung keperluan-keperluan yang mungkin tidak cukup sepenuhnya. Akan tetapi, RM550 juta yang diambil daripada peruntukkan sedia ada Yang Berhormat. Jangan kata ini bekalan tambahan kah? Mengapa tidak di bawa ke Dewan yang mulia ini? Saya tanya juga itu Yang Berhormat. Saya kata ini dari mana duit ini? Saya sudah tahu kalau Yang Berhormat Tasik Gelugor kalau tidak buat secara okey dia akan tanya.

Memang ini adalah lebihan yang mana tidak dibelanjakan untuk tujuan-tujuan lain, maka diagihkan. Begitu juga yang disuarakan oleh Yang Berhormat Rembau, iaitu TEKUN, yang juga kehabisan wang. Ini kita tahu lah dan saya sukacita menyatakan di sini bahawa kerajaan telah

bersetuju untuk menambahkan RM100 juta untuk TEKUN dalam masa yang terdekat ini. Ini untuk mengatasi masalah, Yang Berhormat Rembau ada menyebut lebih daripada RM100 juta yang diperlukan, tetapi kita buat lah dulu ya. RM100 juta sekurang-kurangnya dengan peruntukkan baru ini dengan kutipan bulanan yang ada itu, maka sedikit sebanyak dapat mengatasi masalah tersebut. Jadi...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan sedikit? Ini kenapa kita seolah-olah kerajaan tidak ada duit kah ini? Cakap sana sini cukup duit. Akan tetapi hendak minta untuk masalah rakyat tiada? MARA tidak ada duit, TEKUN tidak ada duit. Apa sebetulnya yang berlaku?

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Duit ini Yang Berhormat Kinabatangan, sebanyak mana ada pun tidak cukup. Sebanyak ada pun tidak cukup. Jadi, hendak kata kita tidak ada duit pun tidak betul lah. Kita ada duit. Kita tidak lagi *default* dengan izin atas mana-mana pembayaran. Jadi peruntukkan yang diminta kita nilai dan macam MARA, ada keperluan-keperluannya kita buat penambahan. TEKUN, juga seperti dan ini kebanyakannya dikehendaki Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat banyak menyatakan yang TEKUN ini perlu ditambah. Maka, kerajaan yang peka terhadap kehendak-kehendak Ahli-ahli Yang Berhormat ataupun cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat maka kita buat lah. Jadi, hendak kata kerajaan tidak ada duit, tidak betul lah. Akan tetapi kita juga harus tahu bahawa, dalam suasana ekonomi hari ini, di mana kita membelanjakan wang yang besar untuk menjana pertumbuhan ekonomi, pada masa yang sama kutipan hasil agak terjejas dengan prestasi ekonomi yang kita tahu menjadi semakin lembap oleh sebab kegawatan ekonomi dunia. Maka, kita tidak ada terlalu banyak *margin* dengan izin untuk kita berbelanja.

Bermaknanya kita tidak boleh hendak lulus itu, lulus ini. Kita kena teliti supaya kelulusan ini adalah yang bertanggungjawab dan yang *prudent* yang sepatutnya dijalankan oleh kerajaan kita. Saya ingin terus Yang Berhormat kepada beberapa isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuaran dan Yang Berhormat Putatan. Ini isu-isu yang banyak bersangkutan dengan negeri Sabah, memang.

Akan tetapi saya pun ada menyatakan bahawa peruntukan-peruntukan yang diberikan memang kita banyak juga tumpu kepada soal negeri yang besar, tidak semestinya penduduk yang ramai. Negeri yang besar, pendalaman yang banyak. Ini kerana kos pelaksanaan projek di kawasan-kawasan tersebut pun tinggi kerana hendak bawa bahan-bahan masuk. Jadi *net-impact* ke atas projek tersebut mungkin menjadi kecil sedikit. Ini diambil berat oleh kerajaan dan Yang Berhormat Tuaran ada menyebut mengenai *power supply*. Saya ada sedikit maklumat yang mana *power supply* di Sabah ini memanglah saya bersetuju dengan Yang Berhormat. *Power supply* ini tidak memuaskan Yang Berhormat. Di Sabah saya pun dulu pernah menjadi Pengerusi TNB dan mengetahui masalah yang berlaku di Sabah. Satunya kerana loji-loji jana kuasa yang

kecil-kecil di Sabah ini terlalu lama umurnya melebihi 20 tahun. Jadi kadang-kadang perjalanan yang tidak begitu efisien.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Akan tetapi dalam jangka masa yang tidak berapa lama lagi ada satu jana kuasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rompin bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Sedikit sahaja hendak bertanya.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Oh dia TNB *Chairman*. Saya lupa hendak sebut sebab itu Yang Berhormat Rompin bangkit.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Yang belah sini dengki itu kenapa? Saya hendak bertanya juga. Tidak kan yang belah sini hendak bertanya sahaja yang belah sana bertanya. Tidak kan baru menang Naib Presiden bertanya. Itu dulu-dulu menang katanya undi pun mungkin ala-ala Iran *[Ketawa]*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Di *U.S?*

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Berapa lama Yang Berhormat Rompin baru hendak buat hospital. Tidak ada hospital berapa lama sudah. Apa lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Ini kan cara demokrasi ala parti PAS. Hendak tahu tulen ke '*endogen*' tidak tahu ini. Saya rasa mula-mula ini tidak tahu. Mungkin siang '*endogen*' malam tulen. *[Dewan riuh]* yang kamu tidak usah campur. Yang Berhormat Baling okey. Kamu bukan PAS jangan campur. Saya hendak tanya Yang Berhormat *[Ketawa]* ini yang parti..kamu parti apa Yang Berhormat Klang ini?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Duduk diam lah. Saya hendak tanya masalah rakyat Sabah. Ini PAS bukan ada kerusi Sabah, jangan kacau lah. Saya tahu Yang Berhormat berpengalaman tentang masalah bekalan elektrik ini di Sabah. Kita dengar ada pembinaan hidro di Sarawak. Mungkin tidak belum diputuskan lagi atau tidak. Sama ada masih hendak dibekalkan tenaga hidro di Sarawak itu untuk Semenanjung.

Peringkat awal Yang Berhormat sendiri telah menyatakan bahawa sebagai bekas Pengerusi TNB ada juga cadangan peringkat awal. Bekalan hidro di Sarawak itu sebahagian boleh di salurkan ke Sabah. Ini kosnya lebih murah kalau dibandingkan dengan hendak disalurkan ke Semenanjung. Adakah kerajaan antara boleh memikirkan kalau keputusan belum dibuat. Saya difahamkan dahulu bekalan kabel hendak diberikan kepada *Sime Darby*. *Sime Darby* tidak berani sikit. Beri kepada TNB. Nampak belum diputuskan. Mungkin kalau belum

diputuskan di bawah pimpinan baru nanti, mengapa tidak dikaji kembali? Salurkan jana kuasa yang air hijau, bukan hijau ini. Ini hijau lain. Hijau air itu okey. Hijau malam tidak boleh percaya.

Adakah bekalan elektrik daripada Bakun ini mungkin boleh ditimbang untuk di salurkan ke Sabah? Kita amat prihatin kepada rakyat Sabah ini yang makin hari kita dengar amat berkurangan bekalan elektrik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sekali gus boleh? Mengenai Sabah *electricity*. Sekali gus. Nampaknya kita ada dua orang Pengerusi TNB. Satu tanya *what ask the other* dan apabila mereka menjadi Pengerusi TNB, mereka ada jamin bahawa ada bekalan.

Seorang Ahli: Yang ini kacau lah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bekalan-bekalan. Pergi *Washington* pun tidak boleh lah. Tidak dibenarkan. Tidak boleh lah dan apabila dua-dua menjadi Pengerusi TNB mereka ada jamin bahawa bekalan *electricity* di Sabah akan diselesaikan. Sungguhpun tidak ada *solution long term, short term* akan diadakan. Akan tetapi sekarang di Tawau, di KK, di Sandakan lebih teruk. Lebih teruk bukan? Setuju? [*Tepuk*] Sabah. Semua Sabah Ahli Parlimen kenapa? Kenapa tidak ada *short term* dan bukan kah ini menunjukkan kegagalan rancangan mengenai penyelesaian masalah bekalan elektrik di Sabah dan ini menunjuk bahawa tidak ada fokus dalam perkara ini. Yang Berhormat Rompin tanya soalan sebenarnya dia mahu apa, dia mahu ialah pergi *Washington, U.S Ambassador*, akan tetapi sampai sekarang ditolak oleh *White House*. Mana boleh pergi. [*Tepuk*]

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okey, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Menteri, kalau saya mahu tambah sedikit sebelum dia gulung.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Boleh Yang Berhormat Balik Pulau.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *White House* tolak. *Coffee house* terima. [*Ketawa*]

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tidak apa lah dia *coffee house* pun tidak apa lah. Boleh lah itu. Saya hendak tanya Menteri. Saya rasa benda ini penting. Yang Berhormat Menteri kalau boleh beri penjelasan kerana saya melihat Perlembagaan Malaysia ini di bawah fasal 108. Berkaitan *dengan izin national finance council*.

■1500

Apabila saya tengok fasal 108(1) ini ia mengatakan bahawa antara lain mesyuarat atau persidangan itu bukan sahaja dengan Perdana Menteri, dengan wakil-wakil daripada kerajaan negeri dan sebagainya terutama melibatkan kewangan negara, terutama daripada Kerajaan Pusat kepada negeri-negeri. Bagaimana banyak perkara apabila ditimbulkan tadi mereka tidak seimbangan seperti pembangunan di Sabah, masalah elektrik dan sebagainya. Kalau boleh dibuktikan, kita perlukan bukti. Adakah perkara ini semua dipersetujui dalam *National Finance Council*? Kalau saya ikut perlembagaan ini secara tertib ia memberi satu bebanan yang amat

ketat terhadap penggunaan segala wang, percukaian, geran kepada kerajaan negeri dan sebagainya. Jadi perkara itu saya rasa dalam membincangkan pembahagian dana di dalam negara ini di mana asas ini dipatuhi? Adakah dia dipatuhi – fasal 108 ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jawab sekali, boleh? Terima kasih. Tadi saya dengar Yang Berhormat Ipoh Timur, soalnya ada kepentingan politik. Yang saya tanya ini kepentingan penduduk Sabah sendiri, rakyat Malaysia di Sabah. Memang benar, saya sendiri pun hairan bila jangka masa rakyat Sabah boleh menikmati perkhidmatan api elektrik ini seperti rakyat Malaysia di Semenanjung. Di sini mati satu jam, satu kampung ribut. Kita di sana satu hari, empat lima jam mati tidak ribut pun, tetapi kita menuntut hak; hak rakyat Malaysia di Sabah. Bilakah agaknya Kerajaan Barisan Nasional hendak putuskan, hendak selesaikan masalah bekalan api elektrik? Kita mahu tahu. Kita mahu tahu bila? Air jangan cakap dulu, elektrik dulu. Saya mahu dengar. Kalau tidak ada juga rakyat tahulah berfikir macam mana.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tadi cakap Sabah maju!

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Bila Pakatan Rakyat menang, semua akan selesai.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Saya rasa cukuplah itu. Cukup. Banyak sangat. Saya tadi mulanya hendak memberi jawapan kepada soalan-soalan ini tiba-tiba apabila ada penjelasan tadi persoalan yang ditanyakan lebih laju daripada jawapan saya. Memang jawapan saya ada.

Pertamanya, Yang Berhormat Ipoh Timur, masalah elektrik ini perancangannya ia bukan boleh buat *immediate*. Ia hendak membentuk sesuatu loji jana kuasa ini memakan masa yang lama.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Takkan 100 tahun hendak tunggu ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Lebih *worst*. Lebih teruk.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Nanti, saya hendak cakap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan, lebih teruk. Yang Berhormat Speaker pun setuju lebih teruk.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Janganlah, Ipoh Timur. Kalau macam ini kita tidak akan sampai...

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Timur, saya sudah pun murah hati kasi biar untuk berbahas begitu, saya pula dikaitkan. [*Ketawa*] Saya kira sudah setuju pun. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Teruskan Timbalan Menteri, kalau Timbalan Menteri fikir tidak payah beri penjelasan jangan bagi laluan. Jawab sahaja semua yang telah dibangkitkan dalam perbahasan.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tuan Yang di-Pertua, memang saya sudah cakap awal-awal lagi bila saya jawab. Bekalan elektrik di Sabah tidak memuaskan. Bukan saya berdiri di sini kata, eh! Itu paling baik. Memang tidak memuaskan dan kita ada langkah-langkah untuk mengatasi. Langkah-langkah ini sebenarnya telah diambil lama semasa saya jadi Pengerusi,

semasa Yang Berhormat Rompin jadi Pengerusi. Ia mengambil masa. Jadi menjelang tahun 2010 ini, sudah tidak lama, *next year*, kita akan dapat 190 megawatt. Dua tahun kemudiannya kita akan dapat 400 megawatt lagi. Jadi, ini 590 megawatt.

Itu di Pantai Barat. Di Pantai Timur akan terdapat 300 megawatt. Apabila diambil kira semua ini, Sabah akan mempunyai lebihan atau *reserve margin* sebanyak 40%. Itu satu, dari segi kapasitinya. Kedua, dari segi pendawaiannya – *transmission*. *Transmission* ini memang *linenya* di Sabah pun sudah lama. Jadi, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM747 juta untuk memperbaiki *transmission line* ini. Jadi, saya jangka ada harapanlah Sabah akan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi, ini bermakna tahun 2011, semuanya okeylah ini?

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: 2012, insya-Allah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan kita umumkan kepada rakyat, rakyat tanya kita balik.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Ini daripada kementerian. Kementerian yang bagi kepada saya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti Sabah tidak sabar lagi.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Satu lagi tentang Bakun. Bakun memang kita ada kapasiti yang besar. Bakun ini dalam Sabah buat hari ini belum lagi dimasukkan dalam rangkaian *network* itu, tetapi kalau kita hantar ke Sabah pun dia masih belum menyelesaikan masalah Bakun, kerana Bakun ini besar. Jadi, buat masa ini membawa bekalan itu ke Semenanjung adalah juga satu pertimbangan yang tinggi – keutamaan yang tinggi.

Yang Berhormat Kubang Kerian...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sikit, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Cukuplah. Saya sudah bagi banyak tadi. Kuala Selangor sudah banyak tadi. Saya tidak hendak, banyak sangat dah.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Minta sikit sahaja. *Energy blueprint*.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tidak boleh.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *Energy blueprint*.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tidak boleh.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tenaga punya *blueprint*.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tidak boleh, Yang Berhormat. Yang Berhormat Kubang Kerian ini, sudah lama dia tunggu, dari tadi lagi.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *Energy blueprint*.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Saya tidak jawab soalan dia.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kita sudah tunggu lama ini. *Energy blueprint*, di mana.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Ala cukuplah! Yang Berhormat Kuala Selangor tadi berapa kali berdebat dengan *competition policynya*, dengan pakej rangsangannya, saya bagi ruang! Cukuplah itu, tidak payahlah cakap semua. Bagilah orang lain cakap pula.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Ya, tidak payah. Orang tahu semua. Yang Berhormat Kuala Selangor boleh berhujah ekonomi. Ini naib presiden ada, dia tahu. Tidak payahlah, tidak payah. Bagi orang lain pula.

Yang Berhormat Kubang Kerian mengenai minyak luar pesisir saya sudah jawab tadi. Yang Berhormat Kubang Kerian pun ada sebut tadi, Yang Berhormat Macang pun sudah sebut. Jadi, kita sudah jawab.

Yang Berhormat Kubang Kerian ada sebut tentang bumbung stadium runtuh. Maafah, saya tidak boleh berdiri di sini hendak mempertahankan bumbung yang runtuh. Kerajaan yang saya tahunya, kementerian telah memberi arahan supaya kajian dibuat dalam masa enam bulan dan sebulan mahu *preliminary report* mulai daripada 22 Jun kalau saya tidak silap. Enam bulan akan dapat apakah masalah, puncanya dan langkah-langkah yang perlu diambil.

Satu lagi Yang Berhormat Rembau, yang terakhir, kalau boleh saya sentuh tentang SME ini, sebab Yang Berhormat Rembau ada sebut SME mengapa pergi ke MITI. Yang Berhormat Rembau pun ada sebut Majlis SME dulunya Bank Negara. Sebenarnya Majlis SME ini sudah pun dipindahkan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan MITI iaitu di bawah SMIDEC. SMIDEC ini juga akan ditukar nama daripada nama SMIDEC yang ada sekarang dalam proses penukaran nama kepada SME Corporation. Jadi, SMIDEC akan menjadi satu agensi utama dalam pelaksanaan SME.

Dari segi perpaduan, Yang Berhormat Rembau agak curiga ataupun bimbang dengan peruntukan yang kecil, yang diberikan kepada perpaduan. Sebenarnya tidak tahulah, Yang Berhormat Rembau mungkin nampak peruntukan-peruntukan tertentu yang kecil, tetapi dalam pemindahan bekalan ini Jabatan Perpaduan akan mendapat kesemuanya sebanyak RM144,727,247. Jadi, kiranya banyaklah itu. Kalau ada program-program yang sesuai yang perlu ditambah saya rasa ini tidak menjadi masalah.

Akhirnya Yang Berhormat Ipoh Timur. Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya hendak sentuh tentang PKFZ ini, kerana ini menjadi satu tajuk Yang Berhormat Ipoh Timur cukup berminat. Minat atau tidak minat ini, saya dahulu di Dewan yang mulia ini memberi penjelasan yang panjang lebar kepada Yang Berhormat Ipoh Timur. Balik pun ditanya yang sama.

Seorang Ahli: Dia surat khabar lama.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Itu tidak tahulah. Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Ipoh Timur kepada Hansard yang ada. Ini saya ambil sebab saya pun hendak tahu apa yang saya cakap dulu. Takut-takut saya cakap, terlupa pula.

Hansard yang bertarikh 4 September 2007. Dalam penggulungan saya membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2007, pada masa itu pertama kalinya isu PKFZ ini dibangkitkan secara menyeluruh. Saya tidak tahu mungkin sebelum itu ada soal jawab, saya tidak tahu, tetapi secara menyeluruh. Walaupun itu hanya merupakan penggulungan kepada bekalan tambahan yang disusuli pula sebenarnya tidak berapa lama selepas itu, dengan Belanjawan 2008 yang juga merangkumi perbincangan yang lebih menyeluruh.

■1510

Akan tetapi Yang Berhormat Ipoh Timur telah mempersoalkan saya dan saya cuba menjawabnya sehingga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mungkin tidak ada di sini pada masa itu, saya bilang semula Hansard ini ada 10 muka surat, taipnya kecil-kecil macam ini, bermakna kalau taip biasa itu panjang. Mengenai PKFZ sahaja, saya tumpu kepada Yang Berhormat Ipoh Timur dan saya bilang Yang Berhormat Ipoh Timur meminta penjelasan daripada saya sebanyak 17 kali. Saya tengok ini apabila Yang Berhormat Ipoh Timur bangkit, bila Yang Berhormat Kepong bangkit, 17 kali. Jadi bila saya jawab, dia tanya balik. Sehingga akhirnya Yang Berhormat Ipoh Timur, tidak tahulah masa itu dia ingat atau tidak. Saya tanya macam mana Yang Berhormat Ipoh Timur, okey, sudah puas hati? Yang Berhormat kata, *for the time being*. Ingat ya? Ingatan bagus, *for the time being*. So, okeylah.

Jadi masalah saya ini Tuan Yang di-Pertua – sebab saya tengok isu-isu yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur ini...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: [Menyampuk]

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Nantilah, jangan mendahului saya sebab saya buat nota semua ini. [Disampuk] Isu-isu yang telah dibawa dalam mesyuarat tersebut dan isu-isu yang dibawa oleh Yang Berhormat dalam hujah-hujah Yang Berhormat kepada saya, satunya ialah kedudukan *letter of support*, apakah ini *letter of guarantee*, apakah *letter of support*, Yang Berhormat baca pun *letter of support* itu. Soal kedua yang besarnya, penilaian tanah. Mengapa tanah ini dinilai sebegitu rupa mulanya menjadi semakin tinggi, semakin banyak.

Yang ketiganya, Yang Berhormat Ipoh Timur tanya kenapa Kabinet ini buat keputusan pada 2 Oktobernya lain, 23 Oktobernya lain, 6 Novembarnya lain. Dia tanya semua ini. seterusnya masa itu ada lagi soalan-soalan lain, pasal Jabel Ali nya. Jadi semua ini yang Yang Berhormat Ipoh Timur timbulkan dalam perbahasan ini semuanya ada dalam ini. Saya tengok, saya boleh *refer* mana muka surat Yang Berhormat Ipoh Timur jawab dan saya rasa saya tidak berlaku adil kepada Dewan yang mulia ini sekiranya saya hendak baca semula jawapan yang saya telah beri dengan secara terperinci, 10 muka surat. Itu saya tidak hendak campurilah sebab saya sudah berjanji saya tidak hendak ada isu-isu politik sekarang ini.

Saya rasa akan mengabaikan tanggungjawab kita semua, 10 muka surat yang kecil-kecil ini kalau dibincangkan, saya ingat dua jam lagi pun tidak habis. Jadi Yang Berhormat, saya tidak tahu Yang Berhormat selepas itu atau semalam kah terfikir untuk mendapat *hansard* ini dan baca

supaya kita dapat menyelamatkan masa. Saya mengakui, Yang Berhormat, saya mengakui sejak itu banyak perkara yang sudah berlaku. Sejak penjelasan yang saya beri ini, penjelasan Menteri Pengangkutan sebelum ini juga telah membuat penjelasan dalam Belanjawan 2008. Saya tahu.

Kemudian Menteri Pengangkutan sekarang sudah menjawab soalan di Parlimen, sudah membuat *ministerial statement*. Ini kiranya kalau *ministerial statement*, Yang Berhormat, patutnya *the mother of all statement*, dengan izin. Bukan, Yang Berhormat? Jadi takkanlah hendak minta saya sebagai timbalan menteri yang kecil ini, hendak menjawab lagi, Yang Berhormat. Kalau soal Yang Berhormat hendak unguitkan di Dewan yang mulia ini hendak katakan bahawa, okey jawapan sudah bagi, tetapi masih ada penyelewengan, masih ada salah guna, Yang Berhormat, saya selaku Timbalan Menteri Kewangan memberi aku janji kepada Yang Berhormat, saya mengalu-alukan tindakan yang diambil kepada apa-apa jua kesalahan dan salah laku yang boleh diambil dalam hal ini.

Ini terserahlah kepada SPRM, pihak-pihak berkuasa, mereka juga sudah tahu. Sekarang ini laporan audit pun sudah ada, jadi saya tidak tahu apa lagi saya hendak cakap. Apabila saya tengok *Hansard* ini, mula-mula saya dok ingat saya hendak jawab semula tetapi *Hansard* ini ada muka surat 90 hingga 100, Tarikhnya 4 September 2007. Itu jawapan saya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Soalan tambahan. Darpada itu, okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Betul Yang Berhormat Timbalan Menteri sangat terbuka dalam September 2007 dalam perkara ini ialah *preliminary*. *Preliminary* perbincangan dalam perkara ini oleh kerana masa itu kita pun belum boleh berkumpul semua maklumat yang perlu dalam perkara ini dan sebenarnya Yang Berhormat *check* Hansard itu, saya sudah tanya satu perkara yang penting ialah mengenai empat surat sokongan, *the four letters of support* di mana Yang Berhormat Menteri kata bahawa mereka bukan surat *guarantee*. Betul?

Akan tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang masih kata mereka bukan surat *guarantee*? Kalau begitu, kenapa Kabinet masa itu kata tidak tahu. Sekarang bolehkah Yang Berhormat *confirm* bahawa pada Julai 2007, Kabinet buat keputusan, antara lain ialah meningkatkan kos PKFZ daripada RM1.088 bilion kepada RM4.632, yang pertama. Yang kedua, bahawa memberi *soft loan* RM4.632 bilion kepada Port Klang Authority untuk *bailout* Port Klang Authority atas bon yang dikeluarkan oleh Kuala Dimensi yang diguarantee oleh kerajaan. Yang ketiga, bahawa memberi retrospektif kelulusan kepada *4 letters of support* yang dikeluarkan secara tidak sah oleh Ling Liong Sik pada 28 Mei 2002 dan tiga yang kemudian oleh Chan Kong Choy pada 2004, 2005 dan 2006.

Yang Berhormat Timbalan Menteri masa itu – saya tidak tahu mungkin dia tidak ada maklumat yang lengkap atau mengelirukan Dewan yang mulia ini yang kata bahawa keempat-empat surat ini bukanlah *letter of guarantee*. Sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah patutlah mengadakan semua maklumat, semua nasihat, adakah Yang Berhormat Menteri

sekarang persetujuan bahawa sebab Kabinet pada Julai 2007 ialah sebelum Yang Berhormat buat jawapan dalam Dewan yang mulia ini, buat keputusan retrospektif ialah oleh kerana Peguam Negara bersetuju inilah *letter of guarantee*.

Sebab itu bon-bon yang diterbitkan sehingga RM4.6 bilion tanggungan diberi taraf 3A oleh rating dan itu sebab Kabinet buat keputusan untuk memberi kelulusan retrospektif oleh kerana kerajaan tidak boleh membenarkan kredibiliti dan kepercayaan orang ramai, pasaran bon jatuh kalau tidak pergi *bailout*, kalau tidak pergi beri sokongan retrospektif dalam perkara ini. Bukankah ini tidak sah? Satu lagi, bukankah benar bahawa dalam Kabinet ada bincang apa tindakan patut diambil terhadap mereka yang buat kesalahan ini. Adakah Kabinet benar? Apakah tindakan yang telah diambil?

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Yang Berhormat, terima kasih. Tadi Yang Berhormat kata bila saya buat penggulungan itu kerana 2007 mungkin maklumat-maklumat tidak dapat dikumpulkan semuanya, tetapi sedarkah Yang Berhormat, beberapa perkara yang Yang Berhormat sebut ini ada dalam ini. Contohnya, *soft loan* RM4.6 bilion ada, masa dahulu, sekarang sama. Yang Berhormat tanya pasal rating 3A, saya sudah jawab dalam ini, ada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Ada, ada. Tentang yang soal Yang Berhormat tanya empat *letter of support* ada. Jadi di mana yang dahulu tidak terkumpul, yang sini pula terkumpul.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat kata masa itu bukan *letter of guarantee*. Adakah sekarang...

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okey, saya hendak jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Implikasi masa..

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Saya hendak jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Akan tetapi implikasi, *meaning*.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okey, boleh saya jawab?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Boleh ya.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu, Yang Berhormat. Lagipun Yang Berhormat Ipoh Timur bertanya kepada Timbalan Menteri, Timbalan Menteri tidak terlibat dalam Mesyuarat Kabinet.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan dia sendiri tahu jawab. Bagi kerajaan, kerajaan perlu tahu jawab.

■ 1520

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okeylah tidak mengapa Yang Berhormat, saya tahu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, awal-awal lagi. Kementerian Pengangkutan ini tidak ada pun dalam senarai kementerian yang terlibat. Sebenarnya sepatutnya tidak perlu jawab tetapi menghormati Yang Berhormat Ipoh Timur kita

jawablah, tetapi janganlah lebih-lebih Yang Berhormat ya. Jadi, Yang Berhormat bertanya saya, saya di sini sebagai seorang yang pernah bekerja di Bank Negara selama 17 tahun, pernah menjadi Timbalan Menteri Kewangan sebelum dan sekarang, mendapat PhD dalam bidang *Economy International Finance*. [Tepuk] Saya tidak tahulah universiti mana Yang Berhormat Kuala Selangor? Akan tetapi saya dapat daripada *Wharton University*.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya, PhD daripada Imperial College London.
[Dewan riuh]

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Ha, tidak mengapalah. Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasihlah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Dari Imperial College.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Universiti ketiga di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kita yang tidak dapat sijil macam mana pendapatnya? Saya tidak pergi universiti Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Saya tanya sahaja. Saya Warthon University. Di Wharton School. Tidak mengapalah kita, saya tahu sebab nampak dia itu kadang-kadang dia laju hendak menunjukkan kepakaran dia. Saya hendak tanya jugalah mungkin dapat yang beli PhD itu tidak eloklah. [Ketawa] Akan tetapi ini Imperial College bagus, bagus. Saya pun kalau ada anak...

Tuan Yang di-Pertua: Mudah-mudahan nanti Tuan Yang di-Pertua punya kelulusan pun janganlah persoalkan tentang PhD. [Ketawa]

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Beli PhD ini bukan Yang Berhormat Kuala Selangor sahaja boleh beli. Kita takut yang sebelah sana pun boleh beli juga.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tidak mengapalah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, sila, sila.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okey Tuan Yang di-Pertua. Sebagai saya hendak jawab peribadi saya. *Personally I still hold* dengan izin kepada pendirian saya bahawa ini adalah *letters of support*. *You can take me anywhere, this is my personal belief strongly so. Letters of guarantee* mestilah diisu oleh Kementerian Kewangan. Tidak boleh sesiapa yang isu, kita tidak boleh. Kita ada peraturannya Yang Berhormat. Jadi, kalau ada sesiapa isu semua hendak panggil *letter*, soal kerajaan mahu memberi pinjaman *soft loan*, itu soal lain.

Soal untuk menjaga supaya projek yang dilihat sebagai satu projek yang begitu berpotensi yang boleh dibangunkan dibuat dengan secara yang berjaya. Saya juga ada jawab di dalam ini, dahulu Yang Berhormat ada tanya mengapa dulunya *self-financing*, tiba-tiba perlu kepada bantuan? Ada jawab semuanya di dalam ini. *Self-financing* mula-mulanya kerana hendak buat secara berpakej fasal 1, fasal 2. Akan tetapi apabila kita jemput Jabel Ali sebagai penasihat dan *partner* kerana dia berjaya buat di Dubai ini 25,000 hektar dan sebagainya.

Dia yang mencadangkan kita buat secara serentak kerana banyak gangguan kalau berpakej. Bila sudah buat nanti, sudah masuk hilang kemudian hendak buat pula pakej kedua dan juga dengan izin *externalitiesnya*, *economies of scale*. Jadi ini yang dia minta dan dia sepatutnya pakar. Dia minta buat sekali. Semuanya ada dalam ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kalau itu Yang Berhormat hendak tahu, bagi saya ini *letters of support*. Soal kerajaan hendak membantu, itu soal lain. Kerajaan bantu, rangsangan pun banyak bantu. TEKUN beri, MARA beri, adakah *letters of guarantee*? Tidak ada. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Soalan tambahan. Saya berterima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan pendirian sendiri beliau. *Self personal position* betul. Apa Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah betul iaitu bahawa Menteri-Menteri Pengangkutan sama ada Tun Dr. Ling Liong Sik atau Dato' Seri Chan Kong Choy tidak ada kuasa untuk mengeluarkan surat-surat *guarantee of support*.

Tidak ada kuasa untuk mengeluarkan surat sokongan yang merupakan surat jaminan kerajaan. Itu benar, itu betul. Peguam Negara semua pun ada dan Kabinet pun tahu. Akan tetapi apa yang kita mahu bukan *personal stand* Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri di sini mewakili bukan sendiri. Bukan sebagai *Wharton graduate*. Bukan mewakili *Wharton University*, mewakili Kerajaan Malaysia.

Kabinet Malaysia dan kita mahu jawapan bagi pihak Kerajaan Malaysia dan bukan bagi pihak Yang Berhormat sendiri. Kita mahu tahu sungguhpun kerajaan dan Kabinet sudah mendapati bahawa Menteri-Menteri Pengangkutan tidak ada kuasa untuk keluar surat sokongan oleh sebab ini baru boleh dikeluarkan oleh Menteri Kewangan dan juga mendapat kebenaran dari Kabinet. Kedua-dua syarat tidak dipenuhi tetapi sudah dikeluarkan dan adalah dianggap sebagai *letter of guarantee* oleh pasaran bon, *bon market*.

Oleh sebab itu dapat 3A dan sebab itu kalau kerajaan tidak memikul tanggungjawab untuk memberi *retrospective* kelulusan empat *letter of support*, keyakinan orang ramai kepada pasaran bon akan jatuh dan nama baik Kerajaan Malaysia pun jatuh. Bukankah ini sebab kenapa tindakan perlu diambil? Oleh sebab ini bukan tidak ada hakikat, akhirnya sekarang rakyat menghadapi satu skandal RM12.5 bilion oleh sebab *four letters of support*.

Kenapa Yang Berhormat boleh datang ke sini dan kata lagi menghujah, "Ini empat *letter* sebenarnya bukan *letter of support*". Walhal kerajaan sudah buat *retrospective approval* dengan risiko yang begitu tinggi, RM2.5 bilion. Bukankah benar bahawa Ketua Setiausaha Negara pada masa itu adalah ditugaskan untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang bertanggungjawab? Adakah Yang Berhormat tahu apa tindakan dibuat? Berapa orang ada diheret ke mahkamah dan berapa orang ada dihantar ke penjara?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Menteri, oleh sebab perkara ini sudah dibincangkan dari tahun 2007, saya menganggap perkara ini apabila dipanjangkan juga oleh

Yang Berhormat Ipoh Timur sebagai *repetitive*. [Dewan riuh] Peraturan mesyuarat pun mengatakan bahawa *repetitiveness* tidak boleh dibenarkan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Belum mendapat *answer*. Satu skandal akan diteruskan..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timur...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Akan *repeat*, akan kah kita dicegah daripada timbul masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur, boleh duduk Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *The scandal is going to go on, RM12.5 billion* skandal.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh duduk dahulu Yang Berhormat Ipoh Timur, duduk dahulu. Yang menjadi masalah kepada individu dalam Parlimen ini, apabila jawapan diberi, tidak puas hati. Selepas itu pula mengungkit dan mengungkit dan mengungkit. Tugas saya *repetitiveness* apabila sudah dijawab. Saya faham dengan soalan itu sama ada *letter of support* gerenti kah tidak? Yang Berhormat Menteri kata bukan gerenti. *Letter of guarantee* sama *letter of support to me is different*. Akan tetapi yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tiada berbeza kerana ada *connotation politic* mempertanggungjawabkan seseorang. Itu tugas orang lain iaitu insisi. Kalau ada penyelewengan, biar agensi lain yang buat. Jangan tekankan kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak. Tuan Yang di-Pertua jangan campur tangan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak mahu campur tangan Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua tidak boleh campur dalam perbincangan isu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak hendak campur tangan tetapi sebagai Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak perlu dengar perkara-perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, Tuan Yang di-Pertua campur tangan mana boleh? *Bias* dalam perkara ini. Tidak boleh. Saya tidak bersetuju!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Ipoh Timur, saya cukup hormat dengan Yang Berhormat Ipoh Timur. Akan tetapi kena hormat juga dengan pendapat orang lain.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini satu perkara yang besar. Kalau soal ini tidak boleh dibahas, di mana kita boleh bahas?

Tuan Yang di-Pertua: Perkara ini sudah dibangkitkan Yang Berhormat Ipoh Timur. Berapa kali sudah dibangkitkan? Dalam seminggu ini pun...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Berapa kali? Hari, tahun-tahun skandal akan berlarutan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Ipoh Timur, tolong Yang Berhormat Ipoh Timur. Kita semua masing-masing ada tanggungjawab. Kalau itu tanggungjawab Yang Berhormat Ipoh Timur untuk semua dunia perlu tahu, sudah pun dunia tahu, cukup. Tanggungjawab saya, jangan perkara-perkara *repetitive* kerana bagi saya bosan juga sudah saya dengar.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya mahu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Kalau Yang Berhormat Menteri sudah bosan, turun kerusi!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Menteri sudah jawab. Akan tetapi masalahnya Yang Berhormat Ipoh Timur tidak puas hati dengan satu jawapan. Ini bukan mahkamah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Rakyat tidak puas hati!

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan mahkamah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Betul, saya bangkitkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Ipoh Timur. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dan timbalan-timbalan saya kadang-kadang cukup sabar. Dengar, kita pun mempunyai kapasiti untuk meneliti. Kita tidak mahu campur hal. Kita mahu dengan seadil-adilnya tetapi Dewan ini bukan mahkamah di mana seorang peguam terpaksa pin dengan satu *witness, you want to answer me, yes or no*. Ini bukan mahkamah! [Dewan riuh] Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya belum habis bercakap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh menyelamatkan Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bukan tugas untuk Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Ipoh Timur, kalau lain kali Yang Berhormat Ipoh Timur berdiri, terpaksa minta hukum kepada saya Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bolehkah dia dapat jawapan? Bolehkah dapat jawapan?

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri, sila Yang Berhormat Menteri. Bagi saya Yang Berhormat Menteri, *you* sudah jawab. Saya puas hati dengan jawapan. Sila teruskan dengan apa perbincangan. Sila.

■ 1530

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Yang di-Pertua, saya pun telah tanya beberapa soalan dan jawapan daripada Menteri tidak memuaskan dan kita tidak boleh kawal ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Klang. Ahli-ahli Yang Berhormat sila duduk dahulu. Sila duduk Menteri. Berulang kali saya nyatakan bahawa dalam perbahasan

sememangnya masing-masing mahu menegakkan kalau boleh saya gunakan istilah benang yang basah. Siapa yang menang, siapa yang tidak menang.

Malangnya Ahli-ahli Yang Berhormat kami yang duduk di atas ini bukan pengadil untuk menentukan siapa yang betul dan siapa yang tidak. Apabila soalan telah dikemukakan dan dijawab walaupun bagi persepsi yang bertanya itu tidak betul, itu jawapan dia. Jadi biar orang lain pula di luar sana yang menilai melalui liputan *Hansard*, melalui liputan media masa, melalui blog, melalui *you tube*.

Itu jadi bermakna apabila mesej itu sebagai contoh kelmarin saya benarkan Yang Berhormat Gombak untuk kemukakan soalan kepada Timbalan Menteri Pelancongan tetapi apabila saya berfikir bahawa soalan itu tidak ada kena mengena dengan soalan asal terpaksa saya kata itu tidak ada kena mengena dengan soalan asal. Akan tetapi hujah Yang Berhormat Gombak telah mendapat liputan.

Jadi apa yang tidak adil di sini, adakah saya menyebelah kepada Timbalan Menteri yang berkenaan? Tidak, jadi *the message is been send true in true, repetitiveness*. Jadi kalaulah saya benarkan begitu dan Timbalan-timbalan saya benarkan, berapa lagi akta yang kita mahu bincang ini? Ada lagi barangkali lapan.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas itu kita sambung lagi...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan sampai jam 11.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Isu ini bukan isu menang dan kalah. Ini adalah *financial crisis* yang terbesar sekali di Malaysia. Kalau tahu...

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu Yang Berhormat Klang. Kita tahu bahawa dari pembangkang bilang skandal, kita sudah faham.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Bangun]*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Yang di-Pertua, ini skandal yang besar sekali di Malaysia.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tuan Yang di-Pertua, isu ini diputar belit dan tidak ada ketelusan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Klang duduk dahulu. Jangan bertengkar dengan saya. Ini persepsi, ini adalah tuduhan dari sebelah yang sudah dijawab oleh sebelah.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan *perception*.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi yang sekarang ini apa. Saya belum habis bercakap. You kata skandal, kerajaan kata bukan skandal. Jadi saya kata sama ada skandal atau tidak, saya tidak boleh campur cuma saya campur ini janganlah masa berbahas itu di *drag on* pasal satu isu. Itu sebab saya campur.

Kalau tidak saya tidak okey. Kalau tidak Yang Berhormat tidak perlu ada Tuan Yang di-Pertua di sini kerana tidak perlu. Boleh? Jadi apa kesimpulan perbahasan kita?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gombak, tiada *point of order*. Tolonglah Yang Berhormat Gombak. Sila Menteri teruskan supaya kita dapat teruskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua kata jangannya *repetitive*. Soalan yang saya hendak kemukakan adalah apakah tindakan KSN ada ambil ini adalah kali pertama bukan *repetitive*, ini baru. Bolehkah Yang Berhormat Menteri jawab atau ini tidak dibenarkan. Apakah tindakan Ketua Setiausaha Negara yang ada diarahkan dan ditugaskan dalam tahun 2007 untuk ambil tindakan terhadap mereka yang mengakibatkan *the letters of support* dikeluarkan sungguhpun tanpa kuasa tetapi menjadikan negara menghadapi skandal RM2.5 bilion. Apakah tindakan? Adakah ini dibenarkan atau tidak boleh dibenarkan?

Tuan Yang di-Pertua: Duduk Yang Berhormat Ipoh Timur, saya jawab. KSN adalah Setiausaha kepada Kabinet. Yang ditanya Timbalan Menteri Kewangan. Dia tidak terlibat secara langsung dalam mesyuarat Kabinet. Apabila Yang Berhormat Ipoh Timur tanya sesuatu soalan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mempunyai kapasiti untuk menjawab kerana agensi-agensi lain yang terlibat seperti MACC yang sekarang kita ketahui macam mana soalan itu *valid* atau tidak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau begitu bukan kita tangguhkan Yang Berhormat Timbalan Menteri balik, panggil Menteri Kewangan datang. Apa guna Parlimen kalau kita tidak boleh tanya. Kita tangguhkan oleh kerana tidak ada orang yang berkuasa untuk jawab soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan, itu yang berikut. Bagaimana Parlimen boleh jatuh kepada tahap ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur, duduk dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Parlimen tidak boleh *to help them ransom* tutup skandal ini. *[Tepuk]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Selangor, duduk.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kita adalah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Selangor, duduk.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kita lagi selesa Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu, saya Tuan Yang di-Pertua. Saya menentukan apa-apa perbahasan yang dibenarkan atau tidak. Apa pun persepsi Ahli-ahli Yang Berhormat, kita di atas ini cukup hormat kepada pendapat-pendapat termasuk Yang Berhormat Ipoh Timur.

Akan tetapi hormat-menghormati ini adalah di antara satu sama lain, *two way traffic*. Adakah isu-isu yang ditimbulkan selama ini oleh pembangkang tidak dibenarkan oleh kami, saya dan Timbalan? Tidak, semua pun sudah keluar tetapi untuk menjimatkan masa jangan *repetitive*. Menteri menurut Peraturan Mesyuarat jawab sahaja yang boleh dibawa kapasiti sebagai Timbalan Menteri dan yang rasa bahawa itu tanggungjawab kerajaan. Yang lain tidak payah kerana tidak perlu peraturan mesyuarat dan saya tidak mahu *repetitive*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri datang untuk menjawab, dia mewakili Menteri yang sepenuhnya dan beliau bukan berdiri peringkat Timbalan Menteri sahaja dan sebab itu kita mahu tanya dia, dia mahu jawab dan kalau dia kata dia tidak boleh jawab, dia cuai.

Oleh kerana semalam saya ada bangkitkan perkara ini, saya tunggu di sini untuk satu jawapan. Saya 40 tahun di sini, tidak pernah ada Tuan Yang di-Pertua kata bahawa soalan yang dikemukakan kepada Timbalan Menteri tidak boleh dikemukakan oleh kerana dia peringkat Timbalan Menteri, dia bukan Menteri. Tidak pernah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Jangan kita balik ke belakang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur, oleh kerana selalu berlaku kepada Yang Berhormat Ipoh Timur apabila berdiri, tidak hormat kepada sesiapa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya hormat tetapi kita mahu *the hole Parliament*.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah Yang Berhormat Ipoh Timur. Duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bolehkah kita dapat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Menteri jawab. Selepas itu *continue* dengan apa.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gombak, adakah ini *point of order* atau apa?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ya, Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, mana satu Peraturan Mesyuarat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Dalam perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tadi tentang peranan Menteri dan Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, kalau saya boleh bantu sedikit. Dalam beberapa sesi yang lalu...

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat yang mana Yang Berhormat Gombak?

Dato' Haji Lilah bin Yassin [Jempol]: Peraturan mana? *[Dewan riuh]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Dengar dahulu. Di mana Timbalan Menteri

Dato' Haji Lilah bin Yassin [Jempol]: Nombor berapa, Peraturan banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tolong jangan campur kerana itu bukan membantu saya, malah menyebabkan kecoh lagi.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beritahu dalam sesi yang banyak sebelum ini apabila kami mempertikaikan di mana Menteri, mengapa Menteri tidak datang jawab? Tuan Yang di-Pertua memberitahu tidak mengapa, Timbalan Menteri juga mewakili Menteri. Itu yang pertama Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua beri contoh Yang Berhormat Gombak semalam, walaupun kita berbeza pandangan dan pendapat bahawa soalan tambahan saya tidak ada kena mengena dengan soalan asal. Akan tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua tengok Menteri sendiri jawab di luar Dewan, di lobi mengatakan benar John Todt digunakan untuk bertemu dengan pengarah-pengarah filem di luar negara.

Ini menunjukkan bahawa soalan saya itu ada kaitan dengan soalan asal tetapi oleh kerana Timbalan Menteri dia tidak dapat maklumat yang tepat, ini yang dibangkitkan. Maknanya peranan Menteri penting.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat Gombak duduk dahulu? Sila duduk. Apabila kita *raise point of order* setahu saya sebagai Tuan Yang di-Pertua ialah kita mengatakan bahawa ada sesuatu yang tidak kena dalam waktu mesyuarat.

Okey, pun begitu tidak ada kena mengena dengan *point of order*, saya sanggup dengar apa penjelasan Ahli Yang Berhormat tetapi yang saya ingin tekankan di sini saya tidak mengajar kepada manusia yang waras.

Saya tidak ada duduk 40 tahun dalam Parlimen, saya baru belajar. Diambil dari kampung mana, orang pun tidak tahu sebelum saya menjadi Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada kelulusan yang begitu tinggi tetapi setakat untuk memahami etika berdebat, *body language*, bertolak ansur, itu saya faham sangat. Saya faham itu cuma yang saya faham juga bahawa apabila kita bersikap agresif ada lagi kawan yang bersikap agresif.

Apabila kita bercakap kita kuat, ada lagi orang yang kuat daripada kita. Apabila kita mengatakan ini bukan bermakna kita *perfect*. Jadi tugas saya dalam perbahasan ialah janganlah keterlaluan kerana itu mengundang reaksi negatif daripada kawan. Betul atau tidak, itu akibatnya.

Saya cuma menjalankan tugas dengan sebaik mungkin. Jadi isu yang dibangkitkan beberapa kali sudah saya dengar beberapa kali, selepas itu dibangkitkan lagi pada tahun 2007. Bermakna itu sudah menjadi *public knowledge*, begitu.

Jadi Menteri, apa persoalan tadi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur yang relevan jawablah seberapa mungkin. Kalau kita keras di atas ini, dia cakap campur, kalau kita lemah pula ada kecoh, kalau kita biarkan, dia kata, "oh, *it's nice because you let it flow*". Kalau kita *let it flow* pun, sampai banjir *let it flow*, melecek sana sini tidak elok juga.

■1540

So, kita ambillah kesederhanaan. Apabila disebut tadi segala PhD, saya pun tersinggung, saya tidak ada PhD. Jadi kalau saya tidak ada PhD saya tidak layaklah untuk duduk di atas. Itu yang dia punya *by the way*, yang bukan serius punya. Saya cukup hormat dengan Yang Berhormat Ipoh Timur. Saya cukup hormat dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor, cukup hormat kepada semua.

Akan tetapi hormat ini *you have to earn it* secara ikhlas. Sila Yang Berhormat Menteri tolong. Sekarang saya tidak mahu lagi banyak komen.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah duduk sahaja di sini seperti robot dengar sahaja.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tidak apa.

Tuan Yang di-Pertua: Cakap, cakaplah tidak apa. Saya tunggu sahaja saya diganti oleh saya punya Timbalan. Cakaplah Yang Berhormat. Janganlah ikut peraturan mesyuarat itu. Tidak juga betul.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Tidak apa, tidak apa Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menjawab kerana ini ditimbulkan mengenai apakah tindakan yang perlu diambil kepada mereka-mereka yang dikatakan terlibat dalam skandal kah, apa sahaja lah ya, yang salah laku dan sebagainya.

Saya melihat ini bahawa perkara ini sudah pun diserahkan kepada SPRM dan SPRM kalau perlu ambil tindakan, ambil lah. Saya sudah cakap, saya di antara yang pertama, mungkin yang kedua selepas Yang Berhormat ini, saya menyokong. Jadi saya sudah jawab semua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih itulah semua jawapan saya.

Seorang Ahli: Soalan tambahan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Masih ada, masih ada.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Belum habis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak mahu *repetitive* tetapi ini isu yang penting.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur sila keluar dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya bukan PhD pun tidak apa. Saya pun bukan PhD.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong, tolong duduk dahulu. Itu sahaja persamaan kita. Kita bukan PhD.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, ya saya pun bukan PhD.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, bukan PhD tetapi setakat pengalaman kita ada PhD.

Seorang Ahli: Banyak makan durian tadi, panas sedikit. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya semalam ada bertanya, bukan isu yang Timbalan Menteri jawab pada 2007, hal selesai. Oleh kerana masa itu kita tidak ada gambaran yang lebih, sekarang pun belum ada gambaran yang sepenuhnya. Sebab itu kita mahu satu *royal*

commission enquiry untuk siasat skandal Port Klang Free Zone! Masa itu kita ada gambaran sedikit, sekarang lebih tetapi tidak sepenuhnya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kita mahu tahu kenapa untuk dua tahun rakyat dan negara tidak diberi dan Parlimen yang mulia ini tidak diberi gambaran yang sepenuhnya bahawa kenapa sebab musabab Kabinet pada Julai 2007 memberi *bailed out* RM4.6 bilion ialah oleh kerana empat *letter of support* ialah merupakan *letter of guarantee*, tidak boleh diketepikan. Sebab itu, kenapa tidak diberikan dan apa pun keputusan dibuat bahawa tindakan diambil terhadap beberapa orang, bukan terserah kepada ACA. Bukan. Masa itu tidak ada ACA. Bahawa tindakan diambil untuk KSN, tindakan disiplin dalam Treasury, dalam Kementerian Pengangkutan dan mereka yang bertanggungjawab patut diadakan.

Kalau semua kata *leave it to the MACC (the Malaysian Agency for Cars and Cows)* tidak guna ada Parlimen pun. Kita tutup Parlimen lah! Bolehkah kita dapat jawapan? Sampai sekarang tidak boleh kata *repetitive* oleh kerana isu ini skandal akan diteruskan, selagi skandal akan terus, selagi itu isu *relevant* dan *pertinent* dan *topical*. [Tepuk]

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Saya sudah habis jawab semua sudah. Tidak ada lagi sudah.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua. Ada soalan yang saya bangkit belum dijawab, berkaitan dengan soalan MRR II. Itu merupakan soal keselamatan awam. Yang keduanya, penglibatan tentera di pilihan raya Manik Urai. Ini saya bawa fail untuk hendak berdebat dengan Yang Berhormat, berkaitan dengan penglibatan tentera dalam pilihan raya Manik Urai untuk memenangkan kerajaan Barisan Nasional, parti Barisan Nasional. Masih belum dijawab dan MRR II ini soal saya tanyakan bahawa soal jaminan keselamatan. Dua perkara ini, dua perkara ini sangat penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk, duduk Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Mana boleh habis begitu, tidak jawab mana boleh habis. Jawab dahulu baru boleh habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, sudah habis Yang Berhormat Menteri? Sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Habis kalau dia jawab soalan saya tetapi soalan saya tidak dijawab macam mana dia kata habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah lama duduk Parlimen, sepatutnya tahu peraturan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Betul saya duduk lama, dia pun duduk lama. Berapa kali masuk berapa kali keluar tetapi persoalannya..

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Secara bertulis, secara bertulis.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Soalan saya masih belum dijawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Jawapan bertulis kalau lepas pilihan raya hendak buat apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat .

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ini soalan penglibatan tentera. Saya hendak sebut di sini Tuan Yang di-Pertua ialah bagaimana penggunaan kuasa yang melibatkan tentera, yang mengheret tentera darat dalam pilihan raya Manek Urai untuk memenangkan Barisan Nasional, parti Barisan Nasional. Sedangkan tentera tidak seharusnya dilibatkan dalam politik, kepentingan parti politik Barisan Nasional! *[Dewan riuh] [Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya pun tidak boleh tahan. Apakah jawapan mengenai Port Klang Free Zone, mengenai Manek Urai, mengenai MRR II mana? Semalam kita lihat ada Ahli Parlimen mewakili Kuala Dimensi, bukan mewakili rakyat. Apa yang berlaku ini? Ini bukan Parlimen Kuala Dimensi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, Yang Berhormat Menteri cakap sudah habis. Saya tidak boleh paksa Yang Berhormat Menteri menjawab. Kalau Yang Berhormat kalau hendak berdiri di sana, berdirilah.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ini betul-betul Kerajaan BN, bini Najib! *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ini menghinakan seseorang.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang 36(6) Tuan Yang di-Pertua. 36(6).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apa Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apa Yang Berhormat. Tidak apa Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri sudah habis menjawab Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *You are all on the run when talking about Port Klang Free Zone. Yang Berhormat Menteri pun on the run. Why you all on the run?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Penangguhan Majlis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Why you all on the run?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi hendaklah disetujui.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya belum sampai berkehendak 15 orang. Duduk dahulu Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat. Saya belum bagi kata ini disetujui. Kalau tidak puas hati dengan mulut baru dijawab dengan hitung Yang Berhormat. Ini peraturan. Sayanglah kita ini sudah lama-lama, pandai-pandai, PhD dan sebagainya.

Lebih suara bersetuju, usul disetujui.

■ 1550

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik. Belah bahagi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh duduk Yang Berhormat. Kita nak ikut peraturan betul-betul Yang Berhormat. Yang Berhormat, tolong duduk dulu Yang Berhormat. Tolong duduk. *[Dewan riuh]*

Beberapa ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya nak baca sedikitlah Yang Berhormat ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana lebih daripada 15 orang bangun meminta dibelah bahagian, maka mengikut Peraturan 46(4), saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang. Bunyi loceng dua minit.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat. Undi dijalankan sekarang. Sila jalankan undi Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Senator boleh undi kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dia tidak akan dikira Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Diminta duduk Yang Berhormat, senang penghitung undi. Semua Ahli Barisan Nasional dan juga pihak Pakatan

rakyat. Sila duduk Yang Berhormat supaya penghitung undi tidak keliru. Yang Berhormat Arau, hitung undi kah ini? Sudah hitung sendiri?

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: [*Dewan riuh*] Yang Berhormat, yang itu apa Yang Berhormat?

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Memberi hormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ini keputusan undian yang saya terima sebentar tadi daripada Setiausaha Dewan.

Ahli-ahli yang bersetuju 60 undi... [*Tepuk*]

Ahli-ahli yang tidak bersetuju 45 undi... [*Tepuk*]

YANG BERSETUJU:

60

YANG TIDAK BERSETUJU:

45

[Nama Ahli-ahli yang bersetuju dan yang tidak bersetuju akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, saya isytiharkan bahawa yang bersetuju itu adalah lebih daripada yang tidak bersetuju. Usul disetujui. [*Tepuk*]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) *mempengerusikan Mesyuarat*]

RANG UNDANG-UNDANG

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN 2009

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

3.57 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dan untuk mengadakan peruntukan mengenai fungsi dan kuasanya dan mengenai perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Siapa yang menyokong?

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Peguam Negara, Ketua Polis Negara, Kementerian Dalam Negeri dan Pejabat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta agensi kerajaan berkaitan yang lain, telah mengkaji peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan draf Rang Undang-Undang Suruhanjaya Penambahbaikan Integriti Agensi Penguatkuasaan yang dicadangkan oleh Polis Diraja Malaysia. Sebagai alternatif kepada Rang Undang-Undang Suruhanjaya Aduan Khas 2007.

Setelah selesai meneliti kajian itu, telah menggubal Rang Undang-Undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 dengan mengambil kira peranan suruhanjaya perkhidmatan lain yang sedia ada serta agensi-agensi lain seperti Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dan Biro Pengaduan Awam (BPA) di Jabatan Perdana Menteri dan urus setia Jawatankuasa Kerja Pelaksanaan Penambahbaikan PDRM di Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Rang undang-undang ini digubal berasaskan pendekatan rang undang-undang yang dicadangkan dalam Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia selepas ini disebut sebagai Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan PDRM yang semata-mata merangkumi anggota PDRM sahaja mengikut terma rujukan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan PDRM pada masa itu.

Penubuhan suatu suruhanjaya bebas bagi mengawasi agensi kerajaan yang terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang amatlah baik bagi mengesan, menyiasat dan mencegah perbuatan menerima rasuah dan salah laku di kalangan pegawai penguatkuasaan selain anggota polis. Suruhanjaya bebas yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan PDRM adalah berasaskan model di New South Wales di Australia dan di United Kingdom.

Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan PDRM mengesyorkan bahawa model di New South Wales, Australia dan United Kingdom telah berjalan dengan baik dan telah berjaya mewujudkan pasukan polis yang berwibawa dan berfungsi dengan efektif. Oleh itu, kerajaan percaya bahawa penubuhan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini merupakan suatu cara yang berkesan untuk memastikan doktrin, undang-undang, peraturan dan prosedur dipatuhi.

Bukan sahaja oleh PDRM tetapi oleh semua agensi kerajaan yang disenaraikan dalam jadual kepada rang undang-undang ini. Kerajaan berpendapat bahawa Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan akan dapat meningkatkan akauntabiliti, membantu mengembalikan serta mengekalkan kepercayaan orang ramai dan sektor swasta terhadap institusi penguatkuasaan kerajaan.

Dengan adanya Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini, hasrat rakyat jelata untuk mewujudkan sistem ombudsman juga tercapai. Suruhanjaya ini boleh memastikan bahawa pegawai penguat kuasa tidak bertindak di luar kuasa mereka dan pegawai penguat kuasa tahu dengan jelas akan ruang lingkup salah laku yang disenaraikan dalam rang undang-undang ini. Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini merupakan satu langkah ke hadapan bagi negara kita di samping meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan yang dititikberatkan oleh kerajaan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ini akan menerima aduan daripada orang ramai mengenai salah laku pegawai penguat kuasa dari agensi kerajaan yang disenaraikan dalam jadual kepada rang undang-undang ini dan menjalankan siasatan bebas ke atas aduan tersebut. Dari segi bidang kuasa dan fungsi suruhanjaya ini, ia akan melengkapi mekanisme yang sedia ada kerana suruhanjaya ini akan memastikan tindakan undang-undang yang betul diambil terhadap pegawai penguat kuasa berdasarkan jenis kesalahan yang diadukan. Suruhanjaya ini juga memberikan hak memeriksa balas saksi dan hak memberi hujahan lisan serta hak diwakili oleh seorang peguam.

Rang undang-undang ini merupakan langkah seterusnya oleh kerajaan ke arah mengembalikan kepercayaan rakyat kepada institusi kerajaan dan memastikan bahawa penyiasatan setiap agensi kerajaan dijalankan dengan teratur berdasarkan prosedur dan undang-undang agar dapat mempertingkatkan tahap profesionalisme dalam cara bekerja agensi yang terlibat. Keanggotaan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dan prosedurnya akan memastikan wujudnya ketelusan dalam apa-apa keputusan dan syor yang dibuat berhubung dengan aduan yang diterima. Secara amnya, semua pendengaran yang dijalankan oleh suruhanjaya adalah terbuka kepada umum dan dapatannya akan diumumkan. Ini sekali gus akan mencerminkan ketelusan dan mengukuhkan kepercayaan rakyat terhadap pegawai penguat kuasa PDRM dan juga agensi kerajaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini terbahagi kepada tujuh bahagian.

- (i) Bahagian I, memperkatakan perkara permulaan yang mengandungi tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa akta, pemakaian akta serta takrif beberapa perkataan dan ungkapan yang digunakan;
- (ii) Bahagian II, mengandungi perkara yang berhubungan dengan penubuhan dan fungsi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan termasuklah keanggotaan, pembayaran saraan, had tempoh jawatan, pengosongan jawatan dan mesyuarat;
- (iii) Bahagian III, mengenai pentadbiran suruhanjaya yang mengandungi perkara mengenai pelantikan setiausaha yang juga ketua pegawai eksekutif. Pegawai dan kakitangan suruhanjaya, perunding, penubuhan jawatankuasa aduan, pasukan petugas dan jawatankuasa lain,

- pengeluaran kad kuasa serta penggunaan kakitangan atau kemudahan agensi lain dan kerjasama dengan agensi lain;
- (iv) Bahagian IV, mengandungi peruntukan mengenai pengurusan aduan dan menyatakan kuasa am suruhanjaya mengenai pengurusan aduan. Bahagian ini juga memperuntukkan ruang lingkup salah laku pegawai penguat kuasa yang boleh diadukan oleh orang ramai kepada suruhanjaya supaya disiasat oleh suruhanjaya. Mana-mana orang boleh membuat aduan kepada suruhanjaya. Suruhanjaya sendiri boleh memulakan penyiasatan atas inisiatif sendiri;
 - (v) Bahagian V, mengenai kuasa penyiasatan suruhanjaya. Suruhanjaya diberi kuasa untuk mendapat dokumen atau benda lain, mengadakan pendengaran awam, memberi hak orang berkepentingan untuk hadir, kuasa untuk memeriksa saksi, kuasa untuk menggeladahkan dengan waran dan penggeledahan dan penyitaan tanpa waran. Selain itu, bahagian ini juga memperuntukkan obligasi undang-undang ke atas seseorang untuk memberikan maklumat kepada suruhanjaya dan membenarkan seseorang melantik wakil undang-undangnya dalam sesuatu pendengaran yang diadakan oleh suruhanjaya;
 - (vi) Bahagian VI, mengenai kesalahan dan mengandungi perkara-perkara berkenaan dengan ugutan terhadap saksi dan penghinaan; dan
 - (vii) Bahagian VII, mengenai perkara am dan mengandungi perkara seperti dana, pemakaian akta badan berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980, pengemukaan laporan tahunan, perlindungan kepada pesuruhjaya, pegawai dan kakitangan suruhanjaya. Pemakaian Akta Pelindungan Pihak Berkuasa Awam 1948, pekhidmat awam, obligasi kerahsiaan, keizinan untuk memulakan dan menjalankan pendakwaan, pembuatan peraturan-peraturan dan kuasa Perdana Menteri untuk meminda jadual.

Tuan Yang di-Pertua, sejak bacaan kali pertama rang undang-undang ini, pelbagai reaksi serta pendapat positif telah diterima dari pelbagai pihak dan direncanakan dalam media massa. Pendapat yang konstruktif dan membina memang akan membantu dalam memupuk kesedaran umum dan mendorong agensi kerajaan yang terlibat untuk menambah baik prestasi mereka. Seperti biasa, terdapat golongan yang kurang faham dan tidak mengetahui akan perjalanan jentera pentadbiran dan pengurusan di negara ini. Kerajaan menerima reaksi-reaksi tersebut dengan hati yang terbuka kerana kerajaan berniat murni dalam membentangkan rang undang-undang ini.

Kerajaan bersedia menjawab segala pertanyaan dan menjelaskan sebarang kemusykilan yang timbul. Kerajaan juga bersedia mendengar cadangan yang bernas dan adil. Dengan ini, kerajaan berharap bahawa perbahasan rang undang-undang ini nanti akan membuktikan kematangan serta keikhlasan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dan untuk mengadakan peruntukan mengenai fungsi dan kuasanya dan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya, dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Hendak bercakapkah hendak tengok Dewan, Yang Berhormat? Hendak bercakapkah hendak tengok Dewan? Sila, Yang Berhormat Kepong.

4.07 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apabila laporan Suruhanjaya Diraja Polis diumumkan waktu itu, IPCMC mencadangkan satu suruhanjaya hanya untuk Polis Diraja Malaysia. Namun begitu, saya ada kerap kali bertanya di dalam Dewan yang mulia ini dan jawapannya pihak polis tidak akan menerima kerana dikatakan pihak yang lain seperti Kastam juga ada salah laku juga. Mengapa kita tujukan hanya kepada pihak polis. Di sini saya hendak menekankan bahawa di United Kingdom pun pernah ada suruhanjaya dan mereka pernah cuba mengadakan suruhanjaya untuk semua jabatan termasuk Kastam dan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi beberapa agensi kerajaan yang terlibat.

Akan tetapi didapati bahawa perbuatan seumpama ini, penubuhan suruhanjaya seumpama ini ataupun ombudsman tidak begitu berkesan. Begitu juga dengan Australia. Walaupun disebutkan tadi New South Wales yang digunakannya, tapi bagi sayalah, bagi saya memandangkan pengalaman negara-negara lain seperti UK dan juga Australia sendiri, bukan sahaja New South Wales nya memang satu suruhanjaya hanya untuk polis. Bukan kita hendak mengatakan bahawa salah lakunya hanya berlaku di pihak Polis Diraja Malaysia sahaja, tempat yang lain, agensi yang lain pun ada berlaku juga.

■1610

Akan tetapi kerana masalah ini sangat rumit, walaupun di dalam rang undang-undang ini, kita dapati kebanyakannya mencontohi suruhanjaya yang ada di New South Walenya, ini tidak semestinya...itu bermakna kita akan mendapati satu keberkesanan untuk menangani semua jenis aduan yang akan disampaikan oleh pihak rakyat dan di sinilah walaupun ada rang undang-undang untuk Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan Polis, memang ada langkah ke arah yang betul. Akan tetapi bagi saya, ini tidak mencukupi, saya berharap selepas ia diluluskan ini, kalau kita dapati bahawa suruhanjaya seumpama ini tidak begitu berkesan, maka kita perlulah adakan satu suruhanjaya hanya satu-satunya suruhanjaya untuk polis sahaja. Saya berharap Yang Berhormat dapat mengambil perhatian bahawa suruhanjaya untuk begitu banyak agensi itu tidak begitu berkesan.

Yang Berhormat Padang Rengas akan mendapat tahu pada masa hadapan, memang apa yang saya sebutkan hari ini adalah benar. Di sini pun saya ada satu suruhanjaya untuk *Malaysian Anti Corruption Commission*. Di sini, kita dapati di dalam suruhanjaya ini, walaupun diluluskan pada awal tahun ini, tetapi kita dapati masih dia ada kakitangan itu lebih 2000 tetapi masih ada 20% kakitangan tidak diisi. Dan di sini, kita ada nampak keanggotaannya di sini dan hanya untuk suruhanjaya sahaja dengan ahli-ahli suruhanjaya tidak mencukupi. Kita mesti ada kakitangan yang cukup untuk menjalankan tugas.

Di sini saya hendak menanya, di mana akan ditempatkan suruhanjaya ini, yang pertama? Selain daripada Ahli-ahli Pesuruhjaya, apakah bilangan kakitangan akan diadakan untuk suruhanjaya ini? Adakah kita memerlukan sekurang-kurangnya 2000 atau 3000 kakitangan semua peringkat? Dan saya setuju bahawa di dalam rang undang-undang kita tidak boleh memberi butiran yang begitu lengkap. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Padang Rengas, memang ada jawapan apakah bilangan kakitangan yang bakal diadakan untuk suruhanjaya ini? Dan ini memang perlu diambil perhatian kerana kita dapati di dalam Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ini, SPRM itu, kakitangan tak cukup dan susah kita hendak mengambil kakitangan yang pakar di pelbagai bidang.

Dan di sini juga saya hendak mengetahui setakat mana ada masalah-masalah dan peruntukkan-peruntukkan di dalam Suruhanjaya Integriti ini berbandingkan Suruhanjaya SPRM itu untuk bertindih-tindan di dalam ini dan bagaimana pertindihan ini dapat diatasi supaya suruhanjaya ini dapat dikuatkuasakan dengan berkesan.

Dan Tuan Yang di-Pertua, selain daripada keanggotaan dan masalah pertindihan dengan Suruhanjaya SPRM nya, saya hendak membangkitkan masalah di mana dengan adanya suruhanjaya ini, kalau kita hendakkan suruhanjaya ini benar-benar berkesan, ini memang mestilah suruhanjaya yang bebas. Di sini saya nampaknya itu tidak disebutkan diletak di bawah apa? Sama ada diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri ataupun di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kalau diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri, ini tidak bermakna juga kerana rakyat jelata ini sekarang, dengan pasukan polis sendiri, kerana Yang Berhormat

Sembrong menjadi Menteri, Yang Berhormat Sembrong, ya, Yang Berhormat Sembrong menjadi Menteri Dalam Negeri dan kerana beliau adalah pemimpin UMNO, dan kebanyakan rakyat menganggap ini memang pihak polisnya dipengaruhi oleh UMNO. Ini tanggapanlah.

Akan tetapi, beberapa tindakan polis pun menunjukkan syak wasangka rakyat, memang wujud. Oleh sebab itulah, saya hendak Yang Berhormat Padang Rengas menerangkan kepada Dewan yang mulia ini, di manakah terletakinya? Di bawah Kementerian Dalam Negeri ataupun di bawah Pejabat Perdana Menteri? Dan memang ini satu perkara yang penting, kita hendakkan satu suruhanjaya yang benar-benar bebas, tidak dipengaruhi oleh UMNO, oleh DAP, oleh MCA atau siapa pun, tak boleh mempengaruhi suruhanjaya ini. Dan setakat ini pun, Tuan Yang di-Pertua, saya bagi satu contoh.

Dengan SPRM pun, kerana di bawah Pejabat Perdana Menteri, dianggap oleh kebanyakan orang tidak bebas walaupun Yang Berhormat Padang Rengas pernah mengatakan di Dewan yang mulia ini walaupun di bawah Jabatan Perdana Menteri, Suruhanjaya SPRM itu akan bebas semata-mata, ya? Saya pun berharap demikian. Akan tetapi anggapan, persepsi orang ramai mesti diambil kira. Setakat ini, kita pun tahu, SPRM mengambil tindakan dan orang ramai menganggap tindakan itu tidak begitu adil ataupun berat sebelah dan sebagainya.

Akan tetapi saya setuju bahawa, sebelum kita mengambil tindakan, kita mesti mempunyai bukti yang lengkap. Dan setakat ini, orang ramai menganggap SPRM tidak adil. Semata-mata kerana di bawah Jabatan Perdana Menteri. Dan Yang Berhormat Padang Rengas, kita mestilah mengambil perhatian mengenai hal ini. Mengapa pihak orang ramai masih menganggap SPRM tidak bebas? Mesti ada sebab musababnya dan kerana itu, saya berharap Suruhanjaya Integriti ini satu tempat yang benar-benar bebas, tidak dipengaruhi oleh sesiapa.

■1620

Tambah pula Ketua Pengarah pun mestilah dari golongan yang benar-benar dianggap bebas, dan saya memang mengakui bahawa seorang Ketua Pengarah mestilah mempunyai kelayakan yang cukup, pengalaman yang lama untuk mengendalikan hal yang begitu penting. Di sini saya berharap Yang Berhormat boleh mengambil kira apakah yang saya sebutkan di sini, dan akhir sekali saya menyeru sekali lagi bahawa suruhanjaya yang hanya menumpukan kepada polis diadakan, bukan seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Padang Rengas.

Kalau kita perlukan suruhanjaya untuk kastam, kita adakan satu dan sebagainya tapi jangan *ombudsman* ini memang semata-mata untuk polis, kerana sekarang bilangan polisnya itu sudah lebih 100 ribu. Kita diberitahu akan meningkat bilangan kepada 150 ribu, ini memang kita perlukan satu suruhanjaya yang bebas untuk mengendalikan semua aduan yang timbul daripada 150 ribu anggota polis itu. Jadi baru rakyat boleh lihat dan dunia umumnya boleh lihat, kita mempunyai *ombudsman* suruhanjaya yang benar-benar berkesan untuk mengendalikan segala aduan yang ditimbulkan oleh rakyat.

Akhir sekali saya mengulangi bahawa kita mestilah adakan satu suruhanjaya yang benar-benar bebas, tidak di bawah Kementerian Dalam Negeri ataupun Jabatan Perdana Menteri. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Sungai Siput.

4.23 ptg.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya diri untuk berbahas Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009. Terlebih dahulu saya hendak ucap tahniah kepada Jabatan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Padang Rengas kerana mengemukakan satu rang undang-undang yang pada keseluruhannya adalah baik. *It is a good act.*

Akan tetapi saya rasa ia perlu diperbaiki dalam dua tiga aspek lagi dan satu ialah berkaitan dengan faedahnya kita melantik *commissioner* atau pesuruhjaya. Dalam akta ini, dalam seksyen 5 dikatakan, "*Yang di-Pertuan Agong hendaklah, atas nasihat Perdana Menteri, melantik tidak lebih daripada tujuh pesuruhjaya...*", ini di atas nasihat dan pilihan Perdana Menteri. Dalam seksyen 7, subseksyen 4, "*Pelantikan seseorang Pesuruhjaya boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong*". Jadi ertinya lantikan dan juga batalan ini dalam tangan Perdana Menteri, dan ini menumpukan terlalu banyak kuasa di tangan eksekutif kita. Adalah jauh lebih baik jika proses pelantikan ini dikendalikan oleh suatu pihak yang berasingan, yang bebas dari eksekutif.

Berkenaan dengan menurunkan, menggugurkan daripada itu ada banyak lagi dalam seksyen 8, ada banyak syarat untuk membatalkan serta menurunkan seorang pesuruhjaya yang buat salah.

Jadi selaras dengan prinsip pengasingan kuasa, adalah jauh lebih baik dan kita ada satu *committee*, satu badan yang berlainan untuk melantik. Jika kita tengok pengamalan oleh negara lain macam di negara Nepal. Di Nepal the Human Rights Commission Act, ini *human rights*, tetapi dia ini ada satu *recommendation committee* di mana *recommendation committee* ini ada Perdana Menteri, Ketua Hakim dan Ketua Pembangkang yang menjadikan *committee* ini dan mereka yang rekomen kepada *House* untuk memilih.

Di India lantikan oleh Presiden, tetapi juga berdasar kepada satu *committee* di mana ada *Prime Minister*, ada *Speaker of the House*, *Minister in charge of Home Affairs*, *Leader of the Opposition*. Jadi di beberapa negara lain ada satu proses di mana satu *committee* yang menentukan siapakah orang yang dipilih. Di Indonesia pula ada satu sistem yang sama iaitu Indonesia National Commission of Human Rights di mana *recommendation* akhirnya dipilih oleh *House of Representative*. Jadi Parlimen mereka yang melantik untuk Suruhanjaya ini.

Bagi di Korea pula, untuk Human Rights Commission, dia kata dengan izin, *four person elected by national assembly, four person nominated by the President of the republic and three*

person nominated by the chief justice. Jadi ramai di negara lain, kita ada sini pengasingan kuasa dan saya rasa jika ini boleh dilakukan di Malaysia, *we can do it right for the first time*, boleh kita buat ini, kita tukar hanya itu untuk buat ini pengasingan kuasa, di mana pilihan lantikan pesuruhjaya ditugaskan kepada satu kuasa yang lain.

Satu lagi perkara yang saya ingin ditimbulkan di sini ialah, isu kuasa suruhanjaya ini untuk hukum, kerana pesuruhjaya ini hanya boleh buat siasatan, dia tidak ada langsung kuasa untuk hukum. Jadi di dalam seksyen 30(1), dikatakan, "*Jika Suruhanjaya telah selesai membuat penyiwayatannya berkenaan dengan apa-apa aduan salah laku...*". Ia ada subseksyen (a), jika ada salah laku dia hanya gugurkan kes, jika sub seksyen (b) salah laku merupakan satu kesalahan tatatertib, dia akan rujuk kes ini balik kepada agensi tertentu atau Lembaga Tatatertib dalam polis, dalam JPJ, *goes back to them into* tatatertib.

Dalam seksyen 30(1)(c) jika, "Salah laku itu merupakan suatu kesalahan jenayah, Suruhanjaya itu hendaklah merekodkan dapatannya dan..." rujuk balik or kepada pendakwa raya, *goes back to the public prosecutor* jika ada kes jenayah. Akan tetapi masalah di sini ialah banyak undang-undang kita berkenaan dengan badan-badan penguatkuasaan, akta mereka mempunyai fasal-fasal yang memberikan kekebalan kepada pegawai-pegawai mereka. Umpamanya kita baru luluskan Rang Undang-undang Makanan Haiwan, kembali kepada itu dalam seksyen 45, Rang Undang-undang Makanan Haiwan dikatakan, "Tiada tindakan atau pendakwaan yang boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap -" sesiapa pegawai.

Jadi dalam sini ada satu percanggahan antara 31(c) di mana suruhanjaya ini akan merujuk balik kepada agensi penguatkuasaan itu dan akta agensi itu yang mempunyai fasal ini, kekebalan. *So it's only a show, only a white wash.* Buat siasatan rujuk balik ke situ dan mereka ini dilindungi dan agensi itu tidak boleh ambil tindakan ke atas mereka serta kita punya pendakwa raya tidak boleh buat apa-apa kes terhadap mereka.

■1630

Saya rasa, *it has got to be some enabling clause*, satu klausa baru, satu fasal yang baru yang membolehkan Pendakwa Raya mengambil tindakan di mahkamah terhadap pegawai-pegawai yang dirujuk kepadanya daripada suruhanjaya ini. Jika tidak, iaitu *it is going to be quite useless, no need at all you know*.

Jadi, ini saya rasa dua isu yang harus dikendalikan dan saya rasa ini kena diperbaiki tetapi, keseluruhannya *I think it is a very good act* dan sekali lagi tahniah kepada kementerian. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kubang Kerian. Tidak hendak cakap? Belum berubah kawasan Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk bersama-sama membahaskan rang undang-undang ini. Seperti mana yang telah saya sebut dalam banyak perbahasan sebelum daripada ini adalah bagaimana rang undang-undang ini adalah merupakan rang undang-undang yang dibawa setelah dengan izin, *public outcry* terhadap IPCMC yang asalnya untuk mewujudkan suatu suruhanjaya bagi menambah baik perkhidmatan Polis Diraja Malaysia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Akan tetapi, saya tidak tahu apa yang berlaku dalam perbincangan Kabinet, Menteri yang jambu ini, yang mungkin memberikan pandangannya di atas beberapa isu yang telah diperdebatkan dengan begitu panjang lebar dan akhirnya lahirlah suatu akta, suruhanjaya yang lebih longgar sifat dan cengkamannya. Namun begitu, apabila ianya telah dibentangkan sebentar tadi, ianya mungkin ada ruang dalam sistem yang ada pada hari ini supaya rakyat dapat memberikan pandangan dan pengaduan mereka terhadap beberapa institusi penguatkuasaan yang menghadapi, bukan sekadar kritikan tetapi, menjadi suatu bahan perbualan sama ada masyarakat negara kita mahupun peringkat antarabangsa.

Saya suka di peringkat dasar ini untuk menyentuh tentang, pertama sekali, di atas dasar ataupun *doctrine separation of powers* ini yang memang kita impikan lahirnya satu sistem yang dapat berdiri khususnya Parlimen yang telah menjangkau lebih daripada 50 tahun ini. Apabila kita bercakap tentang *doctrine separation of powers* ini, yang pertama sekali kita mahu melihat badan-badan juri, Parlimen dan juga badan-badan penguatkuasaan ini dapat menampakkan dan bukan sekadar ianya berjalan dengan bidang kuasa masing-masing tetapi, yang lebih penting adalah ia mesti nampak wibawanya dan integritinya.

Pertama, saya ingin memperjelaskan tentang juri-juri mahkamah. Sebagai contoh, beberapa kes lewat sekarang ini menimbulkan beberapa tanda tanya yang menjadi suatu perbualan, menjadi satu kajian yang saya rasa apabila kita membaca MLJ dengan izin,

Malaysian Law Journal ini, saya rasa pelajar-pelajar, anak-anak kita ataupun adik-adik kita yang mengambil jurusan undang-undang ini akan membaca kes-kes yang penting dalam negara. Saya suka membawa di dalam dewan yang mulia ini adalah tentang isu yang paling baru, isu perbicaraan Altantuya sebagai contoh. Ia sudah pun selesai dibicarakan dan hukuman telah pun dijatuhkan.

Namun begitu, ada beberapa persoalan yang saya bangkitkan di sini bukan dengan niat untuk menuding jari kepada sesiapa tetapi, apabila keputusan itu nanti tercatat dan direkodkan dalam MLJ, ia akan menjadi bahan kajian, bahan tontonan, bahan bacaan yang menjadi kes rujukan yang penting dalam menyuburkan lagi proses melahirkan para sarjana undang-undang dalam negara kita.

Masih lagi belum terjawab dengan jelas, walaupun hukuman telah pun dijatuhkan, kedua-dua orang tertuduh dijatuhkan hukuman gantung sampai mati tetapi, paling tidak pun ada lima perkara yang tetap menjadi perbualan dan persoalan yang tidak terjawab pada hari ini. Saya mengharapkan supaya Menteri di JPM ini dapat paling tidak esok dalam sesi penggulungan, dapat memperjelaskan dalam Dewan yang mulia ini tentang persoalan-persoalan yang ingin saya bangkitkan ini.

Pertama, tentang benar atau tidak dokumen keluar masuk wanita Mongolia ini dipadamkan ataupun dihapuskan? Ini mesti dijawab. Adakah sebagai pegawai biasa yang duduk di kaunter imigresen KLIA boleh memadamkan dokumen yang seperti ini? Ya, kita faham kecanggihan sistem pemeriksaan pasport antarabangsa kita tidak perlu di cop lagi tetapi, bagaimana mungkin dokumen ini hilang, tidak boleh di *trace* ataupun tidak boleh dibaca lagi? Ini menjadi satu persoalan yang mesti dijawab kepada rakyat negara ini dan masyarakat antarabangsa yang terus memerhati kes ini.

Kedua, saya difahamkan apabila kita belajar, dengan penuh *respect* kepada Menteri yang menjaga undang-undang ini, beliau memang belajar undang-undang, beliau faham undang-undang dan beliau memang arif tentang undang-undang. Kami di sini hanya belajar undang-undang secara umum sahaja. Tiada PhD akan tetapi, Menteri yang jambu ini ada *barrister-at-law*...

Seorang Ahli: *[Ketawa]* Jambu. Apa jambu?

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:...Faham tentang undang-undang. Jadi, yang penting apabila kita...

Seorang Ahli: Jambu batu kah? *[Ketawa]*

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:...Sedikit sebanyak mempelajari tentang undang-undang ini, kita ingin khususnya apabila kita bercakap Kanun Acara Jenayah, tentang Penal Code dan seumpamanya dan sebab-sebab kematian, kita difahamkan bahawa apabila doktor yang mengesahkan tentang kematian Altantuya ini, mengesahkan dia ditembak dengan dua butir peluru, itulah sebab kematiannya. Kita juga membaca dalam banyak kes-kes yang

melibatkan jenayah sebagai contohnya, satu mayat yang dijumpai. Sebagai contoh, kalau tidak ada pendarahan maka, doktor akan menyebabkan kemungkinan ianya berlaku disebabkan dipukul dengan objek tumpul atau mayat itu terburai jasadnya, doktor akan mencatatkan sebab kematian itu ditikam dengan objek yang tajam. Ini jelas kalau kita mempelajari, paling tidak pun bagaimana sesuatu siasatan itu...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Rasanya bagus kalau Yang Berhormat *still at* bahagian penguatkuasaan. *Don't go into the detail of that case.*

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Ya, ya. Saya hendak cukupkan lima syarat umum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Namun nampaknya, kecenderungan ucapan Yang Berhormat pergi kepada *detail* perbincaraan yang mungkin tidak dijawab oleh Menteri nanti.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tidak *detail*. Secara umum. Saya hendak menyentuh, apa yang sebut tadi tentang *separation of powers* itu mesti jelas dengan memperlihatkan mahkamah, bidang kehakiman eksekutif ini dapat berdiri dan dapat untuk membuktikan ia adil, saksama dan memberikan kesejahteraan kepada rakyat di negara kita.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sedikit penjelasan Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya mendengar hujahan Yang Berhormat Kubang Kerian itu amat menarik. Cuma persoalannya, Yang Berhormat Kubang Kerian selaku anggota Jawatankuasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang baru dilantik. Apabila cadangan Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 ini hendak dicadangkan, adakah bila-bila masa pandangan suruhanjaya yang dilantik ini diminta? Saya faham, baru-baru ini mesyuarat pun tidak dipanggil tetapi, pandangan memandangkan saya rasa SPRM juga bertanggungjawab menentukan integriti dalam negara. Jadi, sebagai suruhanjaya pernah atau tidak mereka minta pandangan daripada suruhanjaya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kubang Kerian, satu lagi Yang Berhormat Kubang Kerian, rasanya kes ini masih lagi dalam *appeal*. Jangan nanti jawapan Menteri ataupun ucapan Yang Berhormat itu boleh mempengaruhi keputusan *appeal* nanti. *So, the crisis* ia boleh jadi *sub judice*, yang itu *you caution yourself please*.

■ 1640

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Baik Tuan Yang di-Pertua, saya faham tentang *subjudice* itu ya, sebab itu saya kata saya hendak menyentuh secara umum saja, paling tidak pun, aduan perkara itu dapat untuk diperjelaskan dan walaupun saya faham ianya proses *appeal* itu masih belum selesai, tetapi paling tidak pun saya mengemukakan kes ini supaya ianya penting, ianya ialah perkara yang mesti diperjelaskan paling tidak pun di peringkat ini dapat menyelamatkan maruah kita dan negara kita yang sama-sama kita kasihi ini.

Mengenai persoalan yang ditimbulkan daripada Yang Berhormat Balik Pulau tadi. Tentang Jawatankuasa Khas SPRM itu, memang saya salah seorang daripada anggotanya dan semalam baru diadakan mesyuarat yang pertama. Itu pun masih di peringkat mendengar taklimat yang diberikan dan saya tidak boleh menjawab lebih daripada itu kerana baru semalam mesyuarat pertama diadakan. Itu jawapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya apabila saya juga meneliti dengan penuh prihatin tentang perkara-perkara yang termaktub di dalam suruhanjaya ini, yang ingin saya sentuh satu lagi ialah tentang peranan pasukan RELA ini, RELA yang juga suatu pasukan yang telah diberikan nilai tambah, pasukan yang diharapkan dapat membantu dan mewujudkan satu sistem keselamatan tanah air kita, di mana saya melihat RELA digunakan khususnya apabila berlakunya operasi besar-besaran dalam menangani masalah PATI dan seumpamanya.

Saya tidak pertikai dari segi mereka ini diberikan nilai tambah, diberikan uniform baru, dinaikkan elaun mereka, itu tidak menjadi masalah bagi kita, dan sewajarnya mereka menikmati penambahbaikan itu, berdasarkan pada khidmat yang mereka berikan. Namun begitu, suatu persoalan yang sangat penting yang saya rasa perlu dilihat oleh pihak kerajaan adalah tentang terdapatnya kes-kes penyalahgunaan kuasa oleh pasukan RELA ini, sering kali kita mendapati bahawa kebanyakan pendatang-pendatang asing ini menerima gangguan seksual, harta benda mereka dirampas, malahan terdapat kes-kes jenayah yang terpaksa dihadapi oleh mereka.

Walaupun mereka ini bukan warganegara kita, tetapi apabila kerajaan mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah PATI ini, kita mengharapkan ia dapat diselesaikan dengan baik dan hubungan dua hala ini dapat dipelihara dan negara tidak kehilangan maruah dan negara tidak menghadapi risiko di dalam hubungan diplomatik dua hala, baik jangka pendek atau jangka panjang. Akan tetapi memang ada terdapat anggota-anggota walaupun tidak semuanya, saya tidak mengatakan semuanya tapi harus diberikan perhatian, ada di kalangan mereka yang menyalahgunakan kuasa, menggunakan kad RELA itu, untuk melakukan tindakan-tindakan yang memalukan negara. Saya mengharapkan ini dapat diberikan suatu tindakan daripada pihak kerajaan terhadap pasukan RELA ini.

Satu lagi aspek yang saya rasakan penting untuk saya sentuh dalam saya memberikan pandangan terhadap suruhanjaya ini ialah bagaimana berlakunya apa yang pernah dialami dan kes ini telah pun saya sebut dalam sesi yang lepas lagi, tentang bagaimana pasukan Polis Diraja Malaysia yang sewaktu itu Yang Amat Setia, IGP kita menjadi Ketua Polis Negeri Johor, dan kalau tidak silap saya tahun 2000 berapa saya tak ingat, tetapi beliau pernah menjadi ketua Polis Johor. Beliau pernah mengeluarkan satu keratan akhbar dan beliau pernah mengatakan dengan tegas bahawa terdapat gangguan-gangguan, terdapat beberapa percubaan yang beliau sendiri alami bahawa pasukan, khususnya pasukan daripada Team D7 diganggu oleh pasukan-pasukan gengster yang akhirnya terbongkar sindiket, ataupun kumpulan Tengku Goh ini.

Saya ada beberapa affidavit yang dibuat, *insya-Allah* saya akan serahkan kepada Yang Berhormat Menteri, saya rasa belum masanya saya menyebut nama mereka satu persatu dalam Dewan yang mulia ini, tapi saya akan serahkan affidavit itu berdasarkan beberapa orang pegawai polis yang berpangkat, ada ASP, ada DSP yang waktu berlakunya pertukaran mereka ke IPK Johor Bahru, bukannya pegawai atasan yang menyambut mereka tetapi yang menyambut mereka, yang mengarahkan, yang mengatur kerja mereka adalah kumpulan-kumpulan gengster ini.

Ini telah menjadi suatu yang dikatakan sangat merbahaya terhadap keselamatan negara. Affidavit ini dilakukan dan mereka telah membuat banyak pengaduan kepada ketua-ketua mereka. Mereka telah membuat banyak aduan kepada pegawai-pegawai atasan mereka tetapi mereka menyatakan dalam affidavit mereka ini, mereka tidak dapat berbuat apa-apa kerana cengkaman yang terlalu kuat terhadap kumpulan ini kepada pasukan Polis Diraja Malaysia.

Ini saya sebut perkara ini supaya menjadi satu perhatian bahawa kalau inilah yang berlaku, sebab itu saya melihat setiap hari di depan ataupun di celah-celah pagar rumah kita ini, ada *business card*, ada risalah yang disebarikan secara berleluasa oleh ah long ini. Kenapa masalah ah long ini tidak dapat diselesaikan? Ada nombor telefonnya, ada alamatnya dan kita hari ini bercakap tentang ah long. Media melaporkan tentang keganasan ah long, kejamnya ah long ini tetapi kenapa masalah ah long ini tidak dapat diselesaikan oleh pasukan polis kita?

Antara sebabnya adalah kerana ada di kalangan syarikat-syarikat ah long ini yang dipegang oleh pasukan-pasukan atau kumpulan gengster ini yang mereka amat berkuasa, digeruni dan kita hari ini mendapati bahawa kegiatan mereka tidak dapat kita selesaikan dengan baik. Ini menyebabkan rangkaian ah long ini bertambah besar, sindiket mereka semakin profesional dan sehingga mereka mengatakan mereka tidak takut pada sesiapa walaupun hari ini Menteri Dalam Negeri mengatakan perang terhadap ah long, saya cukup bimbang nanti ah long juga isytiharkan perang terhadap kerajaan yang ada pada hari ini.

Ini cukup kita bimbang bagaimana saya rasa ada aduan yang seperti ini harus diberikan perhatian oleh pihak kerajaan. Akhir sekali untuk memberikan ruang kepada rakan-rakan yang lain dalam saya memberikan pandangan saya, ya silakan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kubang Kerian. Tadi disebut tentang bagaimana penguasaan kumpulan-kumpulan gengster ini ke atas pasukan polis dan saya percaya bahawa sudah tentu mereka bukan menguasai daripada *rank* yang di peringkat bawah, daripada prebet biasa ataupun Lans Koperal, ataupun Koperal. Sudah tentu ini mempunyai rangkaian dengan pihak pegawai atasan.

Adakah ini bermaksud apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi bahawa ia membabitkan secara langsung pihak Ketua Polis Negara, sebab sebelum ini kita melihat bahawa banyak aduan-aduan yang disebut oleh pelbagai pihak tentang penglibatan Ketua Polis Negara

dalam memberikan ruang yang begitu luas kepada kumpulan-kumpulan kongsi gelap ini, seperti mana yang disebut di Johor Bharu suatu ketika dulu.

Jika ini berlaku, ini menunjukkan bagi saya adakah Yang Berhormat bersetuju menunjukkan bahawa bagaimana kelemahan yang berlaku dalam polis itu sendiri yang memerlukan kepada satu rombakan secara yang lebih besar dan tidak wajar untuk Ketua Polis ini yang saya difahamkan ura-uranya akan disambung lagi perkhidmatannya untuk satu tahun lagi setelah penyambungan tugas dia telah disambung setahun yang lalu, dan kini difahami kepada saya bahawa perkhidmatan beliau itu akan disambungkan lagi.

■1650

Jadi, kalau ini berlaku, maka sudah tentu bahawa, imej polis itu tidak akan dapat diperbaiki, sebab bagi saya bahawa, rang undang-undang ini, yang dibentangkan kepada kita ini, sebenarnya, memperlihatkan bahawa, kerajaan sudah tidak ada kepercayaan kepada pihak polis. Kerajaan sendiri sudah tidak ada kepercayaan kepada pihak polis. Walaupun saya bersetuju dengan rang undang-undang ini, setuju dalam beberapa perkara ini, tapi menunjukkan bahawa, dia kata, kalau ada aduan apa-apa, jangan *report* dekat polis, *report* pada suruhanjaya ini. Maknanya, tidak ada kepercayaan bahawa, polis boleh bertindak secara telus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Saya rasa, pandangan Yang Berhormat Pokok Sena itu juga perlu diberikan perhatian, dan saya rasa, pada zaman Yang Amat Berhormat Kepala Batas menjadi Perdana Menteri dahulu, beliaulah yang sangat tegas, yang memberikan pandangan kepada pembaikan Polis Diraja Malaysia ini. [*Tepuk*] Beliaulah sebenarnya yang mencadangkan supaya IPCMC itu dipercepatkan, dan saya rasa, rakan-rakan yang lain yang bersetuju, iaitu, tahun 2004, di awal beliau memegang tampuk kekuasaan. Beliau mahukan IPCMC ini, dan beliau jugalah yang telah membawa, menegaskan, dan meminta dipercepatkan tentang wujudnya akta SPRM dan suruhanjaya ini. Saya rasa, tidak salah untuk petang ini, kita merakamkan penghargaan kepada bekas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. [*Tepuk*]

KPI yang diuar-uarkan itu, yang dicadangkan, mesti dilihat, benar-benar KPI itu berjalan. Yang Berhormat Pokok Sena tadi mencadangkan supaya, paling tidak pun, saya hendak tahu, kenapakah IGP kita disambung tugas? Sedangkan kalau melihat, saya rasa, tentang KPI kita secara umum terhadap prestasi yang ada dalam negara kita ini, peningkatan kes jenayah, dan kemudian ah long yang berleluasa, dan juga masalah-masalah yang melibatkan tentang keselamatan negara. Rakyat terus mempertikaikannya. Jadi, saya mengharapkan, ada satu *report* tentang KPI, tentang IGP kita ini, tapi dengan penuh penghormatan kita kepada pasukan Polis Diraja Malaysia. Saya rasa, tidak semua, tidak semua di kalangan mereka itu yang bermasalah, kerana pernah disebut oleh bekas IGP bahawa, terdapat 60% lebih pegawai polis kita di Bukit Aman itu yang sangat ingin bekerja dengan ikhlas dan telus, tetapi masih ada lagi

gangguan-gangguan yang perlu diperbetulkan. Kita mengharapkan supaya, isu ini dapat diselesaikan dan kita dapat menikmati satu sistem keselamatan yang lebih baik. Sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya daripada Kubang Kerian. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa saya bersetuju tadi mengatakan bahawa tidak kesemua polis itu yang tidak punya integriti yang tinggi, ada polis yang punya integriti yang tinggi. Akan tetapi, ada masalah juga kepada pihak polis dalam mereka menjalankan tugas ini. Kadang-kadang, ia membabitkan pertembungan kepentingan kerajaan, dengan kepentingan rakyat, dengan kepentingan semua pihak ini. Kadang-kadang, mereka terpaksa diheret dengan percaturan politik bagi kepentingan Barisan Nasional, umpamanya dalam kes-kes yang membabitkan parti-parti politik, khususnya parti-parti pembangkang. Kadang-kadang mereka terpaksa bertindak berlebihan daripada kemanusiaan dan juga peruntukan undang-undang yang telah sedia ada. Jadi, umpamanya, sampai kepada penglibatan mereka untuk mengheret Tuan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri keluar daripada Dewan, umpamanya.

Seorang Ahli: Ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sehingga memaksa mereka untuk menangkap orang yang pakai baju hitam, umpamanya. Sehingga terpaksa mereka menangkap orang yang mogok lapar, orang puasa pun. Lapar pun salah, kenyang pun salah. Jadi, susah bagi rakyat, sehingga memperlihatkan bahawa, tindakan polis itu kadang-kadang, tindakan budak-budak. Apa polis pergi tangkap orang pakai baju hitam? Kena kalau macam Yang Berhormat Padang Serai, kalau dia pakai baju cerah pun, nampak dia gelap, orang tangkap. Macam saya sini punlah. Saya pun gelap juga. Jadi maknanya, ini sudah satu tindakan yang tidak sewajarnya, akibatnya ialah, daripada campur tangan politik ke atas pihak penguat kuasa ini, khususnya kepada pihak polis.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya faham dan pada hari itu pun, saya pun ditangkap sama. *[Ketawa]* Kita haraplah, apa yang berlaku di Perak itu, kita jadikan satu pengajaran dan harap Tuan Yang di-Pertua kita yang mulia, tidak akan diangkat dengan kerusi-kerusinya sekali, keluar daripada Dewan yang mulia ini. Kita harap begitu, ya. Tidak akan berlaku sebegini pada masa yang akan datang, dan saya bersetuju tadi supaya, biar ada wujud suatu *expression of power* itu jelas. Tidak mahu kita melihat, polis dipergunakan masuk ke dalam Dewan itu dan melakukan tindakan-tindakan yang tidak sepatutnya pada hari itu, polis bertindak sedemikian rupa. Kalau hendak menjatuhkan Tuan Yang di-Pertua dalam Dewan, jatuhkan. Itu tidak ada masalah. Seperti Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak pada waktu itu, tidak ada masalah untuk dijatuhkan, tetapi dalam sistem, dalam sistem yang betul, dengan cara yang betul. Bukan dengan cara yang kita lihat pada waktu itu sangat memalukan negara dan dunia pada waktu itu.

Datuk Seri Ir. Mohammad Nizar Jamaluddin [Bukit Gantang]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Sila Yang Berhormat Bukit Gantang.

Datuk Seri Ir. Mohammad Nizar Jamaluddin [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Kubang Kerian, adakah jawapan yang diberikan oleh Menteri Dalam Negeri hari itu, berkenaan dengan tindakan yang dibuat oleh anggota polis, seolah-olah, dia mengesahkan dan membolehkan polis menceroahi Dewan Undangan Negeri. Jadi, di sini saya ingin penjelasan, adakah itu merupakan suatu integriti-integriti yang tinggi. Jadi, kalau boleh kita minta bahawa, pengasingan kuasa itu dijelaskan sejelas-jelasnya, supaya tidak lagi berlaku di mana-mana Dewan Undangan Negeri di seluruh negara Malaysia ini.

Jadi, saya lihat bahawa, jawapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri hari itu, merupakan satu pengabsahan bahawa, pimpinan boleh mengarahkan, ataupun, boleh menceroahi Dewan Undangan Negeri, apabila ada pihak-pihak tertentu yang berkepentingan, mengarahkan mereka untuk melanggar peraturan, dan juga membelakangkan pengasingan kuasa itu sendiri. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kubang Kerian. Terima kasih.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang dan Yang Berhormat Kubang Kerian. Boleh tidak, kita laporkan kepada suruhanjaya baru ini, polis pagi itu menyekat semua orang, termasuk Ahli-ahli Parlimen daripada Perak, Ipoh Timur, dan Ipoh Barat, tetapi membenarkan seorang yang bernama Ganesan untuk masuk ke Dewan itu. Jadi, adakah ini menandakan integriti polis yang cukup teruk, dan oleh itu, boleh dijadikan bahan laporan apabila suruhanjaya ini ditubuhkan.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang dan Yang Berhormat daripada Tumpat. Kalau kita berada pada lokasi ataupun, kita bersama pada hari tersebut, saya memang merasakan bahawa, satu hari yang gelap, yang hitam bagi, bukan sahaja Perak, tetapi bagi pasukan polis dalam negara kita. Saya rasa tidak sepatutnya mereka dijadikan bahan ataupun *shield*, dengan izin kepada suatu persidangan Dewan Undangan Negeri, yang saya pun tidak gembira melihat Kebawah Duli Tuanku Raja Muda Perak, yang terpaksa duduk dalam bilik VIP selama lebih kurang lima jam. Ini sangat-sangat besar kesannya terhadap integriti pasukan polis dan juga integriti bagaimana proses Dewan Undangan Negeri Perak itu diadakan. Jadi, saya mengharapkan, jalan yang terbaik ialah, bubarkanlah saja DUN Perak itu, dan kita pulangkan balik kepada rakyat, sama ada rakyat menerima balik Pakatan Rakyat, ataupun, rakyat mahukan Barisan Nasional. Kita boleh terima dengan dada yang terbuka. Jadi, akhir sekali yang saya hendak sebut dalam membahaskan tentang rang undang-undang...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan sikit.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, saya ada kemusykilan, iaitu, pada pandangan saya iaitu, yang diusung oleh polis itu ialah, ADUN Tronoh, sebab pada jam 11 pagi, Sivakumar ini, Tuan Yang di-Pertua sudah hilang jawatan dia. Bermakna dia bukan Tuan Yang di-Pertua lagi. Jadi, itu yang berlaku, sebab telah diundi usul di Dewan Undangan Negeri itu, dan dia telah hilang kuasa. Apabila hilang kuasa, dia tidak mengaku dia hilang kuasa, maka polis kena mengusung, mengusir dia keluar, dan digantikan dengan Speaker yang baru, yang telah diiktiraf. Bukankah itu yang berlaku?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Kubang Kerian, boleh saya tolong?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada macam itu Yang Berhormat.

Datuk Seri Ir. Mohammad Nizar Jamaluddin [Bukit Gantang]: *[Bangun]*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kalau dia hendak saya tolonglah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bukan... saya hendak... tanya rakan Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Ya, ya, saya akan bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, selepas ini, ya.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Saya jawab dulu. Saya rasa Yang Berhormat Kinabatangan lebih senior daripada saya dalam Parlimen ini. Tuan Yang di-Pertua yang dilantik oleh Perdana Menteri, akan angkat sumpah dulu. Angkat sumpah dulu.

■1700

Duduk di tempat yang betul, di kerusi Speaker. Ini bila masa yang Speaker itu dia mengangkat sumpah sebagai Speaker? Saya rasa Speaker yang lama itu masih lagi *valid*. Masih sebagai Speaker. Jadi saya rasa ini dunia melihat, tidak boleh hendak sembunyi tentang perkara ini. Jadi saya rasa Dewan Undangan Negeri itu mesti berjalan dalam konteks sebuah Dewan Undangan Negeri. Ia adalah Dewan Undangan Negeri yang diberikan penghormatan, yang diberikan segala penghormatan oleh rakyat, integritinya perlu dijaga. Akan tetapi dengan caranya berlaku pada hari itu saya rasa sangat memalukan kita semua sebagai warga negara Malaysia pada hari ini. Sila.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya ingin menanyakan Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh, tanya Yang Berhormat Kubang Kerian Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bukan soalan sebenarnya, ini dalam bentuk hendak memberitahu Yang Berhormat Kinabatangan, bahawa semasa Dewan Undangan Negeri bersidang, atau belum lagi bersidang pada 7 Mei 2009 itu, di mana Speaker ataupun di Parlimen

ini kalau Speaker masih atas kerusi beliau, bolehkah kami adakan satu *sub assembly* dengan izin, di antara kalangan Pakatan Rakyat kita undi seorang Speaker baru, kemudian arahkan Speaker baru ini, arahkan polis mengusung keluar..

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kalau *you* ada majoritilah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tidak ada majoriti, masa itu dia, kita kata adakan *assembly* kecil dalam Dewan. Kemudian pembukaan dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia *Regent of Perak* dengan izin, kemudian tiba-tiba dia dikatakan ditangguhkan. Maksudnya selepas pembukaan tidak ada apa-apa agenda. Bolehkah, dari segi apakah Datuk Ganesan ini boleh menjadi seorang Speaker yang sah? Kalau tidak ikut undang-undang boleh jadi sah pun, pada hemat kami di Negeri Perak ini sekarang ini merupakan sebuah negeri yang tidak ada undang-undang. Negeri Perak sudah menjadi sebuah negeri polis dan dalam usul saya di Parlimen ini, saya sudah nyatakan lebih daripada 13 kesalahan pihak polis yang langsung tidak ada apa-apa tindakan diambil dan daripada jawapan Menteri Dalam Negeri, beliau melindungi mereka lagi.

Jadi dari segi ini, kita amat sedihlah kerana sebab itu saya pun hendak menekankan, kalau Yang Berhormat Kubang Kerian setuju bahawa pengasingan kuasa itu begitu penting sekali, kalau tidak *bil* ini kalau pun diluluskan mungkin nanti dalam perbahasan saya, akan menjadi sebuah lagi *public complaint bureau* yang sama di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Ya, saya rasa untuk memudahkan hasrat Yang Berhormat Beruas tadi, saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat Kinabatangan bahawa kita tidak kisah kalau jatuhkan dalam sistem yang betul, dalam cara yang betul okey, *we deserve it*. Akan tetapi dengan cara yang sebegini, dengan cara yang sedemikian rupa, menggunakan segala kekuatan yang ada yang dikerah pada waktu itu, kita menunjukkan sesuatu sistem kita seperti berjalan dengan cara yang tidak betul.

Jadi saya mengharapkan perkara ini dapat diperbetulkan dan cara yang terbaik ialah bubarkan DUN Perak dan kembalikan mandat itu kepada rakyat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Yang Berhormat rakan saya daripada Kubang Kerian. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bersetuju kah pihak Barisan Nasional kata, mereka ini, sekarang ini, kerajaan ini sah, sebab mereka kata sahlah. Yang Berhormat setuju atau tidak dengan saya bahawa, dia ini ibarat macam "*kawaq curi ayam*". Yang Berhormat Kepala Batas fahamlah "*kawaq*" kan. Dia curi ayam selepas itu dia pergi sembunyi, bawa ayam itu dia lapar, selepas itu dia kata hendak makan kena sembelih ayam ini mereka kata.

Lebih kurang begitulah, puak ini serupa, curi ayam selepas itu hendak makan kena sembelih. Jadi dia cari apa-apa alasan untuk menghalalkan benda yang dicuri.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: [*Ketawa*]. Yang Berhormat Kinabatangan pun ketawa, itu satu manifestasi bahawa betullah itu. Cuma tidak berani kata betul. Jadi terima

kasih sahabat-sahabat, rakan-rakan yang telah pun memberikan pandangan mereka dan kita Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita tidak mempunyai masalah. Jatuh bangun dalam dunia demokrasi ini, yang penting ialah kita menegakkan dan kita mahu menegakkan sebuah sistem yang kita rasa perlu untuk kita lanjutkan pada generasi kita yang akan datang.

Akhir sekali, saya hendak sebut tentang biar jelas apa yang dikatakan *the separation of power* - pengasingan kuasa dan juga apa yang lebih penting daripada itu adalah Parlimen kita dan sistem perundangan negeri juga mengamalkan sistem pengasingan kuasa dan percantuman kuasa. Di sini saya melihat kalau kita benar-benar boleh merujuk dan percaya bahawa kita memang mengamalkan apa yang dikatakan kita meniru ataupun kita menerima Parlimen dan perjalanan Dewan Undangan Negeri cara Westminster ini. Saya hendak sebut tentang apa yang disebut oleh Prof. Aziz Bari, seorang pensyarah tersohor undang-undang dalam negara kita dan beliau memetik kata-kata David Robertson tentang istilah ini, beliau mengatakan dengan izin, “*Britain’s system of Cabinet government has been exported to other countries notably those of the Commonwealth. Whatever the norms and practices of Cabinet government may vary slightly from one country to another*”.

Saya rasa kalau benar kita ingin menterjemahkan dan kita akur, dan PAS sendiri pun akur dengan apa yang ada pada hari ini. Kita diajak di atas sistem ini, jadi tidak mempunyai masalah untuk kita berkongsi memberikan pandangan dan sumbangan kita supaya proses ini berjalan. Ada yang dikatakan *the separation of power* - pengasingan kuasa dan adanya percantuman kuasa. Oleh itu saya mengharapkan apa pun yang akan disebut di dalam rang undang-undang ini tentang *complaint*, tentang aduan dan seumpamanya, saya mengharapkan ia tidak akan menjadi satu suruhanjaya yang walaupun depan mata kita, saya ulang lagi sekali, yang menjadi harapan tinggi bekas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita terhadap BPR di *upgradekan* kepada SPRM.

Sudah wujud satu suruhanjaya yang diharapkan dapat memberikan suatu nafas baru. Ada satu anjakan yang besar, tetapi bila kita melihat Ketua Pengarahnya begitu tegas berdiri tentang isu *cows and car*. Akan tetapi bila runtuhnya bumbung Stadium Terengganu, bila berlakunya kes-kes yang berprofil tinggi, menyepi diri tidak menampakkan wibawanya.

Jadi saya mengharapkan apa pun suruhanjaya yang akan diluluskan dan Suruhanjaya Integriti ini kita mangharapkan bahawa ia memberikan satu nafas baru dalam kita mangharapkan bagaimana kita mesti dapat untuk memperlihatkan apa-apa yang kita hajatkan menjadi suatu yang baik dan terbaik untuk rakyat dan negara kita. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batang Sadong.
5.09 ptg.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang ini. Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan terutama sekali mantan Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri kita kerana hasrat beliau untuk membawa perkara ini dan dijadikan satu undang-undang untuk kita menguatkuasakannya. Oleh kerana saya menyokong rang undang-undang ini, saya hanya hendak menekankan beberapa perkara di mana rang undang-undang ini membantu dan kita menampakkan hasrat kerajaan yang begitu jujur dan begitu telus untuk mempertingkatkan prestasi agensi-agensi kerajaan kita.

Sering kali kita dengar ramai yang terutama sekali daripada rakan kita di sebelah sana baru tadi menyentuh agensi polis, Polis Diraja Malaysia. Saya rasa itu adalah satu kenyataan yang tidak begitu adil bagi agensi berkenaan, kerana semua agensi yang menguatkuasakan undang-undang, *they are people* dengan izin, *they are dealt thru individuals* iaitu *human being* secara dengan izin. Kita tidak dapat lari dari kelemahan manusia dalam mengendalikan sesuatu kerja. Jadi apabila lulusnya rang undang-undang ini bukanlah ia merupakan suatu undang-undang di mana kita tidak mempercayai agensi-agensi kerajaan.

■1710

Ini adalah satu usaha untuk mempertingkatkan lagi prestasi supaya kita menjadi lebih efisien dan lebih telus dalam menjalankan tugas kita. Kita lihat dari segi seksyen 15 mengenai perunding, melalui seksyen ini kita memberi peluang untuk mereka yang telah berpengalaman, untuk diberi ruang berkhidmat kepada suruhanjaya ini untuk membantu.

Bagi mereka yang mempunyai kemahiran dan mempunyai pengetahuan dalam bidang-bidang tertentu boleh berkhidmat dan sekiranya mereka merasa mereka orang yang begitu baik dan jujur. Saya rasa suruhanjaya dan mana-mana orang ataupun individu-individu yang bertanggungjawab untuk melantik sesiapa yang boleh melayakkan diri dalam jawatankuasa ini boleh memberi perkhidmatan yang baik dan *continue*, dengan izin, *continue* dia punya khidmat kepada masyarakat melalui agensi ini.

Satu lagi saya nampak, seksyen 17 iaitu seksyen yang memberi kelonggaran di mana ia menyatakan suruhanjaya boleh menubuhkan apa-apa bilangan petugas yang difikirkannya perlu untuk membantu suruhanjaya melaksanakan fungsinya dengan berkesan dan efisien di bawah Akta ini. Ini memperlihatkan satu kelonggaran yang dibukakan oleh suruhanjaya untuk meluaskan lagi, untuk membantu kerajaan apabila kita mempunyai sesuatu masalah dengan agensi-agensi kerajaan. Ini adalah satu peluang yang dibukakan oleh suruhanjaya melalui rang undang-undang ini untuk membantu meningkatkan lagi prestasi.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Batang Sadong, saya tanya sedikit boleh tidak? Minta penjelasan sedikit ya. Sedikit sahaja.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Saya beri...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Saya... Memang banyak perkara yang saya bersetuju dengan Yang Berhormat Batang Sadong, terutama sekali saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kepala Batas, terima kasih. Komitmen juga ditunjukkan hari ini kerana hadir. Terima kasih. Orang muda saya kagum, kena *put on record*.

Yang Berhormat Batang Sadong, saya hendak bertanya sebab, menubuhkan *task force* dan sebagainya ini. Pada pandangan Yang Berhormat Batang Sadong ini masalah hendak wujud *task force* kah? Hendak lantik *consultant* atau masalah integriti? Sebenarnya di mana ini? Masalah tidak cukup berani pegawai hendak buat keputusan, tidak cukup kakitangan atau Jumlah? Pada pandangan saya, keberanian hendak membuat keputusan itu atas... Itu yang kurang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tanya, sudah jawab sendiri sudah itu.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tidak, itu yang hendak tanya, dari segi itu... Sebab apa, saya tengok dari segi... Yang Berhormat Batang Sadong kagum ada peluang untuk jadi *consultant*, ada peluang untuk buat *task force*. Akan tetapi, pada pengamatan saya Yang Berhormat Batang Sadong tidak kurang pengalamannya juga, apa masalah integriti ini sebenarnya? Sebab kita akan buat *task force*, jumlah wang yang besar akan digunakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih di atas soalan tersebut. Ini bukan sahaja mengenai, bukan pasal integriti kerana ramai telah menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap agensi-agensi kerajaan. Saya percaya dengan wujudnya rang undang-undang ini memberi peluang kepada suruhanjaya untuk menjalankan tugas mereka. Kita memberi peluang kepada orang-orang yang menyoal tadi untuk melihat sendiri, menyaksikan sendiri kesungguhan kerajaan supaya kita meningkatkan lagi prestasi, seperti yang saya katakan tadi.

Kalau kita lihat di dalam seksyen 24, ruang lingkupnya amat meluas untuk membantu agar suruhanjaya ini menjadi lebih..., *they have more integrity*, dengan izin, *more integrity* dan juga lebih luas skop mereka untuk menjalankan tugas. Sekiranya kita dengar ramai orang yang banyak membuat aduan mengenai agensi-agensi kerajaan tidak membuat kerja. Inilah peluang mereka, kita buka ruang untuk orang ramai, orang awam untuk mendapatkan satu lagi platform untuk mengadu masalah di mana agensi tidak membuat kerja. Sesiapa yang sepatutnya menjalankan tugas mereka dengan baik, untuk menjalankan tugas mereka.

Saya berharap..., oleh kerana saya menyokong rang undang-undang ini dan saya berharap apabila rang undang-undang ini diluluskan biarlah kita sebagai agensi ataupun kerajaan yang bertanggungjawab menguar-uarkan hak-hak rakyat untuk menggunakan suruhanjaya ini. Apabila ianya diluluskan, untuk mereka menyuarakan hak-hak mereka sebagai rakyat kerana terlalu ramai kita dengar terutama sekali dari sebelah sana. Hari-hari kita mendengar pihak polis, pihak agensi-agensi kerajaan tidak menjalankan tugas mereka.

Jadi gunakan ruang ini, sama-samalah kita menyokong supaya ianya diluluskan, supaya kita dapat sama-sama menggunakannya dan kita menyaksikannya sendiri. Ini menjadikan KPI sama-sama, yang membawa undang-undang ini, dan KPI orang dalam Kerajaan Barisan

Nasional menunjukkan ketelusan, kejujuran dan kita sama-sama hendak melihat supaya kerajaan kita menjadi satu kerajaan yang lebih efisien dalam menjalankan tugas.

Dengan itu, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada mantan Perdana Menteri kita kerana komitmen beliau untuk menyaksikan sendiri produk yang telah beliau perkenalkan untuk kita semua. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sekarang sepatutnya apabila kita berbahas, apa fokus Dewan yang mulia ini?. Sepatutnya fokus ialah asal-usul rang undang-undang ini ialah oleh kerana Suruhanjaya Diraja mengenai polis yang ada ditubuhkan oleh Yang Berhormat Kepala Batas, Yang Berhormat yang ada di sini. Ini saya kata antara satu perkara yang baik beliau ada buat dalam masa lima tahun sebagai Perdana Menteri. *[Tepuk]* Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Kepala Batas, *one of the few good things* Yang Berhormat ada buat sebagai Perdana Menteri.

Akan tetapi sungguhpun *the Royal Police Commission and Enquiry* apabila ia ditubuhkan, seluruh negara begitu ada harapan yang tinggi bahawa *at last* kita ada seorang pemimpin yang tertinggi yang faham masalah dan rintihan rakyat. Oleh kerana semasa itu, rungutan-rungutan mengenai polis begitu banyak, oleh kerana rakyat dapati bahawa mereka sudah hilang dua hak asasi.

Pertama, *fundamental right to be free from crime*, dan kedua *to be free from the fear of crime* sudah hilang. Suara mereka, *cry* mereka tidak dihiraukan sehingga Yang Berhormat Kepala Batas menjadi Perdana Menteri. Pada bulan Disember dia umumkan *Royal Commission and Enquiry in the police* dan disambut dengan baik di seluruh negara, semua lapisan masyarakat oleh kerana kita mahu satu pasukan polis yang cekap, profesional. Boleh memainkan peranan untuk menjaga keselamatan negara, *law and order* dan lain-lain lagi. Akan tetapi apabila Yang Berhormat Kepala Batas menjadi Perdana Menteri, 30 Oktober 2003 itu bukanlah senario. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat oleh kerana semasa itu tahu masalah ini utama dan menubuhkan *Royal Commission and Enquiry*.

Kita tunggu Mei 2005, Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia di bentangkan. Dengan 100 perakuan, dan perakuan yang terpenting sekali ialah untuk menubuhkan *Independent Police Complaints and Misconduct Commission (IPCMC)*. Perdana Menteri pada masa itu setuju, membuat komitmen akan menubuhkan IPCMC.

■1720

Oleh kerana bukan kita tidak mahu, bukan rakyat tidak suka, tidak sokong polis. Kita mahu di mana-mana negara polis satu institusi yang penting. Tak boleh lari. Kita mahu mesti ada satu institusi polis yang cekap dan profesional dan apa *recommendation with the Royal Police Commissioner inquiry*. 125 perakuan dengan tiga *core functions* telah dicadangkan. *Reduce crime*, kurangkan jenayah. Kedua, untuk membasmi rasuah. Ketiga, untuk *uphold human rights, respect human rights*. Ini cadangan *Royal Police Commissioner Inquiry* ialah tiga *core functions* ini patutlah diutamakan dan untuk mencapai tiga *core functions* ini cadangan penting supaya mengelakkan segala penyalahgunaan kuasa *abuses, accesses*, salah laku, korupsi dan lain-lain ialah *Independent Police Complaint Misconduct Commission*.

Yang Berhormat sebagai Perdana Menteri masa buat komitmen tetapi *when I said a few good deeds he has done one of the deeds has failed fulfill* ialah untuk *go through with this IPCMC*. Kenapa? Bolehkah Yang Berhormat berdiri di sini dan jawab kenapa semasa menjadi Perdana Menteri gagal untuk melaksanakan IPCMC? Bolehkah? Saya beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada macam itu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini mustahak!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat berucap sahajalah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan *concerns me*. Ini *concern* negara, *concern* generasi-generasi akan datang. *Why? Why that you fail to establish IPCMC? Can you answer? Can you answer?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Menteri akan menjawab Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan, Perdana Menteri masa itu oleh kerana bantahan pihak polis. Adakah *the political leadership above the police or the police above the political leadership?* Saya tahu Yang Berhormat Kepala Batas orang baik. *Good heart* tetapi *need political will, need political will* dan sekarang apa keadaan sekarang. Lima tahun sudah lepas oleh kerana *objection* dan apa kita lihat masa itu *as good as*, bolehkah *police revolt*. Bagaimana kita boleh benarkan *police revolt?* Kenapa *political leadership* tidak ada di sana? Ini sangat *a black chapter* dalam pemerintahan Yang Berhormat sebagai Perdana Menteri *allow the police revolt* sungguhpun *later on* mereka ubah sedikit. Kata bahawa mereka biarlah kepada *political leadership* buat apa-apa keputusan mengenai sama ada mahu IPCMC atau tidak mahu IPCMC. Akan tetapi kita tahu mereka *has sent the message no IPCMC. No IPCMC*.

Sungguhpun luaran ialah kita terima kalau mahu IPCMC tapi mesej di sebalik kepada Perdana Menteri, kepada pucuk pimpinan, kepada *Cabinet you told the line and the Cabinet told the line to the police. I think there's a bad example to set*. Tengok apa yang berlaku dalam lima

tahun ini. Patut kita ada bincang sekarang rang undang-undang mengenai IPCMC tetapi kita ada rang undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan. Patutlah hari ini Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri tidak berada di sini menghadapi soalan ini, tidak. Menteri di Jabatan Perdana Menteri di sini. *Where is a Home Minister?* Oleh kerana antara lain ialah polis. Senarai di sini semua ada polis *the last one and the most important one. Where is the Minister?* Kenapa kita mahu tubuhkan satu agensi penguatkuasaan oleh kerana kita mahu melaksanakan *Royal Police Commission Inquiry Report* supaya polis boleh memainkan tiga *core function. Reduce crime, eradicate corruption and uphold human rights.*

Ini patut kita adakan satu perbahasan. Lima tahun ini apa prestasi pihak polis dalam ketiga-tiga segi ini? *Reduce crime?* Adakah *reduce crime?* Laporan ini masa itu ada bincang mengenai *crime* yang kata kejadian jenayah telah meningkat dengan mendadak sejak beberapa tahun lalu iaitu daripada 121,176 kes pada tahun 1997 kepada 156,455 kes pada 2004 masa itu *latest statistic* 2004. Peningkatan sebanyak 29%. Keadaan ini menjejaskan reputasi Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat.

Keadaan ini pada umumnya membimbangkan rakyat Malaysia, ahli perniagaan dan pelabur asing. Apa yang dikhuatirkan ialah jika arah aliran ini berterusan ia akan memberi kesan besar terhadap aspek sosial dan ekonomi Malaysia. Itu tahun 2005 mengenai angka statistik 2004 yang kata bahawa *crime index 156,000 intolerable*, menakutkan *investor*, tidak memberi keselamatan kepada rakyat, kepada pelawat-pelawat dan tidak boleh diteruskan. Apa cadangan? Cadangan ialah sekurang-kurangnya bahawa PDRM hendaklah mensasarkan kadar minimum 20% bagi mengurangkan jumlah jenayah untuk setiap kategori masa bulan selepas laporan ini diterima dan dilaksanakan. Sekurang-kurangnya turunlah, kurangkan 20% dalam *first 12 months*. Adakah ini berjaya? Bolehkah kita laporkan bahawa 150,000 *case incident crime* terlalu tinggi tidak boleh diterima? Apa *crime index* sekarang? Tengok *crime index* 2006, 2007 bukan sahaja tidak kurang 150,000 terlalu tinggi, sangat bahaya, *chase away investors*. Perlu kurang 20% kepada 130,000. Tengok 2007 pecah 200,000 garisan. 2007 - 209,582. 2008 - 211,645. *Galloping crime index endemic crime*. Mana itu KPI?

Saya harap Yang Berhormat Menteri yang jaga KPI menumpukan kepada perkara *crime index police*. Keselamatan rakyat di Malaysia. Sebab itu kita perlu IPCMC yang boleh memantau dan menjaga kepentingan semua rakyat termasuk pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Sekarang mungkin Menteri-menteri sangat selamat ada eskot. Tak ada eskot macam mana? Tengok berita surat khabar *ex-minister, ex-IGP, ex-governor* semua menjadi mangsa. Mangsa! Bukankah kita juga perlu. Ini *national interest* dan jenayah sudah sampai satu tahap orang tidak rasa selamat lagi. Yang Berhormat *Home Minister* dua hari lalu pergi Kuala Lumpur Chow Kit sangat baik *time spot, the spot-check very good* tapi ini *good for PR*. Tidak selesai atau hapuskan jenayah. Berani kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sambung hari Isnin.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Thank you.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk membacakan usul.

■ 1730

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 16(3)

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Penggunaan Teknologi Carbon In Leach (CIL) Bagi Pemprosesan Emas

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat.

5.31 ptg.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Selamat petang kepada Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan untuk memberi ucapan di dalam Dewan yang mulia ini. Sebelum saya memulakan ucapan, saya di sini terima kasih kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani mengadakan Majlis Pesta Buah-buahan Tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat baca teks ucapan Yang Berhormat.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Dalam Mac tahun 2007, Raub Australian Gold Mining Sdn Bhd telah memulakan pembinaan kemudahan memproses emas menggunakan teknologi “Carbon In Leach” walaupun terdapat bantahan tegas oleh masyarakat persekitaran di Bukit Koman. Pakar-pakar sains dan toksikologi alam sekitar dari Universiti Nevada dan telah membuat kajian ke atas PEIA berkenaan dan berdasarkan satu lawatan ke kampung tersebut. Kesimpulannya, ialah penduduk-penduduk mungkin mendapati bekalan air bawah tanah dan air

permukaan tercemar akibat pemindahan bahan-bahan toksik daripada efluen dalam kolam efluen dan daripada *tailings* yang dirawat yang akan diletakkan dalam lubang terbuka memandangkan tidak adanya maklumat yang penting dalam PEIA berkenaan efluen dan *tailings* tersebut.

PEIA tersebut telah diluluskan 10 tahun dahulu dan dianggap lama dan ketinggalan zaman sebab piawaian dalam industri perlombongan sendiri telah berubah, dan juga sebab terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa kemudahan yang dibina dan lombong tersebut adalah lebih besar daripada yang dinyatakan dalam PEIA tersebut. Penduduk –penduduk telah menulis kepada JAS supaya DEIA dikemukakan. JAS enggan membuat demikian. Pakar-pakar telah menunjukkan bahawa PEIA telah gagal untuk mengambil kira atau membincangkan impak projek tersebut ke atas penduduk-penduduk persekitaran, termasuk:

- (i) PEIA berkenaan tidak mematuhi piawaian antarabangsa. Pencegahan dan semua maklumat perlu ada sebelum projek dimulakan dan alahan ini tidak dipatuhi;
- (ii) projek tersebut diramalkan menjana 2 juta ton amang. Pada masa ini tidak terdapat sebarang maklumat tentang cara amang ini akan dibuang atau dilupuskan;
- (iii) bahan-bahan buangan ini mengandungi logam berat toksik seperti arsenik, kadmium, dan merkuri daripada proses-proses sebelumnya. Butir-butir spesifik komposisi kimia bahan-bahan buangan ini tidak dibekalkan dalam PEIA;
- (iv) akibat tahap mineral yang mengandungi sulfida yang mungkin terkandung dalam bahan buangan tersebut, '*treated tailing*' tersebut mengemukakan satu masalah persekitaran yang dikenali sebagai '*acid mine drainage*' (AMD) yang dapat meracuni sumber air di persekitaran untuk beratusan tahun.

Walaupun kes masih sedang didengar oleh mahkamah, RAGM telah pun memulakan operasi pada bulan Februari 2009. Sejak bulan Februari, seramai 300 aduan dari penduduk tempatan dilaporkan telah jatuh sakit akibat pengeluaran asap beracun yang disyaki adalah sulfur dioksida. Gas sulfur dioksida ini telah menyebabkan pada penduduk tercekik, pening, loya, mengalami kesukaran pernafasan dan sakit kepala. Selain daripada impak fizikal, penduduk juga mengalami tekanan emosi yang serius. Aduan mengenai pencemaran yang berlaku telah dikemukakan kepada pihak-pihak berkuasa tetapi tiada sebarang tindakan yang sepatutnya diambil. Sebaliknya, penduduk menghadapi gangguan polis.

Enam penduduk termasuk plaintif-plaintif dalam tindakan undang-undang telah ditangkap pada lewat malam 20hb April 2009 dan ditahan bagi penyiasatan pencerobohan jenayah yang dikatakan berlaku semasa lawatan pakar-pakar pada bulan Jun 2008. Adakah RAGM menyediakan apa-apa jaminan-jaminan kewangan untuk menahan dan membersihkan sebarang

pencemaran bahan toksik yang dihasilkan? Adakah RAGM tidak memberi sebarang bon untuk memastikan langkah-langkah pemulihan boleh dilaksanakan dengan betul sekiranya pencemaran berlaku? Dikatakan projek tersebut kini mungkin menjadi dua kali ganda lebih besar daripada projek asal untuk mana PEIA diluluskan, menyebabkan PEIA tersebut lama dan ketinggalan zaman. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bakri. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kaedah "*Carbon In Leach*" yang diamalkan oleh syarikat lombong emas telah dikaji dan diteliti oleh Jabatan Alam Sekitar semasa memproses Laporan EIA cadangan projek tersebut. Rujukan telah dibuat kepada pihak-pihak berkuasa luar negara seperti *United State Environmantel Protection Agencies* dan *Department of Mineral and Energy Western Australia* dengan izin yang lebih berpengalaman agar operasi perlombongan tersebut benar-benar dapat mematuhi kehendak peraturan dan perundangan Jabatan Alam Sekitar.

Setelah pihak Jabatan Alam Sekitar mendapati teknologi "*Carbon In Leach*" dengan izin tidak akan menjejaskan alam sekitar, maka laporan EIA diluluskan. Jabatan Alam Sekitar mendapati bahawa kebimbangan yang dikemukakan oleh penduduk Kampung Sungai Liur, Raub Pahang terhadap penggunaan bahan kimia *cyanide* pelombong emas Bukit Koman ini telah diambil kira dalam laporan EIA tersebut. Dalam kajian laporan EIA yang dikemukakan oleh pemaju projek dinyatakan dengan jelas langkah-langkah tempatan atau *mitigation, mitigating majors* dengan izin yang perlu diambil dalam penggunaan *cyanide*. Air yang digunakan dalam pemrosesan emas yang mengandungi *cyanide* disalurkan ke kolam mendapan serta di kitar semula. Tidak ada *effluen* dibenarkan keluar.

■1740

Kolam mendapan tersebut untuk menyimpan bahan logam toksik termasuk sulfida dibina mengikut piawaian antarabangsa. Dalam mereka bentuk kolam mendapan ini, Syarikat Raub Australian Gold Mining Sdn. Bhd. telah melantik juru perunding antarabangsa iaitu ... Resources Private Limited dari Afrika Selatan supaya mereka dapat mematuhi standard-standard yang ditetapkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains.

Di samping itu, kolam ini juga dilengkapi dengan sistem pengesanan kebocoran. Pihak pelombong juga menyediakan sistem rawatan air, kecemasan sebagai pelan kontingensi jika berlaku *affluent* yang terkeluar. Alat tetap untuk memantau *cyanide* juga dipasang di samping penganalisan harian ke atas sampel air di lokasi yang telah ditetapkan.

Aktiviti melombong emas tidak memerlukan kajian EIA yang terperinci. Laporan EIA bagi projek lombong emas tersebut telah diluluskan berdasarkan kepada langkah-langkah kawalan yang dicadangkan berupaya mencegah dan mengawal pencemaran. Kementerian ini sentiasa mengawasi keberkesanan langkah-langkah kawalan pencemaran yang dilaksanakan oleh

syarikat ini secara berjadual dan pada bila-bila masa supaya syarikat lombong emas tersebut mematuhi semua syarat EIA yang telah dikenakan ke atasnya.

Untuk makluman Yang Berhormat pada hari ini adalah 25 Jun 2009, satu mesyuarat bagi meneliti kes aduan berhubung kesan bahaya penggunaan haram *cyanide* dalam aktiviti melombong emas di Bukit Koman terhadap kesihatan penduduk telah diadakan di Pejabat Biro Pengaduan Awam Negeri Pahang. Mesyuarat itu telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Datuk T. Murugiah, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Ia dihadiri oleh wakil-wakil dari Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang, Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Pahang, Pejabat Daerah Raub, Aktivis Alam Sekitar serta turut dihadiri oleh beberapa orang awam dan wakil-wakil media.

Mesyuarat tersebut telah memutuskan bahawa Syarikat RAGM telah mematuhi semua garis panduan yang ditetapkan. Tidak ada kesan keracunan *cyanide* ditemui. Penggunaan *cyanide* dalam aktiviti melombong oleh syarikat tersebut juga tidak menjejaskan kesihatan penduduk setempat seperti diadukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemajak telah pun membayar sejumlah RM25,875 kepada pihak Kerajaan Negeri Pahang sebagai bon untuk tujuan mengambus dan merata. Dalam hal ini, tuduhan dalam artikel yang disiarkan oleh Malaysia Kini pada 24 Jun 2009 adalah tidak benar sama sekali, khususnya dalam penghantaran *cyanide* dari pelabuhan ke premis syarikat melombong emas. Pengangkutan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan antarabangsa, iaitu International Cyanide Management Code For The Manufacture, Transport and Use of Cyanide in The Production of Gold.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang sentiasa menentukan bahawa apa-apa kegiatan industri di negara ini termasuk aktiviti melombong emas tidak akan menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Oleh itu, kerajaan telah mewujudkan undang-undang dan garis panduan untuk mengawal aktiviti perindustrian serta perlombongan emas. Terima kasih.

Penggantungan Myanmar Dari ASEAN Serta-Merta

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat.

5.44 ptg.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Parti DAP mendesak Kerajaan Malaysia memulakan proses untuk menggantung Myanmar dari keanggotaan ASEAN sehingga demokrasi dikembalikan di negara itu. Ketidakadilan di suatu tempat adalah ancaman kepada keadilan di mana-mana jua dengan izin, *in justice anywhere is a trap to justice everywhere*.

Apa yang berlaku kepada Aung San Suu Kyi sepatutnya menjadi sisipan terakhir kepada keanggotaan Myanmar dalam ASEAN sejak 1997. Berdasarkan kepada harapan yang palsu konon-kononnya *constructive engagement* sebagai sebahagian daripada negara-negara ASEAN termasuk Malaysia mampu menyelesaikan masalah di Myanmar memang sepatutnya digantung serta-merta.

Pada September 2007 20,000 rakyat Burma atau Myanmar berarak secara aman menyusuri jalan-jalan di Yangon menuntut kebebasan untuk Aung San Suu Kyi, pemimpin Liga Kebangsaan untuk demokrasi yang menang besar dalam pilihan raya pelbagai parti pada tahun 1990. Revolusi Jingga Myanmar menjadi bukti kepada kuasa pembangkang secara aman menjadi lambang kepada kekuatan sebagai sebahagian daripada rakyat Myanmar atau Burma yang dahulunya membenarkan suara mereka kekal bisu.

Pengalaman, penguasaan tentera junta secara ganas dan tindas yang disaksikan oleh masyarakat antarabangsa terhadap kuasa pemerintah yang disekat bantuan dan campur tangan luar dengan melampau sehingga rakyat Myanmar merana di bawah kekuasaan junta tersebut. Pemerintah tentera di Myanmar mengawal industri utama, manakala korupsi dan salah urus yang serius menjadi budaya dalam ekonomi yang dipacu oleh pasaran gelap.

Penindasan tentera terhadap pemberontakan telah menjadikan ribuan rakyat kehilangan tempat tinggal, dipaksa merantau merentas negara sendiri dan lautan ganas bagi menghadapi tirani sebagai imigran tanpa izin atau sebagai suaka yang tidak diundang di negara lain. Saya berasa amat sedih apabila mendapat berita bahawa pemimpin Myanmar yang sah, tetapi tidak dibenarkan mentadbir sebagai parti pemerintah telah ditahan kerana melanggar syarat tahanan di rumah yang dimaktubkan selama 19 tahun penahanannya, yang sepatutnya tempoh tersebut berakhir penghujung Mei ini.

Pada hari-hari terakhir sebelum pemegang anugerah nobel dijadualkan dibebaskan dari cengkaman tahanan rumahnya Aung San Suu Kyi didakwa dengan pertuduhan baru kerana membenarkan seorang individu melawatnya, dan kini berhadapan dengan penahanan untuk satu tempoh yang baru. Individual yang berkaitan ialah seorang berbangsa Amerika, yang berenang

merentasi sebuah tasik untuk memasuki rumahnya dan menginap di rumah tersebut selama dua hari.

Peguam-peguam pemimpin pro demokrasi di dalam hujahnya memberitahu bahawa lelaki tersebut tidak diundang ke rumah tersebut. Langkah ini oleh junta Myanmar bertujuan untuk mengekalkan Aung San Suu Kyi ditahan sehingga pilihan raya 2010, yang mana pihak tentera berharap dapat menggunakan pilihan raya itu sebagai alasan untuk berkuasa secara sah. Dengan ini, saya berharap Kerajaan Malaysia boleh memulakan proses untuk ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: ...menggantung Myanmar dari keanggotaan ASEAN sehingga demokrasi dikembalikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.49 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri II [Dato Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Bukit Bendera atas ucapan penangguhan yang menyentuh bidang kuasa kementerian ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia setakat ini tidak berhasrat untuk mencadangkan keanggotaan Myanmar di dalam ASEAN digantung.

Malaysia berpendapat bahawa tindakan drastik sedemikian bukanlah pendekatan yang baik dan produktif. Tindakan menggantung keanggotaan Myanmar di dalam ASEAN akan hanya meminggirkan negara berkenaan dan membawa kesusahan kepada rakyatnya. Walaupun ASEAN berpegang kepada prinsip tidak campur dalam urusan hal ehwal dalaman negara anggotanya, Malaysia berpendapat ASEAN perlu mengambil berat sebarang perkembangan negatif yang berlaku dalam sebuah negara anggota yang akan menjejaskan kredibiliti ASEAN.

■1750

Justeru itu, ASEAN bersetuju supaya Thailand selaku Pengerusi ASEAN mengeluarkan satu kenyataan mengenai penahanan Aung San Suu Kyi pada 18 Mei 2009. Kenyataan tersebut antara lain mengingatkan Myanmar tentang pendirian negara anggota ASEAN sebelum ini supaya Aung San Suu Kyi dibebaskan dengan segera daripada tahanan.

Kenyataan tersebut juga menyeru supaya Myanmar memenuhi tanggungjawabnya sebagai negara anggota ASEAN, untuk menghormati dan melindungi hak asasi manusia. Selain itu, kenyataan tersebut menegaskan bahawa penahanan Aung San Suu Kyi telah menjejaskan maruah dan kredibiliti kerajaan Myanmar di mata masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia percaya ASEAN perlu terus mengambil pendekatan hubungan yang membina iaitu *constructive engagement* dengan izin, dengan Myanmar bagi menggalakkan negara tersebut mempercepatkan proses pendemokrasian dan perdamaian nasionalnya. Malaysia juga percaya bahawa Myanmar perlu diberikan peluang dan ruang untuk

menyelesaikan masalah dalaman dan memuktamadkan proses pendemokrasian nasionalnya. Sehubungan dengan ini, Malaysia berharap agar Myanmar akan lebih bersifat terbuka dan memberi kerjasama positif kepada inisiatif-inisiatif yang diambil oleh ASEAN dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Di samping itu, Malaysia juga berharap, pilihan raya umum yang akan diadakan di Myanmar pada tahun 2010 dapat dijalankan secara adil dan terus.

Malaysia percaya ASEAN akan terus memantau perkembangan di Myanmar dari semasa ke semasa dan mengenal pasti pendekatan sewajarnya, yang boleh diambil untuk memastikan Myanmar melaksanakan proses pendemokrasian dan pendamaian nasionalnya secepat mungkin. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, hari Isnin, 29 Jun 2009.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.53 petang.